

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

**Bil. 10**

**Selasa**

**20 Julai 2010**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 5)

**USUL-USUL:**

Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) (Halaman 29)

Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M 15(3) (Halaman 102)

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

■ Dasar Tindakan Sepadu Pencegahan Gejala Sosial  
– *Y.B. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī* (Halaman 103)

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 20 Julai 2010**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum itu Dewan Negara mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menjawab soalan pada pagi ini. Dewan Negara juga berharap kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini akan menjadi contoh kepada menteri-menteri yang lain agar dapat menghadirkan diri untuk menjawab soalan. Terima kasih.  
[Tepuk]

1. **Puan Hajah Noriah binti Mahat** minta Menteri Pelajaran menyatakan status dasar pendidikan kanak-kanak tanpa dokumen bukan warganegara dan apakah perancangan kementerian dalam memberi pendidikan kepada kanak-kanak tersebut bagi mengatasi masalah buta huruf dan melaksanakan pendidikan untuk semua.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu aspek yang ditekankan dalam pendemokrasian pendidikan ialah akses pendidikan kepada semua. Ini adalah selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yang memperuntukkan bahawa setiap kanak-kanak yang tinggal di sesebuah negara mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan asas termasuklah kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

Keperluan memberikan pendidikan kepada semua merupakan langkah berterusan kerajaan untuk melaksanakan dengan izin, *Education for All (EFA)* dan program *Reaching the Unreached* bagi mengatasi keciciran murid, peluang pendidikan kepada golongan tidak beruntung dan membasmi buta huruf dalam kalangan rakyat di negara ini. Dalam konteks ini Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan

tanggungjawab melalui pewujudan dasar-dasar baru bagi memastikan golongan kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kanak-kanak tanpa dokumen adalah terdiri daripada kanak-kanak warganegara, bukan warganegara dan tidak ketentuan kewarganegaraannya. Bagi kanak-kanak warganegara yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri sebenarnya tidak menghadapi masalah untuk diterima masuk ke sekolah kerajaan ataupun bantuan kerajaan jika memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Syarat tersebut terkandung di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 1/2009 bertarikh 11 Mac, 2009 yang antara lainnya menyatakan bahawa mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen dan salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia, kanak-kanak tersebut boleh didaftarkan sebagai murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan setelah mendapat surat pengesahan ataupun surat perakuan daripada ketua kampung.

Manakala bagi kanak-kanak bukan warganegara yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri pula, Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun meluluskan satu dasar melalui penyediaan peluang pendidikan alternatif kepada mereka. Namun demikian pendidikan alternatif ini bukanlah pendidikan yang dilaksanakan secara formal seperti yang termaktub di dalam sistem persekolahan kebangsaan. Pendidikan alternatif adalah pendidikan yang akan memberikan penekanan dan penumpuan kepada aspek asas 3M (Membaca, Mengira dan Menulis), pendidikan nilai dan juga jati diri terhadap negara Malaysia dan kemahiran tertentu. Justeru bagi memastikan dasar ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, Kementerian Pelajaran Malaysia akan bergerak bersama-sama agensi kerajaan yang lain, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta untuk menyediakan peluang pendidikan berkenaan.

Pada ketika ini saya difahamkan terdapat pelbagai agensi kerajaan, swasta, NGO dan persendirian yang sedang pun melaksanakan peluang pendidikan secara persendirian seperti Humana dan Kerajaan Indonesia kepada anak-anak tersebut. Saya amat mengalu-alukan inisiatif yang telah pun dilakukan. Namun demikian pada hemat saya pelaksanaan pendidikan tersebut haruslah dipantau secara berhati-hati supaya matlamat asal pendidikan dapat dicapai selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan. Oleh yang demikian saya berpandangan sudah sampai masanya Kementerian Pelajaran Malaysia bertindak sebagai agensi penyelaras supaya program pendidikan yang dilaksanakan dapat diseragamkan dan elemen semangat jati diri

sayangkan Malaysia sebagai negara yang memberikan perlindungan kepada mereka dapat diterapkan dalam diri kanak-kanak berkenaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sehingga kini Kementerian Pelajaran Malaysia telah pun mewujudkan beberapa perkongsian pintar seperti bersama pasukan petugas khas Persekutuan Sabah dan Labuan untuk Program Pendidikan 3M (KAFA), Angkatan Tentera Malaysia melalui Program Jiwa Murni di Pulau Berhala, Sandakan, Yayasan Guru Malaysia Berhad dan UNICEF.

■1010

Justeru, perkongsian pintar ini akan diperluaskan dan saya amat mengharapkan supaya agensi kerajaan, swasta dan NGO yang lain berminat agar bersama-sama berganding bahu untuk menyediakan dan melaksanakan program pendidikan bagi kanak-kanak tanpa dokumen ini.

Kementerian Pelajaran Malaysia akan sentiasa memastikan penyediaan dan pelaksanaan pendidikan untuk kanak-kanak tanpa dokumen ini dapat dilakukan sebaik mungkin bagi memastikan semua kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan yang sewajarnya tanpa mengira agama, bangsa dan lokasi. Ini bertujuan supaya tohmahan masyarakat antarabangsa terhadap negara ini yang menyatakan bahawa Malaysia tidak memberi pendidikan yang sewajarnya kepada kanak-kanak dapat ditangkis. Justeru, saya berharap isu-isu yang berkaitan dengan hala tuju pendidikan bagi kumpulan ini dapat di laksana dan diselaraskan secara bersepadu dan holistik.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Menteri Pelajaran dan juga merangkap Timbalan Perdana Menteri yang telah datang sendiri ke Dewan Negara ini untuk menjawab pertanyaan kita pada pagi ini.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, saya telah merujuk kepada Hansard Dewan Rakyat bertarikh 28 Jun 2010 ketika jawab lisan oleh Kementerian Pelajaran yang menyatakan pengesahan untuk kemasukan kanak-kanak warganegara Malaysia tanpa dokumen ke sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan boleh dilakukan oleh Ketua Kampung dan juga wakil rakyat. Perkara tersebut adalah bercanggah dengan surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009. Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pengesahan untuk kanak-kanak warganegara Malaysia tanpa dokumen ini ke sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, buat

masa ini masih lagi menggunakan syarat-syarat yang termaktub dalam surat pekeliling Ikhtisas yang saya sebutkan tadi, iaitu berkenaan dengan keputusan yang telah pun dibuat oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Januari 2008 yang bersetuju supaya kanak-kanak warganegara Malaysia yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri boleh diterima masuk ke sekolah-sekolah berkenaan.

Untuk itu kita memerlukan pengesahan daripada pemimpin tempatan. Antara pemimpin tempatan yang kita rasa agak lebih mengetahui, lebih mengenali sama ada anak-anak ini siapa bapanya, datang dari mana ialah Ketua Kampung. Ini kerana Ketua Kampung telah dilantik oleh kerajaan dan sudah berada di situ mungkin setelah sekian lama. Jadi kalau hendak disahkan, mungkin dia lebih tahu dan kadang-kadang lebih tahu daripada kita Ahli Yang Berhormat sebab kawasan kita mungkin ada 100 buah kampung. Jadi atas dasar itu, Kabinet memutuskan mestilah disahkan oleh Ketua Kampung.

Walau bagaimanapun, kalau perkara itu dibawa kepada pengetahuan kita sebagai Ahli Yang Berhormat, saya fikir kita boleh bantu. Cuma hendak mengesahkannya itu, bawa kepada Ketua Kampung dan bila borang itu sudah disediakan, kemukakan kepada pihak kerajaan atau jabatan kita dan kita akan menyediakan peluang untuk mereka diberikan peluang pendidikan dan sebagainya.

**Datuk Maijol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan soalan ini Tuan Yang di-Pertua sebab di Kota Kinabalu pun saya nampak ramai kanak-kanak yang berkeliaran (*street children*) dan saya percaya mereka ini adalah anak-anak kepada pendatang tanpa izin yang berkeliaran di Kota Kinabalu. Jadi saya teringat dan ini pertanyaan saya, adakah kementerian memantau dan mewajibkan mereka ini untuk diambil dan dihantar ke sekolah supaya mereka tidak berkeliaran ke sana-sini? Kadang-kadang mengacau orang lalu lalang.

Namun dalam masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya, kalau kita memberikan pendidikan kepada mereka ini, tidakkah ini akan *complicate* ataupun menyukarkan usaha kita nanti untuk menghantar mereka di negara masing-masing apabila sampai masanya untuk berbuat demikian? Itu kekhuatiran saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan tadi, memang sebahagian besar yang dikatakan kanak-kanak yang tidak mengikuti pelajaran kita terdapat di Sabah dan juga di Sarawak. Mungkin sebahagian di KK, di Semporna

mungkin di kawasan Tuan Yang di-Pertua pun ada juga begitu. Jadi atas sebab itu kita sudah putuskan sepatutnya mereka ini jangan kita biarkan begitu. Ini kerana soal pokok ini, asas ini, pelajaran itu wajib. Tidak kira dia anak terbuang kah atau mereka itu *street children* kah atau mereka datang daripada keluarga yang miskin kah ataupun mereka tidak ada bapa dan sebagainya, mereka berhak untuk mendapat pelajaran.

Kita pun di Malaysia mengamalkan sistem begitu, dasar kita begitu. Di peringkat UNICEF pun begitu, di peringkat UNESCO, UN pun dia menggesa supaya semua negara jangan kecualikan kalau ada anak yang sebegitu daripada mendapat pengetahuan. Asas pokoknya, penting untuk kita sediakan. Sebab itu dalam soal sebegini, memang kalau yang disebutkan tadi di Sabah, kita bekerja rapat dengan kerajaan negeri dan selepas itu dengan beberapa agensi-agensi.

Sebenarnya, antara yang banyak yang kita kaji Tuan Yang di-Pertua, di satu dua *survey* yang kita buat, 43,973 kanak-kanak. Akan tetapi ada yang berkata ini tidak semuanya, kalau hendak di kali dua boleh, hendak di kali tiga pun boleh. Jadi, makna mungkin sampai 100,000. Pernah ada Perdana Menteri pun pergi ke pulau – apa yang dimaklumkan dahulu – sekali di Sabah. Di situ nampak berkeliaran. Jadi ini tidak baik bagi kita. Kita tidak mahu dilabel sebagai sebuah negara yang tidak mengiktiraf dasar yang telah ditetapkan oleh UNESCO. Jadi ini akan kita laksanakan.

Cuma yang saya sebutkan tadi mungkin badan-badan yang bukan kerajaan sudah terlibat tetapi jumlahnya agak kecil lagi, masih banyak yang belum dapat kita bereskan. Apa yang paling mencabar sekarang ini hendak mengesahkan itu. Jadi kalau pun tidak dapat disahkan tetapi penting disediakan, maka bolehlah kita sediakan. Tidak semestinya ikut sistem pelajaran kita kerana itu agak memerlukan sekolah yang besar, guru yang banyak. Mungkin dengan perkara 3M yang disebutkan tadi itu mencukupi. Asasnya, dia mesti tahu membaca, mengira dan menulis. Itu pokoknya.

Soal kedua sama ada ini akan menjadi sukar bila sampai masa mereka ini harus pulang, itu kita akan *manage* bila sampai waktunya. Sebahagian daripadanya itu agak sudah ada di sini lama, belum dapat pengesahan tentang statusnya, jadi itu kita kena teliti bagaimana. Akan tetapi pokoknya, soal ibu bapa mereka itu soal ibu bapa mereka. Kita akan uruskan dalam konteks undang-undang dan peraturan yang sedia ada. Akan tetapi soal anak ini, mesti tidak boleh kita abaikan walaupun belum diselesaikan, kita kena selesaikan. Jadi bila sudah sampai masa mereka ini mungkin perlu pulang ke tanah air, maka mereka perlu pulang.

Contoh seperti ada pekerja-pekerja Indonesia yang ramai di Sabah maka Presiden Bambang Yudhoyono waktu datang jumpa dengan Perdana Menteri meminta supaya membenarkan pihak Kerajaan Indonesia membangunkan sekolah Indonesia dengan kurikulum Indonesia di situ untuk menampung keperluan anak-anak Indonesia yang berdaftar di Sabah. Lepas sampai satu peringkat, mereka pulang ke tanah air, maka mereka harus pulang bersama-sama dengan keluarganya.

Jadi soal pokoknya yang kita pentingkan, utamakan iaitu pelajaran tadi. Soal keluarga dan ibu bapa itu hendak kita selesaikan dengan mungkin undang-undang yang sudah sedia adalah, *insya-Allah*.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Berenang sudah ke pantai,*

*Mudik sudah ke hulu,*

*Yang dinanti sudah pun sampai,*

*Sudah tiba yang ditunggu.*

Saya ucap tahniah di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana saya sendiri menimbulkan perkara ini pada 6 Jun yang lalu. Jadi ini satu petanda baik bahawa pemimpin kita – sepertimana yang saya tekankan dalam Dewan ini pada sesi yang lalu, *our leaders are much better than Obama who according to their own people is one way traffic*. Jadi pemimpin kita di sini jelas membuktikan *two way traffic, listen and responds*. Tahniah dan saya ingin juga bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua bahawa ia jadi petanda baik kepada menteri-menteri yang lain.

Soalan saya Yang Amat Berhormat, sudah tentu apa yang dibuat itu menggembirakan UNICEF, UNESCO dan pencapaian MDG.

■ **1020**

Cuma saya ingin tahu, berapakah bilangan kanak-kanak tadi mengikut tiga kategori khususnya kategori kedua yang telah Yang Amat Berhormat Tan Sri sebutkan, dan apakah implikasi kosnya kepada ekonomi negara dan dalam keadaan *limited resources*, dengan izin bagaimana diharmonikan kerana ada satu lagi kumpulan terutama miskin tegar kira-kira 42,000 orang dan kumpulan miskin kira-kira 228,000 orang hendak kita tangani bersama. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Kos yang terlibat agak minima sebenarnya. Saya tidak dapat hendak sebutkan angka. Kita mampu sebenarnya untuk itu dalam soal hendak menyediakan tempat untuk mereka belajar ataupun menyediakan guru dan sebagainya. Setakat hari

ini, dari segi Kementerian Pelajaran, kita mampu untuk menyediakan. Itu saya boleh jelaskan. Cuma kos itu saya minta maaf, minta notis kerana tidak dapat diingatkan jumlahnya. Ini kita bincang di kementerian. Tidak jadi masalah untuk kita tanggung.

Dari segi bilangan saya sebutkan tadi, memang mungkin angka lebih daripada yang disebutkan tadi. Hampir lebih agak 100,000. Akan tetapi kalau ikut kiraannya, dia ada sepuluh kategori. Bukan tiga sahaja yang boleh saya sebutkan di sini senarainya.

- (i) kanak-kanak warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri iaitu kanak-kanak daripada keluarga miskin, kanak-kanak yang tinggal di kawasan bandar, pinggir bandar, pedalaman dan pulau-pulau kecil ini adalah warganegara Malaysia termasuk yang miskin;
- (ii) kanak-kanak warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri yang tinggal berhampiran sempadan antarabangsa sama ada di Kalimantan ataupun di Thailand. Jadi mereka ini agak berulang-alik tidak tahu siapa atau taraf kewarganegaraannya;
- (iii) kanak-kanak daripada kalangan ibu bapa bukan warganegara yang datang ke Malaysia mencari pekerjaan sebagai pekerja ladang, buruh binaan dan sebagainya. Ini kita tahulah. Pendatang yang dapat izin ataupun yang tidak dapat izin pun ada juga;
- (iv) kanak-kanak pulau. Ini yang dipanggil "*sea gypsy*" yang hidup mereka berpindah-randah. Jadi dengan sebab itu ibu bapa kalau lepas lahir tidak tahu bila dan dekat mana hendak daftar, jadi anak itu sampai besar pun, ada sampai 17 tahun tidak ada rekod dokumen langsung. Itu adalah satu daripada kategorinya;
- (v) kanak-kanak yang ibu bapa mereka adalah pelarian daripada selatan Filipina. Ini pun kita sudah tahu berlaku sejak tahun 1972. Mereka yang memegang dokumen IMM 13. Mereka ini pelarian dan kita tahu mereka. Namun kedudukan anak-anak mereka itu tidak belajar;
- (vi) kanak-kanak pelarian Rohingya, Myanmar. Ibu bapa mereka adalah pemegang kad ID UNHCR. Ini adalah dikatakan sebagai pelarian;

- (vii) kanak-kanak pelarian Aceh. Ibu bapa pemegang kad ID UNHCR;
- (viii) kanak-kanak kepada pendatang asing tanpa izin. Ini pun kita tahu. Dia duduk sini pun dia berkahwin selepas itu beranak. Namun mereka ini adalah *stateless*. Jadi tidak ada kerakyatan oleh mana-mana negara;
- (ix) kanak-kanak jalanan yang tidak diketahui latar belakang keluarganya. *Stateless* juga; dan
- (x) kanak-kanak daripada ibu bapa berisiko tinggi. Ini sama ada pelacur, penagih dadah di bandar termasuklah seperti di Kuala Lumpur. Ada juga yang berkeliaran, yang tidak tahu di mana bapa atau ibu mereka.

Jadi ini kategori yang dalam senarai kita. Namun yang disebutkan tadi, sama ada ini membawa kesan kepada langkah kita untuk menyelesaikan masalah miskin tegar. Sebenarnya tidak. Kalau Yang Berhormat tahu, kerajaan pun sudah umumkan. Tahun 2010 iaitu tahun ini, akhir tahun, sepatutnya isu kemiskinan tegar ini sudah beres. Maknanya sudah tidak berbangkit lagi dalam erti kata kita sudah mengambil langkah-langkah proaktif untuk menyelesaikan masalah itu.

Kalau ada pun berbaki, mungkin bilangannya boleh dikira. Dari masa kawasan Yang Berhormat datang pun, kalau ada pun, mungkin kurang bilangan itu. Jaminan kerajaan tahun ini, *insya-Allah* kita akan selesaikan. Namun soal kemiskinan relatif, itu masih ada. Saya kira urusan untuk menyelesaikan masalah pelajaran ini tidak akan mengganggu-gugat inisiatif kerajaan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan yang lebih besar daripada itu. Ini sudah menjadi komitmen kita dalam RMKe-10 yang Perdana Menteri akan bentangkan di sini. Nanti pun akan dibincangkan bagaimana strategi untuk hendak menaikkan taraf rakyat dan isu untuk menangani masalah kemiskinan itu pasti menjadi agenda kita sampai ke peringkat di mana kita harap pendapatan kita meningkat dan sebagainya. *Insya-Allah*.

**2. Tuan Ng Fook Heng** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah mekanisme atau pemantauan kerajaan gunakan untuk memastikan RMKe-10 akan dapat dilaksanakan dengan baik dan tepat.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan amat komited bagi memastikan

semua projek yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar. Untuk tujuan tersebut, kerajaan telah bersetuju supaya Unit Pengurusan Projek, Kementerian Kewangan yang telah memantau semua projek di bawah kedua-dua Pakej Rangsangan Ekonomi dan Bajet 2010 dipertanggungjawabkan pula memantau rapi pelaksanaan semua projek penting di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Projek-projek penting adalah projek-projek yang berdaya maju dan boleh melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara serta dapat memberi kesan berganda atau dengan izin, *multiplier effect* yang besar. Projek-projek tersebut juga dapat diwujudkan dengan izin, *few good factor* serta *sense of pride* di kalangan rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, senarai projek yang akan dilaksanakan dalam dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh hanya akan dimuktamadkan pada akhir Ogos 2010, manakala senarai projek penting pula hanya akan diketahui selepas tarikh tersebut. Sekian.

**Tuan Ng Fook Heng:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita dengar juga projek-projek yang dilaksanakan itu tergendala ataupun tidak dilakukan kerana peruntukan tidak sampai ataupun peruntukan lambat.

Jadi adakah pihak kementerian memastikan ini tidak berlaku dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh? Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng yang membangkitkan perkara ini, mengenai projek yang terbengkalai dan juga projek yang tidak siap dalam tempoh masa yang ditetapkan. Memang adalah hasrat kerajaan supaya semua projek yang kita laksanakan, kontraktor yang kita ambil supaya mereka boleh menjalankan projek dengan lancar.

Walau bagaimanapun, memang kita tahu ada banyak projek yang kita menghadapi masalah. Kita akan membuat pemantauan yang lebih rapi dan juga kita hendak agensi-agensi yang berkenaan membuat pemantauan yang lebih baik. Sekian.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada kementerian ialah, selain daripada kita melihat perjalanan sebelum ini ada berlaku projek yang terbengkalai dan juga kos yang melambung tinggi, saya ingin mendapatkan komitmen pihak kementerian dan Unit Pengurusan Projek. Dalam pelaksanaan RMKe-10 ini, apakah kita punya komitmen yang tinggi untuk memastikan bahawa pada kali ini tidak lagi terlibat pemberian kontrak secara tidak *transparent* yang boleh menyebabkan kos melambung tinggi.

Bahagian keduanya ialah untuk memastikan apakah juga komitmen kementerian pada kali ini untuk kita pastikan agensi-agensi pembangunan wilayah melaksanakan projek dengan lebih telus, kerana ia lebih dekat dengan rakyat sepertimana agensi yang ada pada MADA, KEDA dan sebagainya.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, memang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Ng Fook Heng, memang kita akui ada projek yang tidak 'halal', tetapi kita akan memantau dengan lebih rapi supaya kos tidak akan bertambah. Kita juga berharap Yang Berhormat Senator-senator yang ada maklumat, kalau projek yang dalam perjalanan ada *information*, boleh membawa ke Kementerian Kewangan supaya kita boleh adakan mesyuarat dan masalah yang kita hadapi boleh diselesaikan.

Soal yang kedua, jawapan serupa juga.

#### ■1030

**3. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kriteria utama pelantikan hakim di negara ini, jumlah hakim wanita yang telah dilantik dan juga sasaran jumlah hakim wanita pada 2020.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz. Tuan Yang di-Pertua, pemilihan hakim mahkamah atasan di negara ini adalah berdasarkan kriteria-kriteria sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 23, Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) iaitu seseorang calon itu mestilah memenuhi kehendak di bawah perkara 123, Perlembagaan Persekutuan.

Di mana seseorang itu mestilah warganegara dan pernah menjadi peguam bela bagi mahkamah-mahkamah atau menjadi anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan bagi tempoh selama 10 tahun dan berpandangan objektif dan tidak berat sebelah, adil dan memiliki keperibadian moral yang baik. Ketegasan dan kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya, rajin dan berkebolehan mengurus kes dengan baik, kesihatan fizikal dan mental yang baik. Bagi hakim yang sedang berkhidmat, tidak boleh mempunyai tiga alasan penghakiman belum ditulis terlewat 60 hari atau lebih dari tarikh penghakiman atau alasan perkhidmatan itu disifatkan sudah cukup tempoh.

Bagi pelantikan hakim mahkamah rendah seperti pelantikan majistret Tuan Yang di-Pertua, adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam skim perkhidmatan pegawai

undang-undang di bawah klasifikasi perkhidmatan perundangan dan kehakiman melalui pekeliling perkhidmatan bilangan empat tahun 2002 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa mulai 1 hari bulan November 2002 seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (iii) memiliki ijazah sarjana muda undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau;
- (iv) lulus peperiksaan akhir peguam iaitu dengan izin, *The Bar Final Examination* dan juga lulus Bahasa Melayu termasuk ujian lisan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Bagi Hakim Mahkamah Sesyen, mereka perlulah berada sekurang-kurangnya pada gred L52 sebelum boleh dilantik sebagai hakim mahkamah tersebut. Kedudukan jumlah hakim mahkamah atasan dan hakim mahkamah rendah wanita di negara ini sehingga 15 Julai 2010 adalah seramai 209 orang dari jumlah keseluruhan seramai 426 orang. Ini bermakna 49.1% dari jumlah keseluruhan hakim-hakim mahkamah atasan dan mahkamah rendah adalah wanita. Dalam hubungan ini, kerajaan tidak menetapkan sasaran jumlah tertentu bagi pelantikan hakim wanita pada tahun 2020. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berdasarkan pengamatan saya, terdapat keadaan pertukaran hakim yang terlalu kerap sekarang berlaku di seluruh mahkamah. Adakah pihak kerajaan ada membuat kajian terhadap masalah yang dihadapi oleh hakim-hakim di seluruh negara. Kedua, adakah kerajaan pernah membuat sebarang kajian terhadap keberkesanan fungsi-fungsi hakim wanita dalam negara kita. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa pertukaran hakim sentiasa diadakan, ini membenarkan seseorang hakim untuk berkhidmat di suatu tempat dan juga ke suatu tempat untuk mendapatkan pengalaman dan juga pada masa yang sama ini adalah satu proses untuk pelantikan mereka untuk ke tahap yang lebih tinggi nanti.

Bagi kajian-kajian fungsi-fungsi hakim, kita tidak dapat menafikan bahawa seseorang hakim itu kelayakan mereka memanglah terpulang kepada merit yang ada kepada mereka. Jadi fungsi-fungsi mereka ini sentiasa telah pun diutamakan apabila mereka dilantik sebagai hakim dan dimaklumkan kepada mereka. Mereka sentiasa tahu juga pada masa mereka memohon bahawa mereka dimaklumkan dengan fungsi-fungsi mereka. Kami yakin bahawa hakim yang telah pun dilantik itu memahami peranan mereka dan fungsi mereka apabila menjalankan sebagai seorang hakim. Sekian.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Dewan Rakyat dan juga di luarnya, timbul beberapa tuduhan tentang perlakuan korupsi di kalangan sesetengah hakim. Umpamanya di Dewan Rakyat telah timbulkan mengenai Ketua Hakim mengakui beliau melakukan korupsi dan ada video tentangnya. Sebelum itu misalnya, bekas hakim pernah mengeluarkan kertas walaupun disiarkan secara tidak sah tentang perlakuan korupsi di kalangan sesetengah-sesetengah hakim.

Apakah penyiasatan yang pernah dilakukan tentang tuduhan-tuduhan ini dan bercakap tentang merit tadi adakah merit diketepikan semata-mata untuk melantik ataupun melanjutkan kenaikan pangkat hakim semata-mata kerana mereka berhubungan rapat dengan kuasa. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Pertuduhan yang telah pun dibuat terhadap sesetengah hakim di Dewan ini kita telah pun dengar banyak kali dan jawapan telah pun diberi kepada Yang Berhormat pada masa sesi Dewan. Saya tidak ingin lagi untuk mengulangkan apa yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai isu-isu yang tertentu.

Jadi, saya yakin sekiranya ada pertuduhan yang telah pun dibuat terhadap seseorang hakim, saya rasa Yang Berhormat Senator faham dengan sesi perundangan untuk mengambil tindakan yang sedemikian yang diperuntukkan oleh perundangan. Jadi saya rasa pertuduhan yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Senator terhadap kelakuan seseorang hakim adalah sebesarnya korupsi itu dan ini. Saya rasa ini adalah satu tohmahan sahaja dan saya rasa sekiranya wujud bolehlah buat tindakan yang seterusnya yang diperuntukkan oleh perundangan.

Mengenai tuduhan bahawa ada hakim bukan dilantik mengikut merit, saya rasa ini adalah satu tuduhan yang tidak benar. Semua hakim dilantik mengikut merit dan juga kebolehan mereka, bukan seperti dituduh, *like you know who*, dalam perkara ini. Saya rasa Yang Berhormat Senator ini hanya membuat kenyataan ini seolah-olah untuk mendapatkan sesuatu *mileage* dalam politik. Sekian.

4. **Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membina jalan raya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) menggunakan turapan konkrit berbanding turapan *premix* (tar) yang diamalkan sekarang dan nyatakan rasionalnya.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk merancang, membina dan menyelenggara jalan-jalan persekutuan dan lebuhraya di negara ini Kementerian Kerja Raya sememangnya amat komited bagi memastikan aset negara yang amat berharga ini sentiasa berada pada tahap yang terbaik dan memberikan keselesaan kepada para pengguna. Ini termasuklah memastikan sumber peruntukan kerajaan bagi membina dan menaik taraf jalan-jalan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dibelanjakan secara optimum. Antaranya menerusi pengenalan teknologi dan inovasi baru dalam pembinaan jalan.

■1040

Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) baru-baru ini telah bersetuju dengan cadangan kementerian ini supaya kaedah turapan simen konkrit digunakan, sekurang-kurangnya 500 dari jumlah keseluruhan jalan-jalan raya baru yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Penggunaan simen konkrit ini sememangnya mempunyai kelebihan berbanding turapan secara konvensional. Ini khususnya dari segi jangka hayat lebih panjang dan kos kitaran hidup atau dengan izin *life cycle cost* yang rendah, di samping mampu menampung beban ganda lebih tinggi. Di samping itu, ia juga terbukti mampu meningkatkan ketahanan dan kualiti permukaan jalan kerana kandungan ketepatan dalam turapan simen konkrit adalah lebih tinggi berbanding dengan turapan jalan yang menggunakan bitumen.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kos pembinaan jalan menggunakan kaedah turapan simen konkrit adalah lebih mahal berbanding kaedah turapan aspal konvensional iaitu di antara 20% hingga 50%. Walau bagaimanapun, dari jangka panjang penggunaan kaedah turapan simen konkrit dapat menjimatkan peruntukan kerajaan khususnya dalam aspek penyelenggaraan, di mana ia dapat mengurangkan kerosakan dan meningkatkan jangka hayat jalan. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kerja Raya pada masa kini sedang mengenal pasti lokasi-lokasi jalan yang bersesuaian bagi melaksanakan program jalan konkrit di dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kespesatan pembangunan sesebuah negara sering dikaitkan dengan faktor sistem jaringan jalan raya yang cekap dan teratur. Kita di Malaysia merasa amat bertuah kerana terdapat beribu-ribu kilometer jalan-jalan baru akan dibina oleh kerajaan dalam setiap Rancangan Malaysia lima tahun. Walaupun begitu, timbul juga rungutan orang ramai mengenai tahap kualiti jalan-jalan yang sedia ada, di mana kualiti permukaan jalan raya telah merosot dan kebanyakan tidak diselenggarakan dengan baik.

Soalan tambahan saya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan tempoh jangka hayat reka bentuk atau *design life* untuk turapan muka jalan-jalan raya di negara ini, khususnya di jalan-jalan Persekutuan? Mengapakah terdapat perbezaan yang amat ketara mengenai kualiti jalan di antara jalan-jalan Persekutuan dengan lebuh raya? Adakah kerajaan berhasrat untuk menaikkan had beban muatan kenderaan berat di negara ini, memandangkan kebanyakan jalan-jalan utama atau *trunk roads* telah pun dinaikkan taraf oleh kerajaan. Ini tentunya akan mengurangkan lagi kos operasi kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih Puan Hajah Zainun binti A. Bakar. Untuk soalan bahagian pertama - untuk makluman Dewan yang mulia ini, ketebalan turapan jalan-jalan Persekutuan di negara ini direka bentuk berdasarkan tempoh ketahanan atau *design life* yang disebut Yang Berhormat tadi, selama 10 tahun. Tempoh tersebut mengambil kira faktor penggunaan sumber kewangan kerajaan secara optimum dan faktor-faktor teknikal yang lain seperti beban ganda piawai, purata trafik harian, kekuatan lapisan tapak dan subtapak jalan, di samping kadar pertumbuhan trafik di sesuatu kawasan atau laluan, sekadar 10 tahun.

Untuk menjawab soalan bahagian kedua, Kementerian Kerja Raya memang sedia maklum mengenai kualiti jalan yang selalu rosak atau mendap disebabkan kenderaan-kenderaan berat. Di samping itu, kita tahu beban ganda yang dibahagikan dengan sekatan had berat jalan-jalan Persekutuan adalah di dalam 44 tan. Ini sudah ditetapkan dengan keadaan jalan yang kita ada, jambatan yang kita ada, yang mampu untuk kenderaan berat ini. Ada juga kita tahu pihak - perintah sekatan ini memang sampai ini sahaja dalam senarai satu. Kita akan sentiasa kaji supaya dengan keadaan jalan, jambatan pembetung supaya ia boleh dinaikkan lebih berat lagi atau *exceed load* - beban berganda.

Saya harap juga pihak Jabatan Pengangkutan Jalan akan melaksanakan penguatkuasaan supaya dapat juga mengawal pihak kenderaan berat jangan membawa

lebih berat. Kerana kita tahu jalan-jalan yang kita bina memang tempoh hayatnya 10 tahun. Jikalau kenderaan berat melalui jalan ini, ia akan merosakkan jalan dan tempoh hayatnya akan berkurang. Mungkin akan rosak dalam masa lima tahun. Kita lihat banyak tempat penyelenggaraan jalan menghadapi masalah kerana kenderaan berat melalui jalan itu dan merosakkan jalan, kerana membawa lebih berat muatan jalan raya ini. Terima kasih.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon penjelasan. Selain daripada penjimatan kos, apakah kaedah pemantauan oleh JKR terhadap kontraktor pembaik jalan yang sering kali melakukan kerja-kerja pembaikan jalan? Ini terutamanya jalan-jalan yang berlubang dengan hanya menampal dan tidak tahan lama, dan kadang-kadang *finishing touch* kerja tersebut lebih membahayakan pengguna jalan raya,. Terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed. Sebenarnya jalan-jalan Persekutuan - kita ada syarikat konsesi untuk menyelenggarakan jalan-jalan dengan kadar, dengan peraturan tertentu. Seperti mana di jalan-jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia, kita ada peruntukan setiap kilometer - RM1,550 sebulan untuk jalan-jalan Persekutuan, dan mereka akan menggunakan peruntukan ini untuk memperbaiki jalan-jalan secara rutin kalau kerosakannya lebih teruk.

Kita ada juga peruntukan tambahan untuk mereka supaya dapat buat kerja pembaikan. Akan tetapi kita sentiasa ada pegawai memantau kerja-kerja penyelenggaraan di jalan-jalan Persekutuan. Saya harap Yang Berhormat kalau ada *specific case* beritahu kepada kita, supaya kita dapat lihat *specific case* ini. Sekian, terima kasih.

■ 1050

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri JKR. Tuan Yang di-Pertua, saya dengar timbalan menteri kita jawab naik letih. Kalau atas jalan raya, jalan *jam, slow [Ketawa]* Dia *slow* sangat. Walau macam mana pun permasalahan yang berlaku dalam negara kita, dalam konteks pembinaan jalan raya sekarang ini ialah spesifikasi pembinaan itu.

Ini kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut biasanya ketahanan jalan raya kita adalah selama sepuluh tahun. Ini bukan sepuluh tahun, sepuluh bulan sudah berlaku banyak masalah. Kita hari ini dalam negara kita bagi tahun 2009, 19 orang mati sehari atas jalan raya dan mungkin daripada 19 yang mati ini ada juga yang

disebabkan oleh jalan lopak berlubang. Jadi, soalan saya, bagaimanakah kerajaan hendak memastikan bahawa kontraktor memenuhi spesifikasi yang ditetapkan kepada setiap projek jalan raya.? Terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya saya Timbalan Menteri Kerja Raya bukan JKR. JKR adalah sebahagian daripada agensi di bawah kementerian [*Ketawa*]

Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya setiap jalan yang kita buat adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Kita juga dalam pembinaan pun memantau dengan adanya SO di tapak-tapak kerja. Kemungkinan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, kalau jalan jangka hayatnya sepuluh bulan, ini mungkin saya ingat ia di musim-musim banjir, jalan menjadi rosak. Ini luar biasa.

Saya juga tahu jalan-jalan yang bukan di bawah Kementerian Kerja Raya. Ada jalan-jalan negeri, ada jalan-jalan pihak PBT. Saya haraplah kalau ada yang sebenarnya kerana saya faham ada juga jalan rosak kerana kenderaan berat, ada juga kerana banjir. Saya juga harap kalau kita berkeyakinan kepada pihak kementerian, kita memang mengikut spesifikasi yang ditentukan. *Thank you.*

**5. Datuk Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan rancangan pembangunan Kampung Baru serta kampung tradisi yang lain di dalam Wilayah Persekutuan. Kenapakah masa yang diambil terlalu lama untuk membangunkan Kampung Baru dan kampung-kampung tradisi yang lain, sedangkan tempat-tempat yang lain terus membangun dengan pesatnya.

**Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]:** *Bismillahir Rahmannir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman Bakar bersekali dengan tiga soalan lain kerana menyentuh isu yang sama yakni Kampung Baru. Soalan-soalan itu ialah dua daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman pada Isnin, 26 Julai 2010 dan Selasa, 27 Julai 2010 serta soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok pada Selasa, 3 Ogos 2010.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan.

**Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin:** Terima kasih. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jemaah menteri telah membincangkan rancangan pembangunan Kampung Baru dalam mesyuarat pada 5 Mei 2010. Antara perkara yang dipersetujui

oleh jemaah menteri ialah pembangunan Kampung Baru hendaklah dilaksanakan secara komprehensif berasaskan zon guna tanah perdagangan pusat bandar raya, dengan izin, *city center commercial* (CCC) dengan nisbah plot 1:10 serta nisbah 75:25 bagi ruang perniagaan berbanding unit kediaman.

Kerajaan juga merancang untuk menubuhkan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru di bawah satu akta Parlimen. Perbadanan ini yang dicadangkan akan bertanggungjawab untuk melaksana dan menyelia pembangunan Kampung Baru dan perbadanan ini akan diletakkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Kerajaan turut mempelawa syarikat-syarikat berkaitan kerajaan ataupun GLC seperti Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Haji dan Pelaburan Hartanah Berhad untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam usaha membangunkan Kampung Baru.

Kerajaan sememangnya berhasrat untuk membangunkan Kampung Baru sejak dahulu lagi. Contohnya, pada 15 Disember 1991, beberapa bidang tanah seluas 40.94 ekar di sepanjang Jalan Raja Abdullah telah diwartakan untuk pengambilan balik di bawah Akta Pengambilalihan Tanah 1950 untuk dibangunkan secara komprehensif. Bagaimanapun, para pemilik tanah pada ketika itu telah meminta harga nilai tanah yang sangat tinggi sehingga menyebabkan kerajaan membuat keputusan pada masa itu untuk membatalkan rancangan. Warta pengambilan tanah tersebut telah dibatalkan pada 26 Mac 1992. Oleh itu, jawapan kepada persoalan mengapa cadangan pembangunan Kampung Baru mengambil masa yang lama adalah terletak di tangan pemilik dan pewaris tanah di Kampung Baru sendiri.

Mengenai soalan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim sama ada kerajaan sudah menyiapkan rancangan terperinci dari segi undang-undang, perancangan prasarana guna tanah untuk Kampung Baru, jawapannya pelan induk untuk pembangunan Kampung Baru yang terperinci akan disediakan bersesuaian dengan persetujuan pemilik dan pewaris tanah. Pembangunan Kampung Baru akan mengambil kira aspek perancangan seperti pembaikan infrastruktur, keperluan kawasan hijau atau kawasan lapang, kemudahan masyarakat selaras dengan keperluan penduduk dan ruang perdagangan yang akan dijana berasaskan zon guna tanah dan intensiti pembangunan yang telah ditetapkan dan yang paling utama, ciri-ciri kebudayaan Melayu dan agama Islam akan dipertahankan.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim juga menyoal sama ada kementerian bercadang untuk meminda Enakmen Penempatan Pertanian Melayu, dengan izin, *Malay*

*Agricultural Settlement* (MAS) 1950 bagi membolehkan bukan Melayu dan memiliki hartanah di Kampung Baru. Untuk makluman, memang benar bahawa pada satu ketika dahulu tanah-tanah di Kampung Baru tertakluk kepada enakmen tersebut dan ditadbirkan oleh Lembaga Pentadbiran MAS. Walau bagaimanapun, kini hampir semua tanah di MAS telah dikeluarkan hak milik iaitu menjadi tanah beri milik kepada individu-individu iaitu pemilik dan pewaris.

Di bawah Kanun Tanah Negara 1965, tanah-tanah yang tinggal juga hanya menunggu masa sebelum diberi milik. Justeru, segala urusan hak milik tanah Kampung Baru perlu dibuat mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 yang ditadbirkan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Oleh itu, tidak timbul persoalan untuk meminda Enakmen MAS kerana ianya tidak lagi relevan.

Seperkara lagi, tanah di Kampung Baru bukanlah tanah rizab Melayu tetapi tanah yang mempunyai sekatan kepentingan yang hampir sama dengan tanah rizab Melayu iaitu tanah yang diberi milik tidak boleh diduduki ataupun dipindah milik kepada bukan Melayu. Justeru, kerajaan akan memastikan aspek kepentingan hak Melayu akan sentiasa dipantau oleh Perbadanan Pembangunan Kampung Baru yang dicadangkan dan *insya-Allah*, akan dibentangkan di Parlimen pada hujung tahun ini.

#### ■1100

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok, saya telah menjelaskan bahawa hak milik tanah di Kampung Baru akan kekal 100% di tangan orang Melayu. Nisbah komposisi 60:40 itu hanyalah cadangan awal untuk sewaan dan pajakan dan untuk pemilikan unit di pembangunan bertingkat sahaja dan bukannya untuk pemilikan tanah.

Mengenai soalan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar berkenaan kampung-kampung tradisi pula. Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 telah mengezonkan kampung-kampung tradisi di Kuala Lumpur kepada guna tanah yang lebih ekonomi seperti zon kediaman berkepadatan tinggi dan sederhana serta pembangunan bercampur.

Pemilik tanah boleh membangunkan lot-lot mereka mengikut zon-zon guna tanah yang dicadangkan di bawah Pelan Dewan Bandar raya Kuala Lumpur 2020. Tuan Yang di-Pertua, demikian jawapan saya kepada keempat-empat soalan berkenaan dengan Kampung Baru. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan yang lebih lanjut mengenai tarikh sebenar Kampung Baru akan dibangunkan. Tadi, tidak ada tarikh. Masalah sahaja.

Kedua, saya hendak tahu kampung-kampung tradisi Melayu yang lain yang akan dibangunkan dan bila? Akhirnya, dikatakan ciri-ciri Melayu akan dipertahankan. Sila huraikan ciri-ciri Melayu yang macam mana dalam bentuk dan rekaan bangunan. Kedua, dalam budaya, ketiga dalam aspek riadah. Terima kasih.

**Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan tarikh bila pembangunan akan dimulakan, oleh kerana lebih kurang 4,500 pemilik dan pewaris yang terlibat dalam tanah-tanah MAS khususnya di Kampung Baru. Saya rasa pihak kerajaan perlu masa yang lebih untuk berunding dengan pemilik dan pewaris.

Seperti apa yang berlaku pada tahun 1991, apabila pihak kerajaan hendak cuba mengambil alih tanah dengan cara menggazet tanah iaitu 40 hektar yang telah saya sebutkan tadi, telah ditolak atau pun telah gagal. Kita perlu ambil iktibar bahawa yang paling penting, kita perlu mendapatkan majoriti daripada pemilik dan pewaris bersetuju atas apa yang pihak kerajaan hendak buat. Jadi, memang susah pada masa ini. Pihak kerajaan hendak beri satu tarikh yang tetap tetapi memang pihak kerajaan menggalakkan pembangunan secara berperingkat atau pun fasa.

Ada beberapa kawasan yang saya rasa boleh dimajukan oleh pemilik-pemilik itu sendiri dan juga kawasan-kawasan yang bukan di bawah kawasan MAS, yang mungkin pihak kerajaan boleh berusaha sama dengan GLC atau pun syarikat-syarikat bumiputera yang lain untuk memajukan kawasan itu. Jadi, sekurang-kurangnya akan bermula. Saya berharap bermula pada tahun depan tetapi bukanlah secara total.

Kedua, berkenaan dengan kampung-kampung tradisi yang lain. Saya rasa apa-apa model yang berjaya di Kampung Baru boleh digunakan di kampung-kampung tradisi yang lain. Walau bagaimanapun, permintaan atau pun kehendak mereka-mereka yang duduk di kampung tradisi yang lain seperti di Sungai Penchala, Kampung Padang Balang dan kampung-kampung yang lain berbeza dengan permintaan daripada Kampung Baru dan nilai mereka juga berbeza daripada nilai di Kampung Baru yang terletak di tengah-tengah bandar.

Jadi, perancangan di kawasan mereka akan ada perbezaan tetapi saya yakin jika model di Kampung Baru berjaya, boleh juga digunakan di kampung-kampung tradisi yang lain. Soalan yang ketiga berkenaan dengan ciri-ciri kebudayaan Melayu dan

agama Islam. Ini adalah sebabnya pihak kerajaan mencadangkan Perbadanan Kampung Baru ditubuhkan supaya ada satu badan yang menjaga kepentingan orang Melayu baik dari segi kebudayaan, agama dan juga aspek-aspek seperti dengan izin, *design* dan juga dari segi warisan.

Jadi, walaupun perbadanan ini masih dalam proses perancangan, kita akan pastikan perbadanan ini memainkan peranan untuk mempertahankan ciri-ciri kebudayaan Melayu dan juga warisan Melayu di Kampung Baru supaya walaupun Kampung Baru dibangunkan secara moden, Kampung Baru tetap dikenal sebagai satu kampung moden Melayu atau pun bandar Melayu moden. Akan tetapi, Melayu itu tetap ada dalam aspek-aspek dalam pembangunan itu. Terima kasih.

**Dr. Malasingam a/l Muthukumar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah diucapkan kepada Menteri atas komitmen kerajaan dalam membangunkan kawasan-kawasan kampung tradisi bagi menjamin pelbagai keselesaan persekitaran, ekonomi, kesihatan dan sebagainya.

Sedarkah kerajaan bahawa pembangunan kawasan-kawasan sedemikian ini bukan sahaja dilihat dari segi sudut infrastruktur malah *mindset* juga harus ditekankan dalam mengekalkan pembangunan sesebuah lokasi. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam mewujudkan mentaliti masyarakat agar ianya dapat membantu mereka ini dalam membangunkan serta mengekalkan pembangunan yang dicadangkan itu agar ianya terus dikekalkan sebagai lokasi tradisi kaum-kaum tertentu? Terima kasih.

**Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa dalam usaha-usaha untuk membangunkan Kampung Baru memang tradisi kaum-kaum yang bertapak di situ, memang pihak kerajaan mengambil iktibar untuk mengekalkan supaya menjadi tarikan bukan hanya kepada orang di negara kita tetapi kepada pelancong-pelancong asing.

Satu lagi aspek daripada pembangunan di Kampung Baru adalah supaya Kampung Baru menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong asing apabila mereka datang ke Kuala Lumpur seperti apa yang berlaku di Brickfields yang akan digelar sebagai 'Little India' atau pun Petaling Street pada masa ini yang dikenalkan sebagai 'China Town.'

Jadi, itulah satu daripada aspek dalam pembangunan Kampung Baru yang telah kita tekankan. Walau bagaimanapun, atas dasar konsep 1Malaysia, kita juga akan cuba mencerminkan sedikit percampuran seperti yang telah kita buat di 'Little India.' Di mana

ada percampuran peniaga-peniaga yang terlibat di sana, dari kalangan kaum-kaum lain supaya gambaran 1Malaysia juga dicerminkan di kawasan-kawasan yang dibangunkan. Akan tetapi, dari segi hak milik khususnya di Kampung Baru, kita akan tetapkan hak milik itu kekal di kalangan orang Melayu sendiri.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah di atas kesungguhan kementerian dan kerajaan untuk membangunkan Kampung Baru tidak berapa lama lagi. Saya juga hendak ucapkan terima kasih kerana kampung tradisi, Kampung Melayu di tempat saya dilanjutkan tempoh pajakan sehingga 99 tahun.

■1110

Soalan tambahan saya mengenai kampung tradisi di Wilayah Persekutuan ini atau tempat lain yang tidak mahu dibangunkan semula. Bilakah kementerian hendak menaikkan taraf kemudahan asas yang lama dipohon, kemudahan rekreasi, tempat riadah untuk melebarkan jalan yang terlalu sempit, hendak berselisih kereta pun tidak boleh tambahan pula kalau ada kenduri-kenduri kahwin, jalan akan menjadi *jammed*. Permohonan telah dibuat beberapa kali tetapi pihak kementerian mahupun DBKL atau ICU mengambil sikap tunggu dan lihat dan masih dalam kajian. Minta penjelasan dan perhatian serius daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pembangunan kampung-kampung tradisi termasuk jugalah Kampung Baru, saya rasa pihak kementerian, kita telah mencadangkan khususnya kepada EPU dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh supaya peruntukan tambahan diberi untuk pembangunan dan kemudahan-kemudahan asas di kampung-kampung tradisi. Akhirnya adakah pembangunan ini ataupun penambahbaikan itu dijalankan juga tertakluk kepada *priority* kerajaan pada masa akan datang dari segi kedudukan kewangan.

Walau bagaimanapun, dalam Draf Pelan Kuala Lumpur 2020 kita memang sudah ada beberapa cadangan untuk kemudahan-kemudahan seperti jalan di kampung-kampung tradisi ini diperbaiki. Perkara ini pun telah saya bincang dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di beberapa kawasan supaya apa yang telah disebut itu - Yang Berhormat memang betul saya pun pernah pergi ke Kampung Melayu Kepong dan Kampung Padang Balang beberapa kali, memang jalan terlalu sempit dan perkara ini pun telah kita bincang di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi insya-Allah,

jika ada peruntukan kita akan usahakan membaikkan kemudahan-kemudahan asas di kampung-kampung tradisi ini. Sekian, terima kasih.

**6. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah benar kenyataan bahawa kerajaan bercadang akan menurunkan subsidi tahunan berjumlah RM720 juta untuk beras gred rendah Super Tempatan 15 (ST15) dan bagaimanakah kepentingan rakyat berpendapatan rendah dapat dilindungi di bawah Program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR).

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Tuan Chua Tee Yong]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Tuan Pau Chiong Ung pada 28 Julai 2010 berkaitan perkara yang sama.

Bagi tahun 2010, jumlah subsidi yang diperuntukkan bagi mengeluarkan beras Super Tempatan 15% (ST15%) adalah kira-kira RM373.9 juta. Jumlah ini adalah untuk menampung pengeluaran beras nasional tidak melebihi 40,000 metrik tan sebulan di Semenanjung Malaysia dan 20,000 metrik tan di Sabah dan Sarawak. Oleh itu adalah tidak tepat jika dikatakan subsidi tahunan bagi beras ST15 ini berjumlah RM720 juta.

Berkenaan pelaksanaan program Subsidi Beras Untuk Rakyat (SUBUR), susulan daripada aduan dan rungutan daripada orang ramai yang mengatakan senarai golongan sasaran dalam sistem e-Kasih tidak merangkumi semua golongan yang layak, maka pada 20 November 2009, kerajaan telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan program SUBUR. Penangguhan ini perlu dibuat bagi membolehkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan JPM serta agensi-agensi lain termasuk Jabatan Perangkaan menyemak semula dan membuat verifikasi senarai nama dalam sistem e-Kasih dan memasukkan mana-mana keluarga layak yang tercicir.

Kerajaan tidak bercadang untuk menggantikan program SUBUR dengan program lain sebaliknya akan meneruskan dengan program SUBUR. Sehingga 25 Mei 2010, sebanyak 514,993 permohonan baru bagi program telah dikemukakan oleh semua 222 urus setia Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP). Senarai nama pemohon yang telah diperakukan di peringkat MPPP ini merupakan tapisan peringkat awal dan akan disemak dengan lebih terperinci bagi memastikan kesahihan permohonan tersebut.

Semakan terperinci ini perlu dibuat bagi memastikan hanya golongan yang benar-benar layak akan mendapat bantuan dan manfaat dari program ini. Semakan ini juga bertujuan memastikan tidak ada permohonan bertindih dalam satu keluarga. Ini kerana penerima SUBUR adalah berasaskan keluarga, bukannya individu. Oleh yang demikian, pada masa ini MOA sedang berusaha mengemaskinikan senarai nama penerima dan mekanisme pelaksanaan SUBUR dan akan memperakukan semula untuk persetujuan pihak kerajaan.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah kerajaan ataupun kementerian telah membuat kajian pemberian subsidi bagi golongan berpendapatan rendah? Adakah pemantauan dibuat berkaitan dengan SUBUR 15% dari masa ke semasa sebab saya telah berjumpa di salah sebuah sekolah, beras ataupun SUBUR yang dijual di kantin itu bukan lagi 15%, lebih dari 15%, dengan ada batunya, warnanya dan sebagainya.

**Tuan Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Untuk program SUBUR, ia masih belum dilaksanakan tetapi memang di program SUBUR kita memperuntukkan untuk golongan sasaran di mana terdiri daripada miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Untuk tiga kategori ini, nilai baucar juga bergantung pada bilangan isi rumah. Untuk masalah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator, saya berharap ianya bolehlah secara bertulis dan secara spesifik sekolah mana dan juga menghubungi Kementerian Pelajaran mengenai masalah kantin yang menjual 'SUBUR' yang tidak betul.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Saya sudah membuat surat kepada BERNAS sebab SUBUR ini kita ambil daripada BERNAS tetapi sampai hari ini tidak ada. Cuba Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu.

**Tuan Chua Tee Yong:** Ini adalah salah, SUBUR bukan daripada BERNAS.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tetapi beras daripada BERNAS.

**Tuan Chua Tee Yong:** SUBUR bukan, SUBUR adalah program di mana golongan miskin, mudah miskin atau miskin tegar akan mendapat beras. Beras adalah boleh didapati daripada BERNAS atau pengilang-pengilang yang lain dan beras ini adalah daripada sama ada pesawah padi di Malaysia atau juga diimport mengikut pengeluaran padi pada masa ini. Jadi masalah berwarna-warni ini saya harap Yang Berhormat Senator bolehlah secara spesifik, jangan cakap secara am kerana saya tidak dapat menjawab soalan ini. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, cakap secara am tetapi saya ada bukti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk mengemukakan soalan tambahan. Salah satu tujuan utama SUBUR atau Subsidi Beras Untuk Rakyat ini ialah untuk menghentikan penyelewengan bekalan beras subsidi ST15 dan juga sekali gus menutup ruang-ruang berlakunya ketirisan.

Soalan saya, semenjak pelaksanaan program SUBUR pada 1 Disember 2009, apakah ada kes-kes penyelewengan dalam bekalan beras subsidi ini dan berapakah jumlah atau nilai subsidi yang ditanggung oleh kerajaan semenjak dilaksanakan sehingga Jun 2010. Ini penting kerana golongan ini merupakan sasaran utama dalam usaha pembasmian kemiskinan tegar menjelang akhir 2010 iaitu kita hanya mempunyai 23 minggu lagi sahaja untuk sampai ke akhir tahun. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chua Tee Yong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Saya tidak mempunyai angka untuk jumlah subsidi yang dibelanjakan bagi program SUBUR kerana sehingga sekarang program SUBUR belum dilaksanakan. Mengenai masalah penyelewengan, memang isu ini adalah sesuatu yang serius dan sedang berlaku.

■1120

Maka oleh itu kementerian sedang berusaha dengan secepat mungkin untuk melaksanakan program SUBUR. Penyelewengan berlaku dan sukar diselenggarakan atau dipantau kerana pada masa ini kawal selia padi dan beras, pegawainya adalah berkurangan. Maka untuk menyelesaikan masalah ini, kita tidak mempunyai staf yang mencukupi untuk menjalankan operasi secara menyeluruh. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor** minta Menteri Kewangan menyatakan senarai dan jumlah syarikat di bawah Bursa Malaysia yang telah diberikan amaran dan digantung akibat permasalahan kewangan dan penyelewengan pengurusan oleh Suruhanjaya Sekuriti sejak 10 tahun lalu.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Bursa Malaysia mula memperkenalkan kategori syarikat tersenarai yang mempunyai masalah kewangan pada tahun 2001. Syarikat bermasalah ini dikehendaki untuk melaksanakan cadangan penyusunan semula dalam jangka masa yang telah ditetapkan bagi membaik pulih kedudukan

kewangan mereka. Selepas itu, bagi syarikat yang tidak melaksanakan cadangan penyusunan semula tersebut, Bursa Malaysia akan mengenyahsenaraikan mereka daripada senarai rasminya. Maklumat bagi syarikat yang mengalami masalah kewangan hanya dapat diperoleh mulai 1 Januari 2003.

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan syarikat yang mengalami masalah kewangan bagi tempoh 1 Januari 2003 hingga 15 Julai 2010 adalah berjumlah 143. Bagi tempoh 1 Januari 2003 hingga 15 Julai 2010, sejumlah 99 syarikat telah dinyahsenaraikan daripada senarai rasmi Bursa Malaysia akibat permasalahan kewangan. Manakala pada 15 Julai 2010, terdapat sejumlah 46 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia yang mengalami masalah kewangan masih belum melaksanakan cadangan penyusunan semula. Daripada jumlah tersebut, 17 syarikat telah digantung dagangannya oleh Bursa Malaysia.

Suruhanjaya Sekuriti juga mengambil tindakan ke atas individu atau syarikat yang terlibat dalam penyelewengan kewangan bagi tempoh 1 Januari 2000 sehingga 15 Julai 2010. Suruhanjaya Sekuriti telah mengambil pelbagai tindakan undang-undang dan pentadbiran terhadap individu iaitu pengarah dan ketua pegawai kewangan syarikat daripada 40 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia akibat penyelewengan pengurusan. Sekian.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Saya mohon sedikit penjelasan lagi berhubung dengan kedudukan Suruhanjaya Sekuriti yang membabitkan beberapa skandal ekonomi besar yang membabitkan bilion ringgit – contohnya dalam Sime Darby dan Pos Malaysia baru-baru ini. Apakah kedudukan Suruhanjaya Sekuriti dalam hal ini dari sudut penyiasatannya, pendakwaan yang dibuat dan apakah Suruhanjaya Sekuriti punyai cukup peruntukan undang-undang untuk memastikan setiap yang terlibat dan menyeleweng itu dihukum dan dipertanggungjawabkan di atas penyelewengan yang dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas kenyataan Suruhanjaya Sekuriti baru-baru ini terhadap laporan yang dibuat oleh sebuah akhbar di media yang memetik tentang kritikan yang dibuat oleh seorang Ahli Parlimen di Dewan Rakyat baru-baru ini terhadap Suruhanjaya Sekuriti.

Kita hormat terhadap keputusan dan jawapan yang diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti tetapi saya agak musykil, apakah wajar bagi sebuah Suruhanjaya Sekuriti,

sebuah badan yang mempunyai autoriti yang besar dan kerajaan seperti ini juga dalam memberi jawapan tersebut membuat dakwaan terhadap akhbar tersebut sebagai punya motif yang khianat dan jahat terhadap Suruhanjaya Sekuriti?

Pada hemat saya, kenyataan sebegini tidak seharusnya datang daripada sebuah suruhanjaya atau badan yang punya autoriti terhadap satu-satu media yang hanya memetik kritikan yang dibuat oleh seorang Ahli Parlimen dalam Dewan Rakyat, bukannya datang langsung daripada akhbar tersebut. Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Mohamad Ezam, kawan lama saya yang juga pakar dalam ekonomi. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, di Bursa Malaysia buat masa ini kita ada sejumlah 961 buah syarikat. Kita ada dua pasaran (*two market*) iaitu *main market* dengan syarikat sejumlah 845 buah syarikat dan market yang kedua – *Ace market* berjumlah 116 buah syarikat, dan market *capitalization* atau modal pasaran buat masa ini sejumlah RM144 bilion.

Memang angka ini besar. Kita tengok syarikat yang ada masalah sejumlah 46, itu lebih kurang 5%. Angka itu memang kalau dibandingkan dengan negara maju, angka itu memang besar sedikit. Kita sedang mengambil tindakan yang sewajarnya supaya angka itu akan dapat dikurangkan.

Yang Berhormat kata syarikat seperti Sime Darby – isu syarikat Sime Darby, SC bersama Bursa Malaysia sedang buat siasatan dan kita akan memberi Yang Berhormat jawapan secara bertulis.

Mengenai isu *Securities Commission* yang telah membuat kenyataan tentang sebuah surat khabar, isu-isu ini pun kita tidak hendak besar-besarkan. Memang saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa kita akan berbincang dengan pihak yang berkenaan supaya isu ini tidak berlaku lagi. Sekian.

**8. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pendapat pihak kerajaan dengan cadangan penubuhan Dana Wakaf 1Malaysia yang mampu membantu umat Islam dan bukan Islam mengatasi masalah kemiskinan di mana di negara lain, dana wakaf sudah menyumbang ke arah kecemerlangan rakyat sama di dalam bidang pendidikan, perubatan, pertanian dan pembangunan spiritual.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yayasan Wakaf Malaysia yang ditubuhkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) Jabatan Perdana Menteri pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah Pemerbadanan

1952 (Akta 528), telah pun mewujudkan Skim Wakaf Tunai Malaysia iaitu salah satu cara berwakaf menggunakan wang tunai sebagai harta yang diwakafkan.

Dana yang dikumpulkan menerusi Wakaf Tunai Malaysia akan ditukar kepada harta kekal untuk dimanfaatkan bagi tujuan kebajikan, sosial, kesihatan, pendidikan, perumahan, perlindungan dan kemudahan awam. Semua pembangunan tersebut boleh dimanfaatkan oleh keseluruhan masyarakat.

Yayasan Wakaf Malaysia telah memperoleh kod potongan gaji daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan telah mengadakan *soft launching* Skim Wakaf Tunai Malaysia di peringkat agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti JAWHAR, JAKIM, YAPIEM dan juga YADIM bermula Februari 2009.

Memandangkan kewujudan Wakaf Tunai Malaysia mempunyai fungsi dan objektif yang sama dengan cadangan Yang Berhormat bagi penubuhan Dana Wakaf 1Malaysia, adalah memadai Wakaf Tunai Malaysia dijadikan sebagai sumber utama dalam menggembelng sumber wakaf di Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan tadi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan ataupun kementerian mempunyai dana yang cukup – iaitu yang kita tahu sekarang ini kedoktoran, iaitu doktor kekurangan di negara kita dan aspek pertanian yang mana kalau dibandingkan dengan Thailand, kita di belakang.

■1130

Apakah kementerian Yang Berhormat mempunyai dana yang cukup untuk menghantar pelajar kita untuk melanjutkan pelajaran dari segi kedoktoran dan juga menghantar pelajar-pelajar kita untuk belajar dari segi pertanian di Thailand. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat duit wakaf tidak digunakan untuk dijadikan sebagai biasiswa untuk menghantar pelajar-pelajar. Akan tetapi dana wakaf yang kita dapat dari sumber ini diagihkan untuk membina - misalnya seperti membantu dari segi membina rumah anak yatim dan juga rumah-rumah perlindungan wanita dan juga pelbagai lagi hartanah yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat.

Setakat ini kita memang mempunyai perancangan di masa akan datang sekiranya mempunyai sumber yang mencukupi untuk sebahagian daripada dana wakaf ini dijadikan sebagai sumber biasiswa. Akan tetapi setakat ini ia hanyalah sebagai perancangan, sementara menanti perancangan yang lain kita laksanakan. Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi pertanyaan tambahan saya ialah bila kita sebut “wakaf”, ia agak sensitif dan bagi pihak pemegang amanahnya sendiri dan juga kerajaan.

Soalan tambahan saya ialah adakah pihak Yayasan Wakaf Malaysia ini telah punya panel penasihat ataupun dari kalangan mereka yang benar-benar menguasai ilmu syariat khususnya kaedah kontemporari agar kaedah wakaf ini, ia akan menarik lebih ramai yang ingin menyumbang. Khususnya kita juga menggunakan sumbangan ini kepada pembangunan yang lebih luas untuk memberikan manfaat kepada pembangunan insan yang lebih besar di Malaysia. Sekian, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat. Bila kita bercakap tentang “wakaf” ini adalah satu perkara yang sensitif. Untuk makluman Yang Berhormat buat masa sekarang ini bagi pihak Yayasan hanyalah membantu di Majlis Agama Islam Negeri yang mana MAIN atau Majlis merupakan pemegang amanah tunggal. Kita dipihak Yayasan Wakaf Malaysia hanyalah bekerjasama dan membantu dari segi bagaimana hendak dibangunkan tanah-tanah wakaf ini.

Dalam masa yang sama Yang Berhormat, bila kita bercakap tentang panel penasihat ini saya merujuk kepada Majlis Agama Islam sendiri yang perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut. Yang Berhormat juga perlu maklum kebanyakan daripada wakaf-wakaf yang telah diberikan oleh masyarakat kita ini adalah berbentuk kepada wakaf khas. Misalnya diniatkan tanah wakaf tersebut hanya untuk masjid ataupun tanah perkuburan sahaja.

Jadi yang boleh menukarkan niat tersebut, diniatkan untuk masjid sedangkan realitinya di tempat tersebut sudah pun ada masjid dan tidak perlu dibangunkan. Jadi dalam hal ini kita tidak merujuk kepada satu panel yang tertentu. Akan tetapi kita menggunakan MAIN dan juga Mufti untuk menukarkan niat oleh yang telah diwakafkan dan dengan syarat terpelihara niat tersebut dengan apa yang telah diniatkan dengan tanah tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Selesailah sudah soalan-soalan lisan pada hari ini. Sekarang kita pergi kepada agenda yang seterusnya.

Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## USUL

### **RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (2011-2015)**

11.33 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:**  
*Bismillahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua sebelum saya membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh, saya minta izin untuk mengucapkan selamat datang kepada JKKK Kampung Ampang Tinggi, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan juga pelatih dari Media Prima Berhad yang ada di sini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, dengan nama Allah yang maha pemurah dan maha penyayang saya dengan sukacitanya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu Usul seperti berikut:

**“Bahawa Dewan ini,**

**menyedari** akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dalam menghadapi persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha kerajaan untuk terus melaksanakan Misi Nasional dengan disokong oleh Model Baru Ekonomi sebagai rangka dasar pembangunan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan dilaksanakan berasaskan hala tuju strategik, program dan peruntukan yang diperlukan untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan membawa negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD.3 Tahun 2010;

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat “1Malaysia : Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” dan mempunyai iltizam yang teguh bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk menjayakan pelan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju, berdaya tahan dan berdaya saing, demi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia”.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011 hingga 2015 untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga saya berkesempatan membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015 di Dewan yang mulia ini. *Alhamdulillah* Usul Rancangan Malaysia Kesepuluh telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat untuk dibentangkan bagi pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya perjalanan melangkaui daripada sebuah negara yang bergantung kepada pertanian dan sumber asli kepada tahap kemakmuran yang kita kecapai hari ini merupakan satu pencapaian yang amat mengagumkan. Sepanjang perjalanan tersebut kita telah berjaya mewujudkan ekonomi pelbagai yang moden dengan peningkatan tahap kesejahteraan rakyat yang ketara.

Dasar serampang dua mata yang telah diamalkan oleh kerajaan mulai tahun 1970, yakni pertumbuhan dengan pengagihan telah membolehkan fabrik politik dan sosial negara membangun seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Walaupun Malaysia merupakan negara berbilang kaum dengan pelbagai budaya, dasar kerajaan telah memastikan agar segenap lapisan rakyat dapat menikmati manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan mapan. Ini telah mewujudkan suasana kestabilan politik dan kemakmuran sosial yang seterusnya menyemarakkan sokongan padu rakyat dalam menjayakan agenda pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu perjuangan kita belum selesai. Tiada garisan penamat, tiada noktah dalam usaha kerajaan bagi memastikan kemakmuran negara dan kualiti hidup rakyat yang terbaik. Melangkah ke hadapan, perjalanan kita ke arah Wawasan 2020 penuh dengan ranjau dan cabaran getir.

Malaysia tidak lagi boleh bergantung kepada strategi terdahulu termasuk struktur kos rendah untuk terus berdaya saing di persada antarabangsa. Arus globalisasi dan liberalisasi telah membolehkan kemunculan negara-negara seperti China, India, Brazil, Rusia serta Timur Tengah yang memberikan persaingan sengit kepada usaha kita untuk menarik lebih banyak peluang perdagangan dan pelaburan.

Kita juga menghadapi pelbagai cabaran dalaman ke arah melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke tahap yang lebih tinggi dan pada masa yang sama melaksanakan dasar fiskal yang berhemah.

#### ■1140

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah landasan yang amat penting bagi memastikan hasrat kita untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020. Perjalanan ke arah Wawasan 2020 hanya

tinggal 10 tahun. Oleh itu Rancangan Malaysia Ke-10 merupakan satu-satunya peluang yang ada bagi meneruskan kesinambungan agenda pembangunan ke arah mencapai objektif Wawasan 2020. Pada masa yang sama, titik keseimbangan dan keadilan sejagat akan terus disemai di atas paksi keutuhan Perlembagaan Negara tercinta kita.

Tuan Yang di-Pertua, antara cita-cita kita adalah untuk menjadi seperti negara Andalusia. Seperti kita sedia maklum, kejayaan Kerajaan Islam Umayyah di Andalusia, Sepanyol selama 781 tahun dari tahun 711 hingga 1492 adalah berteraskan konsep perpaduan yang utuh yang telah membawa kemakmuran kepada semua rakyat. Penduduk berbilang kaum, berbilang agama, hidup di Andalusia dengan aman, dengan tenteram dan saling bergantung antara satu sama lain. Golongan pendatang telah berbondong-bondong datang ke Andalusia untuk mempelajari dan menimba ilmu pengetahuan. Andalusia pada waktu itu merupakan pusat peradaban dunia yang mana kemakmurannya diwarnai oleh kemajuan pesat dalam bidang ilmu pengetahuan, seni dan teknologi.

Cordova sebagai kota penting di Andalusia merupakan antara kota termegah, terkaya dan terbesar di dunia pada masa tersebut. Pada masa negara-negara Eropah yang lain masih mundur. Ramai yang berpendapat, kemajuan yang telah dicapai oleh Eropah sehingga hari ini adalah berasaskan pembangunan dan kemajuan yang telah dirintis oleh Andalusia. Kesepakatan dalam agenda pembangunan negara telah memainkan peranan penting dalam melonjakkan nama Andalusia sebagai salah satu kota, salah satu tamadun agung yang melahirkan ramai ilmuwan dan pakar dalam pelbagai bidang termasuk ilmu agama Islam, perubatan, falsafah, ilmu hayat, ilmu hisab, sastera, ilmu alam, astronomi, pendidikan, teknologi kejuruteraan dan sebagainya. Antara cendekiawan agung yang berasal dari Andalusia pada masa itu termasuk Ibnu Tufail, Ibnu Rushd, Al-Idrisi, Ibnu Baitar, Ibnu Bajjah, Ibnu Arabi dan Ibnu Zuhr.

Banyak lagi kejayaan dan kegemilangan Andalusia yang patut kita jadikan teladan dan membakar semangat. Landasan yang disediakan oleh Rancangan Malaysia Kesepuluh telah terbentang di hadapan kita untuk membuat lonjakan ke arah masa depan yang lebih gemilang untuk semua. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, kita juga mampu mewujudkan tamadun gemilang negara sebegitu rupa seperti Andalusia sekiranya kita sama-sama berganding bahu menghakis ketidakpercayaan serta melaksanakan perubahan ke arah menggerakkan transformasi ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesepuluh bertindak sebagai penggerak Model Baru Ekonomi dalam membawa pelbagai pendekatan baru yang

meletakkan pertumbuhan ekonomi sebagai matlamat yang utama. Ianya merupakan pelan holistik yang menjurus kepada strategi serta dasar pro-pertumbuhan. Dalam pada itu pelbagai dasar dan langkah baru akan diperkenalkan bagi mencerminkan komitmen kerajaan untuk mentransformasikan ekonomi negara. Pada masa yang sama, Rancangan Malaysia Kesepuluh juga memberi penekanan kepada pembangunan masyarakat progresif dalam segala aspek termasuk kestabilan politik, termasuk keharmonian sosial, termasuk nilai-nilai murni, termasuk kualiti hidup yang tinggi dan juga perpaduan nasional.

Pendekatan ini didokongi oleh konsep keadilan sosial yang mana kerajaan akan berlaku adil kepada setiap individu merentasi batas kaum dan agama. Keadilan sosial akan memastikan tiada rakyat yang terpinggir daripada arus pembangunan perdana negara dengan menyediakan peluang bagi semua. Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan ini, pendapatan negara kasar per kapita disasar untuk meningkat kepada RM38,850 atau USD12,140 pada tahun 2015. Untuk ini, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar perlu berkembang pada kadar 6% setahun. Antara cabaran rancangan ini adalah untuk memangkinkan pelaburan swasta ke tahap lebih cergas yang mana ianya disasar berkembang 12.8% atau RM115 bilion setahun.

Pada masa yang sama, kerajaan komited untuk mengurangkan defisit fiskal kepada kurang dari 3% pada tahun 2015. Selain itu, kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan bahawa taraf serta kualiti hidup rakyat bertambah baik terutamanya bagi golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian sasaran yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh memerlukan usaha serta tumpuan yang padu dan inovatif. Dalam pada itu pendekatan serta nafas baru yang digariskan oleh Rancangan Malaysia Kesepuluh diterjemahkan melalui 10 premis utama seperti berikut:

- (i) memacu ekonomi domestik dengan kepekaan persekitaran luar negara;
- (ii) memanfaatkan dan menuas faktor kepelbagaian etnik sebagai satu elemen kejayaan di arena antarabangsa;
- (iii) mentransformasikan negara ke arah pendapatan tinggi menerusi pengkhususan;
- (iv) menjayakan pertumbuhan dipacu oleh produktiviti dan inovasi;
- (v) memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan unggul;

- (vi) memastikan peluang yang saksama dan melindungi golongan mudah terjejas;
- (vii) pertumbuhan bertumpu dan pembangunan *inclusive*;
- (viii) menyokong perkongsian pintar yang efektif;
- (ix) menghargai khazanah alam sekitar; dan,
- (x) kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing.

Bagi mencapai aspirasi Rancangan Malaysia Kesepuluh, lima teras strategik utama telah dikenal pasti sebagai panduan ke arah mencapai objektif serta sasaran yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Lima teras tersebut adalah seperti berikut:

■1150

- (i) mengubah falsafah dan pendekatan kerajaan ke arah mentransformasikan Malaysia dengan metodologi NKRA;
- (ii) mewujudkan persekitaran kondusif bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi;
- (iii) menuju ke arah pembangunan sosioekonomi secara *inclusive*;
- (iv) membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia; dan
- (v) mewujudkan persekitaran kondusif ke arah mempertingkatkan kualiti hidup.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perubahan masa dan cabaran global yang dinamik, kerajaan juga telah mengambil langkah untuk menambah baik beberapa aspek rancangan Malaysia lima tahun. Rancangan Malaysia Kesepuluh akan dilaksanakan dengan memperkenalkan kitaran peruntukan pembangunan selama dua tahun - *two years rolling plan* untuk memberi fleksibiliti supaya kita dapat mengambil kira perkembangan terkini. Tumpuan juga diberikan kepada perancangan program dan peruntukan berasaskan *outcome*.

Tumpuan khusus diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada aspek pemantauan dan pelaksanaan bagi memastikan apa yang dirancang menjadi kenyataan. Ini dicerminkan dengan memperkukuhkan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), pembentukan unit pemantauan di Kementerian Kewangan, serta peranan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dalam melaksanakan pemantauan berkala ke atas keutamaan kerajaan dengan laporan berjadual kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar sasaran pertumbuhan 6% setahun dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bukanlah suatu perkara yang mudah. Namun begitu, ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa sasaran ini bukan merupakan satu impian semata-mata. Hasrat ini diteraskan kepada komitmen kerajaan yang utuh serta langkah yang komprehensif. Kita kini berada di balapan terakhir dalam perjuangan menuju ke arah mencapai Wawasan 2020 dengan jayanya. Oleh itu, sasaran pertumbuhan sebanyak 6% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah amat penting, agar kita tidak terkandas di tengah jalan.

Dengan pertumbuhan KDNK 6% tersebut, pendapatan per kapita pada harga semasa akan mencapai USD12,140 pada tahun 2015 dan USD16,980 pada tahun 2020. Iaitu melebihi pendapatan per kapita minimum status negara maju sebanyak USD14,818 pada tahun itu. Dalam hal ini suka saya mengimbau ke belakang, yang mana dari tahun 1957 sehingga tahun 2009, negara telah mencapai purata pertumbuhan sebanyak 6.3%. Pertumbuhan yang mengagumkan ini juga telah dicapai dalam tempoh masa yang tidak kurang cabaran serta rintangannya. Oleh itu kerajaan yakin dan percaya, kita mampu meneruskan *momentum* pertumbuhan tersebut dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Perencanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah berkat hasil muhasabah diri kerajaan secara terperinci dan mendalam ke arah mencapai objektif pembangun negara. Ini adalah selaras dengan seruan Islam yang mengajar kita untuk menilai dan seterusnya mengatasi kelemahan. Dengan mengutamakan kehendak dan keperluan rakyat, kerajaan telah bermuhasabah akan apa yang telah dibuat dengan baik, apa yang perlu ditambah baik, kejayaan yang telah dicapai, dan sasaran yang belum kesampaian.

Muhasabah mendalam dan meluas kerajaan telah menghasilkan pelbagai pendekatan dan langkah baru seperti yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kerajaan yakin dan percaya sasaran Rancangan Malaysia Kesepuluh akan dicapai dengan jayanya jika kita mampu berubah, seperti mana yang telah kita lakukan di sepanjang tempoh 53 tahun merdeka, serta melaksanakan pelbagai langkah baru berkenaan dengan cekap dan berkesan. Untuk memastikan pencapaian sasaran yang telah ditetapkan, Rancangan Malaysia Kesepuluh telah direncanakan sebagai pelan yang komprehensif dan holistik dengan menggariskan pelbagai langkah inovatif dan berani.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita menyingkap inti pati utama Rancangan Malaysia Kesepuluh, kita akan dapati bahawa dua faktor utama yang kritikal, yang akan

menentukan prestasi cemerlang ekonomi negara pada masa hadapan adalah membangunkan sektor swasta sebagai peneraju utama ekonomi, serta mewujudkan gagasan modal insan bertaraf dunia.

Dalam mencapai sasaran pertumbuhan sebanyak 6% setahun, satu transformasi ke arah pertumbuhan yang dipacu oleh produktiviti akan dilaksanakan dengan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan dan inovasi, manakala sektor awam sebagai pemudahcara - fasilitator. Sumber, bakat, teknologi, dan inovasi sektor swasta perlu digerakkan seupaya menjadi jentera pertumbuhan ekonomi yang lebih berkesan. Sasaran pertumbuhan Rancangan Malaysia Kesepuluh akan disokong oleh permintaan dalam negeri, terutamanya daripada pelaburan swasta yang lebih dinamik.

Seperti yang saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai sasaran 6% setahun, pertumbuhan ekonomi negara dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, pelaburan swasta perlu berkembang pada kadar 12.8% setahun. Ini bermakna pelaburan swasta yang diperlukan adalah sebanyak RM115 bilion setahun, dari tahun 2011 sehingga tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan sasaran yang mencabar. Namun kerajaan yakin ia dapat dicapai berkat kerjasama sektor swasta dan awam yang pintar dan berkesan, terutamanya dalam inisiatif penswastaan dan juga perkongsian awam swasta. Ke arah ini kerajaan akan menyediakan pelbagai inisiatif dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, untuk menggalakkan pelaburan dalam negeri dengan Program Transformasi Ekonomi yang berpandangan jauh.

Sehubungan itu, antara inisiatif utama kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah:

- (i) memodenkan peraturan perniagaan dengan melaksanakan kajian peraturan perniagaan secara menyeluruh yang diterajui oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
- (ii) meneruskan liberalisasi sektor perkhidmatan terutamanya untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI);
- (iii) menghapuskan *market distortion* melalui program rasionalisasi subsidi;
- (iv) memperkenalkan Undang-undang Persaingan;
- (v) menambah baik saling hubung di antara kerajaan dengan perniagaan, supaya Malaysia menjadi tempat yang lebih menarik untuk melabur dan berniaga; dan

## ■ 1200

- (vi) memperkasa Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ke arah menjadi agensi promosi pelaburan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua pada masa yang sama, Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) sebagai jentera pertumbuhan dan inovasi akan dibangunkan dengan mengurangkan kos kawal selia yang ditanggung oleh EKS, membina keupayaan EKS, menyokong pembentukan budaya keusahawanan, memperkukuh infrastruktur sokongan dan mempertingkat akses kepada pembiayaan.

Gandingan sektor awam dan sektor swasta akan terus dipergiatkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang mana antara pendekatan dan langkah baru di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh termasuk:

- (i) Memperkenalkan dana fasilitasi perkongsian awam-swasta sebanyak RM20 bilion untuk memangkin, untuk menyokong *viability* pelaburan sektor swasta dalam bidang strategik ekonomi negara yang mempunyai kesan limpahan besar;
- (ii) meningkatkan tahap infrastruktur untuk menyokong aktiviti ekonomi sektor swasta seperti peluasan jaringan *high speed broadband* dengan izin, projek-projek lebuhraya di *Greater KL* dan landasan kereta api elektrik berkembar dari Gemas ke Johor Bharu;
- (iii) rangka kerja sekolah amanah atau pun *trust schools* juga diperkenalkan bagi menggalakkan kerjasama awam-swasta dalam meningkatkan kecemerlangan sistem pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai inisiatif transformasi yang dilaksanakan tidak akan menemui kejayaan tanpa gagasan modal insan yang berkualiti untuk menggerakkannya. Modal insan merupakan faktor kritikal utama dalam melaksanakan transformasi ekonomi negara. Usaha memangkin pelaburan domestik mahupun FDI seperti mana sasaran pelaburan RM115 bilion setahun dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, tidak akan berjaya jika negara tidak mempunyai gagasan modal insan yang cemerlang, yang mahir, yang produktiviti tinggi. Perjalanan ke arah ekonomi yang dipacu oleh pengetahuan, inovasi dan nilai ditambah tinggi akan terbantut jika tiada daya penggerak daripada modal insan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini tumpuan akan terus diberikan kepada usaha meningkatkan kemahiran, meningkatkan produktiviti dan juga keupayaan *soft skills* di sepanjang rangkaian nilai bidang pendidikan dan latihan, daripada pendidikan prasekolah ke pembelajaran sepanjang hayat. Antara langkah baru utama Rancangan Malaysia Kesepuluh dalam aspek pembangunan modal insan termasuk:

- (i) Menubuhkan Talent Corporation yang akan bekerjasama dengan sektor swasta untuk memastikan bekalan modal insan berkepakaran dan berkemahiran yang mantap dan mencukupi;
- (ii) menggalakkan *the explorer* Malaysia kembali berkhidmat serta menyumbang kepada agenda pembangunan negara;
- (iii) mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TEVT) dengan meningkatkan nilai dan daya tarikan TEVT bagi para pelajar penyedia perkhidmatan TEVT dan juga industri;
- (iv) meningkatkan kualiti dan tenaga pengajar di sepanjang rangkaian nilai bidang pendidikan;
- (v) meningkatkan bilangan kelas prasekolah di sekolah rendah kerajaan dan menggalakkan sektor swasta menyediakan pendidikan prasekolah melalui pemberian insentif; dan
- (vi) memperluaskan program berteraskan latihan kemahiran terutamanya melalui kerjasama dengan sektor swasta.

Kerajaan percaya inisiatif pembangunan modal insan akan dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui penubuhan Talent Corporation. Pendekatan yang diambil oleh Talent Corporation adalah memfokuskan kepada kumpulan sasar tertentu dari kalangan pelajar, pekerja berkepakaran tinggi dan penyelidik di luar negara.

Usaha untuk menarik kumpulan ini akan dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak yang berkaitan termasuk agensi kerajaan dalam dan di luar negara serta pihak swasta. Usaha akan ditumpukan ke arah menyediakan peluang yang lebih besar, peluang yang lebih baik dan pelbagai bagi menarik minat kumpulan tersebut.

Selain itu, kerajaan akan berusaha menyediakan persekitaran dan kualiti hidup yang unggul untuk semua. Berdasarkan hala tuju yang jelas, pendekatan yang berfokus dan dengan usaha-usaha yang bersepadu ini, kerajaan yakin penubuhan Talent Corporation akan berjaya untuk menarik tenaga mahir dari luar negara sama ada *the explorer* Malaysia ataupun warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, kepelbagaian modal insan negara yang berbilang etnik akan dimanfaatkan untuk mencapai kejayaan di arena antarabangsa. Masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa secara tabiinya dapat menjalinkan hubungan yang erat dengan negara China, India dan Indonesia yang merupakan antara negara yang paling pesat membangun di rantau ini. Umat Islam di negara ini juga mampu menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan negara-negara Islam lain khususnya di Timur Tengah yang mempunyai sumber kewangan dan pelaburan yang begitu besar. Kelebihan unik negara ini perlu dipergunakan sepenuhnya untuk membina jaringan perdagangan dan pelaburan yang lebih besar dengan negara-negara yang berkenaan.

Pendekatan baru ini mengambil kira perkembangan terkini senario antarabangsa yang mana kita sedang menyaksikan kebangkitan semula Asia sebagai kuasa besar ekonomi dunia. Negara-negara peneraju ekonomi utama di Benua Asia bukan sahaja telah merapatkan jurang pembangunan antara mereka dengan dunia barat, malah juga berjaya mengurangkan jurang teknologi dan inovasi. Kedudukan kita di tengah-tengah anjakan transformasi Asia ini harus kita garap, harus kita manfaatkan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu pendekatan baru utama kerajaan adalah peralihan tumpuan daripada penyediaan kemudahan fizikal kepada infrastruktur bukan fizikal. Ini merupakan pendekatan serampang dua mata yang bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan modal insan tetapi juga meningkatkan kerjasama awam-swasta. Terdapat dua faktor utama yang mendorong kerajaan untuk melaksanakan peralihan tersebut.

Pertama, Fasa transformasi Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi, memerlukan peralihan ke arah nilai ditambah yang lebih tinggi dan aktiviti pengetahuan yang intensif. Pembangunan modal insan serta *software* merupakan elemen asas dan kritikal dalam mentransformasikan ekonomi Malaysia ke aras ekonomi berpendapatan tinggi.

#### ■1210

Kedua, kerajaan akan mengguna pakai strategi yang memerlukan peranan yang lebih besar bagi sektor swasta dalam penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan awam seperti latihan kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, peralihan ini akan dilaksanakan melalui memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran bagi meningkatkan industri ke rangkaian nilai yang lebih tinggi. Selain itu, kerajaan akan menyediakan sokongan pembangunan

kluster dan ekosistem industri ke arah membolehkan pengkhususan dan skala ekonomi yang lebih besar. Pelaburan dalam pemboleh inovasi terutamanya R&D serta pembiayaan modal teroka juga akan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, melangkah ke hadapan, tumpuan akan diberikan kepada model pembangunan ekonomi yang berteraskan tahap produktiviti yang tinggi dan budaya inovasi yang pelbagai bentuk. Ini merupakan peralihan yang signifikan daripada model ekonomi terdahulu yang didorong terutamanya oleh pertambahan faktor pengeluaran, iaitu yang berasaskan pelaburan fizikal, bahan tenaga murah dan pekerja kemahiran rendah.

Dalam hal ini, Rancangan Malaysia Kesepuluh akan memberi penekanan kepada aspek peningkatan kemahiran pembangunan kluster perindustrian, pelaburan berkualiti, nilai ditambah tinggi dan juga insentif R&D. Untuk tujuan ini, antara insentif baru utama yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah seperti berikut;

- (i) penubuhan sebuah unit khas untuk menerajui pembangunan inovasi negara di bawah Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) menambah baik pembiayaan modal teroka awam bagi memungkinkan pengkomersialan inovasi dan idea-idea baru;
- (iii) mengkaji semula undang-undang kebangkrapan bagi menggalakkan "*second chance*" yang menggalakkan percambahan idea baru serta sikap "*dare to fail*" dengan izin yang pastinya akan memungkinkan inovasi dan kreativiti; dan
- (iv) mewujudkan insentif *green lane* bagi IKS tempatan yang telah membuktikan keupayaan dan daya saing di medan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini strategi negara adalah berdasarkan kepada mempelbagaikan sektor pertumbuhan (*diversification*). Melangkah ke hadapan – penekanan akan diberikan kepada aspek pengkhususan terutamanya di dalam sektor di mana negara mempunyai kelebihan daya saing yang berpotensi tinggi. Pengkhususan akan membolehkan pengeluaran pada skala yang besar dan juga memungkinkan aktiviti berintensif pengetahuan di dalam sektor yang berkaitan melalui *capital and capacity deepening* dengan izin.

Selaras dengan pendekatan pengkhususan yang diamalkan oleh kerajaan ini, 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) telah dikenal pasti untuk diberi tumpuan khusus. Hasil daripada Makmal NKEA yang sedang berjalan akan diumumkan kepada

rakyat pada bulan Oktober nanti. Berdasarkan simulasi, sumbangan daripada Bidang Ekonomi Utama Negara dijangka menghasilkan Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM1,242 bilion pada tahun 2020. Di mana penyumbang utamanya merupakan sektor minyak, gas dan tenaga, perkhidmatan kewangan, serta minyak sawit dan produk berkaitan.

Selaras dengan konsep pengkhususan yang telah dihuraikan tadi, kerajaan juga akan mengutamakan pertumbuhan tertumpu, *agglomeration on concentrated development*. Pertumbuhan tertumpu menggalakkan skala ekonomi yang lebih besar dengan jaringan pelaburan dan perniagaan yang lebih luas. Aktiviti ekonomi di sesebuah negara selalunya tertumpu di kawasan bandar, terutamanya di bandar raya besar dan kawasan sekitarnya. Dengan tumpuan firma dan juga modal insan berkemahiran yang tinggi.

Dalam pada itu persaingan bukan hanya lagi berlaku antara negara, tetapi juga antara bandar-bandar besar. Kerajaan akan memastikan pembangunan sesebuah bandar dilaksanakan secara teratur agar ia mampat, *compact* dan mampu menyediakan persekitaran yang kondusif untuk warga penduduk. Ini adalah penting kerana kualiti dan keselesaan hidup sesebuah bandar adalah penting untuk menarik modal insan yang cemerlang di samping menjamin kualiti hidup rakyat yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran yang dihadapi ialah untuk menyediakan kualiti hidup bandar, untuk memastikan bahawa faedah kepadatan tidak terjejas berikutan peningkatan jenayah, pencemaran, dan kesesakan, tambahan lagi, *trend urbanization* di Malaysia semakin meningkat, di mana pada masa ini 67% daripada penduduk tinggal di kawasan bandar. Oleh itu, kerajaan akan memastikan kepadatan bandar tidak terjejas akibat jenayah, pencemaran, dan kesesakan.

Langkah seperti pembangunan kluster baru, menarik taraf pengangkutan awam, penyediaan kawasan hijau, riadah dan rekreasi serta inisiatif pembangunan semula akan dilaksanakan. Bandar Raya Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya, *Greater Kuala Lumpur* akan dimajukan sebagai bandar bertaraf dunia. Hasrat ini dicerminkan oleh pemilihan *Greater Kuala Lumpur* sebagai salah satu NKEA.

Pada masa yang sama, fokus akan diberikan kepada usaha meningkatkan liputan kemudahan asas seperti jalan, bekalan elektrik dan air serta jaringan komunikasi kepada kawasan luar bandar. Kerajaan menyasarkan pembinaan sebanyak sepanjang 6,310 kilometer jalan berturap di Semenanjung Malaysia, 2540 kilometer di Sabah dan 2820 kilometer di Sarawak yang akan memberikan faedah kepada 3.3 juta penduduk.

Kerajaan juga akan memastikan liputan bekalan air luar bandar yang lebih berkualiti dan berterusan dengan sasaran liputan sebanyak 99% di Semenanjung Malaysia, 98% di Sabah dan 95% di Sarawak. Ini melibatkan penyambungan bekalan air kepada sebanyak 117,000 rumah di Semenanjung Malaysia, 112,700 di Sabah dan 87,400 di Sarawak. Liputan bekalan elektrik di kawasan luar bandar akan diperluaskan untuk meliputi penyambungan bekalan elektrik ke 6,000 buah rumah di Semenanjung Malaysia; 59,000 di Sabah dan 76,000 di Sarawak.

Selain daripada infrastruktur dan utiliti asas, kerajaan juga akan menyediakan kemudahan imuniti sosial serta kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi kepada masyarakat luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Pusat Internet 1Malaysia akan diwujudkan dengan menggunakan dana *Universal Service Provision* di kawasan luar bandar seperti di kampung baru, estet dan kampung tradisional. Pusat ini akan menyediakan ruang bagi belia untuk mendalami pengetahuan dalam bidang ICT serta melibatkan diri dalam aktiviti komuniti setempat.

#### ■ 1220

Tuan Yang di-Pertua, dalam kerajaan memberi penekanan sepenuhnya kepada agenda pembangunan ekonomi negara tanggungjawab untuk memulihara alam sekitar secara mampan tidak akan diabaikan dan terus dipikul bersama. Anugerah kekayaan semula jadi negara yang begitu unik dan pelbagai bukan sahaja harus dipelihara tetapi dipergunakan sebaiknya untuk menyokong aktiviti ekonomi negara. Pelaksanaan pelbagai dasar yang telah digubal antaranya Dasar Alam Sekitar Negara, Dasar Teknologi Hijau Negara serta Dasar Perubahan Iklim akan menjurus kepada penggunaan sumber secara mampan dengan menitik berat aspek-aspek alam sekitar.

Dalam hal ini pelbagai langkah baru akan dilaksanakan dalam tempoh rancangan termasuk penggunaan sumber semula jadi seperti petroleum, gas dan air akan dilaksanakan secara efisien dengan meletakkan nilai atau harga yang optimum bagi menyokong agenda pembangunan negara secara mampan. Pelbagai aktiviti ekonomi yang berpotensi tinggi seperti ekopelancongan akan dibangunkan yang seterusnya mewujudkan *virtual-cycle* bagi pemuliharaan alam semula jadi.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan teknologi hijau juga akan dipergiatkan ke arah kemampanan alam sekitar di samping merebut peluang daripada trend hijau global masa kini. Antara langkah baru utama yang diperkenalkan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh termasuk:

- (i) pelaksanaan Dasar Tenaga Baru dengan penekanan kepada pelaksanaan prinsip pasaran serta kepelbagaian dan kecekapan penggunaan sumber tenaga;
- (ii) *fit in tariff* dan dana tenaga boleh diperbaharui akan diperkenalkan bagi menggalakkan aplikasi tenaga boleh diperbaharui;
- (iii) Skim Pembiayaan Teknologi Hijau sebanyak RM1.5 bilion bagi menyokong pembangunan produk dan perkhidmatan yang berasaskan aplikasi teknologi hijau;
- (iv) pengenalan garis panduan serta sistem penarafan hijau bagi premis bangunan di mana Putrajaya dan Cyberjaya akan dijadikan model perintis bagi bandar hijau contoh.

Tuan Yang di-Pertua dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, konsep pertumbuhan dengan pengagihan diperkukuhkan dengan mendukung aspek inklusif dan prinsip keadilan sosial. Aspek inklusif memastikan bahawa tiada golongan terpinggir atau terlepas peluang dalam menikmati arus pembangunan negara. Prinsip keadilan sosial mengambil kira tahap pencapaian setiap golongan masyarakat yang mana bantuan akan diberikan kepada mereka yang memerlukannya. Kerajaan bukan sahaja akan menyediakan peluang dan kemudahan yang mencukupi bagi menjamin kesejahteraan segenap lapisan rakyat malah kerajaan akan menyelami kehendak dan permasalahan sehingga ke peringkat akar umbi agar kesulitan rakyat dapat diatasi dengan pantas dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1970 sebanyak 49.3% rakyat negara hidup dalam kemiskinan, tetapi kini kadar kemiskinan adalah kurang daripada 4% dan miskin tegar kurang daripada 1%. Ini merupakan kejayaan yang amat membanggakan. Dengan kejayaan kita memerangi kemiskinan, objektif utama kerajaan adalah untuk memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup terus meningkat dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah. Kerajaan sememangnya menyedari akan keperluan untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah khususnya di kalangan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah. Kumpulan ini mempunyai pendapatan tidak melebihi RM2,300 sebulan.

Oleh itu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh tumpuan kerajaan juga akan diperluaskan kepada isi rumah berpendapatan 40% terendah bukan sahaja golongan miskin. Ini kerana kerajaan prihatin bahawa golongan isi rumah berpendapatan 40%

terendah mudah terjejas dalam arus perubahan ekonomi yang mendadak. Tumpuan ini adalah penting kerana isi rumah berpendapatan 40% terendah merangkumi 2.4 juta isi rumah di mana 73% adalah bumiputera, 90% adalah Cina dan 7% India.

Malaysia tidak akan menjadi negara maju jika sebahagian besar warganya tidak menyumbang secara optimum kepada pembangunan negara seperti kata Franklin Roosevelt dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*The test of our progress is not whether we add to the abundance of those who have much, it is whether we provide enough for those who have too little*".

Tuan Yang di-Pertua, asas pendekatan baru kerajaan dalam aspek agenda pembangunan bumiputera adalah berpaksikan:

- (i) penyertaan masyarakat bumiputera secara lebih bermakna dan mampan;
- (ii) penekanan kepada aspek membina keupayaan (*capacity building*) membina keupayaan bumiputera terutamanya dari segi pembangunan modal insan;
- (iii) dasar dan strategi yang dirangka akan mengambil kira pendekatan pro pertumbuhan yang diamalkan oleh kerajaan;
- (iv) mengambil kira atau *leverage* kelebihan dan keupayaan masyarakat bumiputera sedia ada;
- (v) pengukuran penyertaan atau pencapaian bumiputera diperluaskan daripada hanya hak milik ekuiti kepada hartanah, pendapatan dan guna tenaga profesional.

Dalam pada itu penekanan akan diberikan kepada usaha meningkatkan pendapatan am bumiputera bukan sahaja pemilik aset. Selaras dengan pendekatan baru ini antara langkah utama agenda bumiputera yang akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh termasuk:

- (i) menambah baik program keusahawanan melalui agensi pembangunan bumiputera dan untuk ini RM1.5 bilion akan disalurkan untuk Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK), RM3 bilion bagi organisasi pembangunan usahawan seperti MARA dan PUNB;
- (ii) meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera melalui '*institutionalization*'. Dalam hal ini program ekuiti swasta dalam

syarikat pelaburan berkaitan kerajaan seperti PNB, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Tabung Haji dan Ekuinas akan ditambah baik;

- (iii) mempertingkatkan pemilikan hartanah bumiputera melalui Tabung Pelaburan Amanah Hartanah (REIT) dan pembangunan semula kawasan bumiputera seperti Kampung Baru;
- (iv) mewujudkan satu majlis peringkat tertinggi untuk merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan agenda pembangunan bumiputera yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi keusahawanan bumiputera, pendekatan berasaskan *segmented approach* akan diguna pakai, yang mana usahawan bumiputera kecil-kecilan akan dibantu secara langsung melalui pembinaan keupayaan, manakala syarikat bumiputera yang lebih besar dan berdaya saing akan dibantu berasaskan dasar merit dan mesra pasaran. Usahawan bumiputera berpotensi yang masih belum bertapak perlu dibantu kerana mereka menghadapi pelbagai kekangan dari segi akses kepada pembiayaan, jaringan perniagaan dan juga pengalaman. Pada masa yang sama, penekanan pada dasar merit mengiktiraf keupayaan sedia ada syarikat bumiputera yang berwibawa, agar mereka mampu membuat lonjakan ke tahap yang lebih tinggi.

Kerajaan perlu memastikan agar majoriti penduduk negara berkeupayaan untuk meningkatkan pendapatan ke tahap tinggi jikalau kita ingin mencapai Wawasan 2020. Konsep *inclusive*, konsep keadilan sosial yang diamalkan oleh kerajaan adalah tertumpu kepada usaha memastikan agar tiada komuniti termasuk bumiputera yang terpinggir daripada arus pembangunan perdana negara. Oleh itu, agenda pembangunan bumiputera merupakan satu keperluan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan potensi penuh negara dapat dicapai dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat komited dalam memastikan bahawa kemakmuran pembangunan negara turut dinikmati oleh segenap lapisan rakyat. Dalam hal ini, fokus khusus akan diberikan kepada golongan terpinggir di kawasan pedalaman dan juga golongan miskin bandar. Penekanan akan diberikan kepada usaha mempergiatkan pelaksanaan pelbagai program peningkatan pendapatan serta penyediaan kemudahan asas.

Bagi mereka yang berminat menjalankan perniagaan kecil-kecilan, akses kepada kemudahan mikro kredit AIM dan TEKUN akan disediakan dalam usaha menangani kemiskinan bandar. Kemudahan pinjaman ini akan dipakej bersama dengan latihan keusahawanan bagi membina keupayaan mereka dalam bidang seperti pengurusan kewangan, penyediaan rancangan perniagaan, pemasaran dan promosi. Selain itu, program latihan kemahiran akan dipergiatkan terutamanya bagi golongan muda pelbagai kaum yang tercicir daripada persekolahan.

Penduduk yang tinggal di kawasan Kampung Baru Cina akan diberikan bantuan. Kini terdapat 280,000 isi rumah yang tinggal di kawasan Kampung Baru Cina. Untuk membantu mereka membuat pembayaran premium tanah bagi melanjutkan tempoh pajakan, mereka akan disediakan pinjaman mudah yang akan disalurkan melalui Bank Simpanan Nasional. Untuk ini, sebagai permulaan, dana pembiayaan sebanyak RM100 juta akan disediakan.

Tumpuan juga akan diberikan untuk memperbaiki kualiti hidup pekerja ladang dan *displace estate workers* yang mana majoritinya terdiri daripada kaum India. Ke arah ini, liputan bekalan air ke 182 estet akan dipertingkatkan dengan peruntukan sebanyak RM109 juta. Kaedah untuk memberikan hak milik tanah kepada masyarakat Orang Asli dan bumiputera di Sabah dan Sarawak juga sedang dipertimbangkan oleh kerajaan bagi membolehkan mereka melaksanakan program pertanian secara bersepadu. Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet mengenai hal ehwal kaum India dan bumiputera Sabah dan Sarawak juga akan terus dipergiatkan untuk memastikan agar tumpuan terperinci dan berkesan dapat diberikan kepada segenap lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, proses transformasi negara memerlukan transformasi jentera kerajaan untuk menyokong peralihan ekonomi tersebut. Untuk muncul sebagai negara yang berdaya saing pada peringkat global, kerajaan perlu berubah supaya seumpama syarikat yang berdaya saing. Bagi menyokong pertumbuhan rancak sektor swasta, ini adalah asas kepada Program Transformasi Kerajaan yang sedang dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, mulai Rancangan Malaysia Kesepuluh, pelaksanaan program dan projek secara *rolling plan* akan diperkenalkan. Melalui pendekatan ini, peruntukan program dan projek pembangunan akan dibuat untuk setiap dua tahun bermula tahun 2011 dan tahun 2012. Pendekatan ini membolehkan komitmen dibuat berdasarkan keupayaan kewangan semasa kerajaan dan memberikan fleksibiliti kepada kerajaan untuk mengambil kita keutamaan baru, sesuai dengan perubahan persekitaran

ekonomi domestik atau global. Senarai terperinci program dan projek bagi *rolling plan* pertama akan dikeluarkan pada akhir bulan Ogos tahun ini.

Bagi melaksanakan program pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, kerajaan akan menyediakan siling peruntukan sebanyak RM230 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Untuk tujuan ini, sebanyak 55% akan diagihkan kepada sektor ekonomi, 30% kepada sektor sosial, 10% kepada sektor keselamatan dan 5% kepada sektor pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, risiko pergolakan dan ketidaktentuan terus membayangi persekitaran ekonomi dunia akibat arus globalisasi, liberalisasi dan teknologi yang sentiasa berkembang dan berubah. Fenomena ini membawa pelbagai cabaran yang getir, namun ia membuka banyak peluang kepada mereka yang peka dan responsif. Oleh itu kita perlu bangkit, menggenggam peluang yang tersedia, termasuk menjadi sebahagian daripada fenomena kebangkitan Asia ke arah mewujudkan landasan ekonomi yang lebih dinamik dan progresif.

Pada masa yang sama, kerajaan amat komited untuk mewujudkan keadilan sosial dalam pembangunan negara. Dalam konteks ini, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membela mereka yang kurang bernasib baik dengan memperkukuhkan kedudukan mereka supaya mampu sama-sama berada di garisan permulaan untuk mengacapi kejayaan sepertimana yang diucapkan oleh Presiden Lyndon Johnson pada tahun 1965 dengan izin, *“As a society, we have a responsibility for bringing people to the ‘starting line’ without significant disadvantages, because if we fail to do so, they cannot fairly participate in the race”*.

Tuan Yang di-Pertua, perjuangan kita masih belum selesai. Ganjaran yang besar menanti kita di garisan akhir. Untuk ini, kita perlu berani melaksanakan transformasi, kita perlu tabah menghadapi cabaran, kita perlu kreatif dalam mengorak dan mengatur langkah dalam suasana yang di dokong oleh idealisme yang tinggi. Kita boleh menghadapi dan mengatasi pelbagai krisis ekonomi dan kewangan, tetapi kita mesti mengelakkan krisis keyakinan. Keyakinan dan iltizam yang teguh perlu disematkan di dalam sanubari kita semua bahawa kita mampu merobah dan mentransformasikan ekonomi negara.

Inilah sebab utama kerajaan memberikan penekanan yang begitu khusus kepada semangat 1Malaysia. Walaupun kita semua mempunyai kelebihan serta perbezaan tersendiri, kita perlu bersatu-padu menyumbang ke arah kemakmuran negara. Kita daripada pelbagai etnik telah membina rumah dan sekolah di negara ini,

jambatan dan perniagaan, kita telah mengerjakan sawah padi dan perladangan dan kita telah menyumbang sebagai pendidik, peguam, doktor dan jurutera.

■ 1240

Kita perlu terus menyumbang, kita perlu terus berkhidmat untuk kebaikan bersama, selama ini rakyat Malaysia telah belajar akan kepentingan toleransi dan keterbukaan dan lebih penting lagi kita telah mempelajari erti sebenar kerjasama berpasukan. Negara ini telah mencapai kemerdekaan dan pembangunan pesat atas dasar kerjasama berpasukan di antara berbilang kaum, ciri unik Malaysia ini iaitu kerjasama yang erat dan kukuh merupakan batu asas kejayaan kita, kita perlu terus menghayati sifat murni ini ia sangat penting sehingga menjadi sebahagian daripada jata negara 'Bersekutu Bertambah Mutu'.

Rancangan Malaysia Kesepuluh ini digarapkan sebagai gagasan yang dihamparkan umpama sebuah pemandangan yang indah, ia bukan satu ilusi. Ia akan menjadi realiti dengan berkat ketekunan, usaha dan doa kita semua. Justeru kita perlu memastikan pelaksanaan menepati jadual dan waktu bagi memperoleh manfaat maksimum daripada apa yang dilaburkan, untuk berjaya kita perlu bekerja sebagai pasukan 1Malaysia yang seia, sekata, sebaris, sederap dengan satu wawasan, satu matlamat dan satu citra. Mempersembahkan yang terbaik kepada Malaysia dengan segala kudrat yang termampu, sikap mementingkan diri atau memperjuangkan agenda tertentu akan menyebabkan kita tersungkur.

Tuan Yang di-Pertua, bersamalah kita mengorak perjalanan berliku dan penuh bertali arus, sambung menyambung, diwarisi pula dari satu generasi ke generasi seterusnya, berusaha dan bertawakallah mudah-mudahan kita bertemu jaya, *insya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri yang telah pun dengan begitu panjang lebar membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan seterusnya ada sesiapa yang menyokong?

**Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Usul Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekarang terbuka untuk dibahaskan. Sebelum saya memanggil, saya percaya ramai yang berminat untuk turut serta membahaskan perkara ini, saya perlu memberi peringatan

supaya semua Ahli Yang Berhormat harus patut bersedia, lengkap, dan kalau boleh siapkan nota-nota yang kemas dan begitu bijak serta cermat supaya dapat kita sama-sama menjurus kepada satu matlamat yang baik. Saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Akbar.

**12.44 tgh.**

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh* dan salam sejahtera, selamat tengah hari, salam 1Malaysia. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Sebelum itu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana beliau melakukan *follow through* dalam usaha meningkatkan kewibawaan Dewan ini terutamanya Ahli-ahli Dewan ini, contohnya menganjurkan seminar pada hari Ahad yang lalu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat itu bukan dalam agenda. *[Ketawa]* Teruskanlah agaknya dalam konteks yang lain Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Tidak apa, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tetapi itulah saya ingin merakamkan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Akbar bin Ali:** Dalam usaha saya membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, saya mengambil nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa beliau mengatakan kerajaan tidak tahu semua, maka terpanggillah saya untuk memberanikan diri untuk sama-sama berusaha memperbaiki RMKe-10 ini di mana-mana kalau ada kekurangan. Tetapi dalam masa yang sama, saya juga mengaku bahawa saya tidak tahu semua, namun demikian dengan izin, *the total some of all parts we give a greater all to the totality*. Dalam perbahasan ini saya juga ingin mengguna pakai pendekatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dengan izin, *“appreciating the problem not criticizing the problem, that will make a big different”*, so saya akan berusaha ke arah itu Tuan Yang di-Pertua.

Yang ketiga ingin saya tekankan di sini, kita sekarang adalah dalam peringkat dengan izin, *discussion mode*, memberi maklum balas. Yang demikian, tidak harus timbul mana-mana pihak kalau tidak bersetuju menghina pandangan orang lain, termasuk saya yang mana pernah dilemparkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Wee Ka Siong, yang mana mengatakan, pandangan kami di Kongres Ekonomi Bumiputera merupakan pandangan primitif. Pandangan itu di dalam peringkat *discussion mode*,

maklum balas *mode* dan dalam peringkat di tempat yang sesuai yang hanya patut ditimbang oleh NEAC, kerana itu akan dikemukakan kepada NEAC bukan pihak lain yang harus mengkritiknya, seperti mana kami tidak mengkritik pandangan-pandangan pihak lain dan harus diingat dalam keadaan seperti ini kita harus ingat, *the Newton's law of motions* bahawa, "*every action there is always an equal and apposite reaction*", kita harap kita *appreciate this kind of situation*, dengan izin.

Seterusnya saya ingin menekankan sekali lagi bahawa rakyat Malaysia harus bangga, bukan kita hendak puji tidak bertempat, bahawa Perdana Menteri kita sekali lagi *on record* saya hendak katakan kerana ada lagi bukti terbaru bahawa beliau bukan sahaja mendengar tetapi beliau juga respons. Di sinilah kelebihan beliau sebagai pemimpin negara lebih baik daripada Obama, seperti mana yang pernah ditekankan oleh Otellini bahawa Obama umpama 'diode', *one way traffic*, tetapi pemimpin kita *two way traffic* dan kehadiran beliau semalam dan Tan Sri hari ini adalah satu bukti keprihatinan beliau. Seterusnya saya sempat bersama-sama dengan Yang Berhormat di Melaka, semasa *road show* berkenaan dengan RMKe-10, ada beberapa perkara yang tidak termasuk dalam draf itu dan kini telah dimasukkan.

Contohnya, merapatkan jurang sosioekonomi, dalam draf tidak *clear*, kemiskinan *very clear*, membesarkan MPPB juga tidak ada Yang Berhormat dan saya telah tulis kepada EPU. Meningkatkan ekuiti saham dan aset dan seterusnya mengambil kira syor dan pandangan Kongres Ekonomi Bumiputera, ini satu bukti jelas bahawa beliau prihatin dan *react responsibly*, kalau beliau dan Menteri Kabinet tidak *react secara responsibly, we don't have to waste our time here, there is bottom line*. Jadi kita ucapkan terima kasih kerana itu dan saya yakin syor daripada pihak-pihak lain juga turut dipertimbangkan dan diambil kira.

Saya amat gembira dengan RMKe-10 ini kerana ada beberapa pendekatan baru yang diguna pakai, yang diperkenalkan seperti mana yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi termasuklah *the rolling plan* contohnya dan juga *outcome* NKRA dan ini satu yang baru, yang dahulu hanya berdasarkan *input* dan tidak bercakap pasal *output* pun. Cuma di sini ada banyak *outcome* yang telah pun disasarkan seperti mengurangkan kemiskinan, merapatkan jurang pendapatan dari 0.44 kepada 0.12 sebagai contoh, tetapi inflasi tidak ada Yang Berhormat Menteri. Kadar pengangguran ada 3.11%, jadi ini saya sarankan supaya dikemukakan.

Perundingan dengan *stakeholders* dan perundingan dengan kerajaan negeri adalah satu yang baru. Kita tahu hala tuju RMKe-10 ialah meningkatkan pendapatan ke tahap negara maju yang dikatakan tadi daripada USD8,256 kepada USD12,140 dan seterusnya pada tahun 2020, USD15,340. Saya ingin kemukakan di sini, saya setuju bahawa semua ini hanya akan dicapai sekiranya ada keamanan yang ditunjangi oleh perpaduan dan disokong oleh keselamatan. Sehubungan itu, saya rasa eloklah kita *upgrade*, kita naik taraf apa yang dipanggil *total defence* kepada *total security* seperti mana yang diamalkan oleh Singapura, Switzerland dan Israel. Ini akan lebih menjamin keselamatan negara, maka menjadi *social insurance* kepada kemakmuran negara, dengan izin.

Dalam konteks ini, saya ingin *highlight* hanya satu perkara kerana banyak lain boleh disentuh oleh kawan-kawan lain ialah ancaman pekerja asing. Sekarang jumlah penduduk asing di Malaysia sudah kira-kira 8% dan sekitar 2.4 *million* dan mungkin *double* termasuk pekerja yang tidak sah di negara kita. Sudah tentu kita akui, *on one side of the equation* ia menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tetapi *the other side of the equation*, ia boleh mengancam daripada segi keselamatan, daripada segi jenayah, sosial dan juga daripada segi *balance of payment*. Jadi kita ingin tahu sebagai contoh, daripada segi *balance of payment*, berapa banyak wang mengalir daripada negara kita sedangkan wang itu boleh *direcycle*, boleh berpusing di dalam negara kita dan boleh menggerakkan lagi lebih cergas ekonomi negara. Pekerja asing yang murah ini sebenarnya kadang-kadang berlaku *contradiction* oleh pasaran.

Di satu pihak, kita tidak mahu pekerja murah kerana nak meningkatkan pendapatan tinggi tetapi majikan pula mahu eksploit pekerja berpendapatan tinggi. Bagaimana kerajaan nak mengharmonikan situasi yang berkontradiksi ini. Seterusnya, saya amat menghargai kerana RMKe-10 masih lagi bertunjangkan pertumbuhan tetapi bukan pertumbuhan *alone*, pertumbuhan dengan agihan. Ini sesuai dengan konsep Islam iaitu zakat. Dengan peruntukan sebanyak RM230 bilion itu Tan Sri, dia sama dengan RMKe-9. Kalau mengambil kira inflasi pada tahun 2006, *the real money is less* dan dianggarkan lebih kurang RM212 bilion. Ini bermakna kita kira-kira 8% *less* tapi saya percaya kerajaan mengguna pakai falsafah "*less for more, value for money*". Dengan kadar 6% setahun, mengikut *calculation* yang saya buat, mengambil kira pertumbuhan penduduk, mengambil kira *potential* pertumbuhan inflasi, tahniah, *statistically speaking*, kita boleh capai angka USD15,340 itu pada tahun 2020 berdasarkan 6% tadi tetapi saya agak bimbang sedikit bagaimana nak menjana USD115

bilion setahun pelaburan swasta kerana ia hampir dua kali ganda nilai pelaburan yang *we used to get* sebelum ini.

Sudah tentu bukan usaha yang biasa akan dilaksanakan kerana kata Einstein, “*doing the same thing over and over again, expecting different result is insanity*”, dengan izin. Jadi apakah usaha luar biasa untuk menarik pelaburan yang luar biasa besarnya itu? Saya akui *the last part* ucapan Tan Sri tadi bahawa landskap ekonomi dunia bukanlah begitu wangi dan cantik. Sekarang agak *mix* di kawasan sini, *regionally speaking*, South Asia, Korea *not so good as* Jepun. India dan China memanglah bagus pertumbuhannya tetapi di Amerika dan Eropah, pertumbuhannya agak membimbangkan. Amerika dan Eropah mengimport barang-barang eksport kita kira-kira 40%. Jadi 40% ini agak besar daripada segi kesannya ke atas ekonomi kita kalau ekonomi itu terus menurun.

Jadi kita kena ambil kira ini selain kita cuba memberikan gambaran yang optimis. Saya mahu lihat kerajaan memberikan pandangan selepas ini biarlah berimbang. Jangan terlalu optimis sehingga orang tidak percaya tetapi juga tidak boleh dibuaikan dengan pesimisme sehingga rakyat pula jadi takut. Sesungguhnya Kerajaan Negeri Melaka Tan Sri, kekuatannya adalah bergantung pada falsafah pembangunan berimbang. Itu sebab Melaka lebih maju dan kedudukannya lebih tinggi daripada *national average* dan kita bangga kitalah, mengikut buku ini mempunyai kadar kemiskinan terendah di Malaysia dan juga kadar pengangguran terendah di Malaysia. Kita mempunyai output *mix* yang terbaik kalau banding dengan negara-negara lain dan saya rasa Malaysia boleh mencontohi Melaka dan tahniah kepada Datuk Seri Ali Rustam. [Tepuk].

Seterusnya Tan Sri Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Tan Sri kepada 12 NKEA. Saya tidak bercadang untuk mengajar itik berenang. Sepatutnya Tan Sri menjadi sifu sayalah. GDP *basically* adalah berdasarkan *value added*, itu adalah *statistical calculation*. Jadi apa yang mesti ditekankan mana-mana industri yang hendak kita laksanakan untuk mendapat *value added* yang tinggi, kita mesti lihat kepada dua *variable*, input & output *ratio* dan *multiplier*nya. Jadi di sini tahniah kerana antara yang dipilih mempunyai input & output *ratio* yang baik dan *multiplier* yang tinggi ialah contohnya, pedagang *wholesale* dan peruncitan, *that's very good*. Perkhidmatan perniagaan dan minyak dan gas tetapi ada beberapa lain daripada yang 12 itu Tan Sri, kita kena tengok balik semula input & output *rationya* dan *multiplier effectnya*. Kalau tidak, kita tidak akan boleh capai apa yang kita hasratkan itu.

Saya jangka, saya ingin menanamkan harapan bahawa 12 kluster ini akan berjaya kerana kalau saya nak lihat secara optimis bahawa Perdana Menteri kita menggunakan KPI dan ada pemantauan. Saya mahu timbulkan harapan yang optimis ini berlatarbelakangkan kegagalan 13 kluster yang telah diumumkan pada tahun 2006 dulu yang mana daripada 13 kluster itu hanya satu sahaja yang bergerak. Jadi kita haraplah sejarah itu tidak akan berulang. Kalau berulang, kita boleh bagi sayonara kepada RMKe-10.

Seterusnya, untuk merangsang lagi pertumbuhan ekonomik ini, sejajar dengan *so called the green economy* (teknologi hijau), dulu saya sudah menyarankan dan saya tak pasti ia tidak diambil kira kerana tidak ada dalam RMKe-10 ialah *de manufacturing*. Ini saya rasa satu industri baru yang boleh dikembangkan di sini dan Malaysia boleh jadi hub untuk sekurang-kurangnya *South East Asia*.

Yang kedua, sejajar dengan *decarbonizing*, dengan izin, *the economy* dan juga *environmentally friendly*, saya mencadangkan dengan menggunakan kos tenaga yang lebih murah, apa yang dipanggil *biomimetic industry*. Kita boleh berbalik kepada *the nature*. Sebagai contoh, kalau kita belajar daripada labah-labah yang mengeluarkan *so called the silk, gram for gram, it is five times stronger than steel* dan *steel industry* begitu *dirty* dan *very energy intensive consumption*. Jadi, industri ini adalah wajar diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik kepada isu-isu konsep atau *theoretical construct*, dengan izin, dalam memastikan bahawa RMKe-10 ini boleh berjaya. Satu ialah, awal-awal lagi kita harus mengakui bahawa RMKe-10 ini berbeza dengan MBE. MBE mudah diterima oleh bukan Melayu daripada maklum balas yang kita baca daripada akhbar-akhbar tapi RMKe-10 ini kerana dimuatkan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana jam telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Saya tangguhkan Mesyuarat kita jam 2.30 dan Yang Berhormat boleh sambung selepas ini dalam jangka masa lebih kurang 20 minit lagi selepas sambung. Saya tangguhkan Mesyuarat kita sehingga jam 2.30.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali untuk menyambung perbincangan.

### 2.32 ptg.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya ada sebut tentang NKRA yang mana antara lain inflasi tidak dinyatakan dalam RMKe-10, dan saya minta ia dinyatakan sasarannya. Saya juga ingin menarik perhatian tentang sasaran berkenaan mengecilkan ketidakseimbangan pendapatan, yang mana diukur melalui *Gini coefficient* - sasarannya ialah 0.42 pada tahun 2015 diturunkan daripada 0.44. Kalau kita hendak mencapai tahap negara maju, maka pada tahun 2020 nanti - saya ingin tahu bagaimanakah kerajaan hendak menurunkan lagi kadar jurang ketidakseimbangan ini kepada sekitar lebih kurang 0.33, yang mana itulah biasanya *benchmark* negara maju. Itu satu persoalan saya.

Satu lagi berkenaan dengan NKRA, berkenaan dengan jenayah. Apa yang digunakan, dikatakan indeks jenayah Tuan Yang di-Pertua. Tajuknya indeks jenayah tetapi, apa yang digambarkan di dalam jadual yang sering dibentangkan ialah angka-angka ataupun *just data* sahaja. Misalnya bilangan kecurian, rogol, pecah rumah dan sebagainya.

Jadi sepatutnya sesuai dengan tajuk indeks jenayah itu, bilangan jenayah yang berlaku itu hendaklah diindekskan supaya ia menepati tajuk dan juga memberi gambaran yang lebih tepat. Maksudnya diindekskan sebagai contoh, ialah ia dijadikan sekian banyak jenayah *per* 1,000 penduduk atau *per* 100,000 penduduk. Maka itulah dikatakan indeks. Kalau tidak dalam keadaan sekarang itu adalah hanya bilangan sahaja, atau *numbers*.

Saya akan menyentuh beberapa perkara. Biar saya *run through* dahulu perkara-perkara yang hendak saya sebut dan kalau masa mengizinkan, dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua saya boleh menyentuh semuanya. Saya rasa dari segi isu ataupun prinsip ataupun teori ialah:

- (i) penerimaan terhadap RMKe-10 ini terutama di kalangan pihak swasta dan bukan Melayu;
- (ii) kesamarataan dan keadilan sosial;
- (iii) persaingan dan meritokrasi;
- (iv) mesra pasaran ataupun keyakinan pasaran;
- (v) perkongsian pintar;
- (vi) mencorakkan semula geografi ekonomi;
- (vii) *the paradigm of confidence mechanism*;
- (viii) memperkasa luar bandar;

- (ix) menambah pendapatan melalui proses GTP;
- (x) perumahan rakyat termiskin;
- (xi) 5% pelajar terbaik STP diberikan biasiswa;
- (xii) di mana letaknya antara dasar dan pelaksanaan, di mana silapnya untuk sama-sama kita canai;
- (xiii) data guna tenaga mengikut jantina dan kumpulan etnik;
- (xiv) pemanasan dunia (*global warming*) dan kaitannya dengan teknologi hijau serta dengan izin, *decarbonizing the economy*;
- (xv) *integrity good governance*; dan
- (xvi) tanah.

Saya akan sentuh ini sebanyak mungkin Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada RMKe-10 seperti yang saya katakan tadi - berbeza dengan MBE, ia nampaknya dapat diterima dengan mudah oleh pihak swasta berkenaan dengan MBE. Akan tetapi RMKe-10 mengikut apa yang kita baca daripada alternatif media, nampak banyak yang tidak menerima terutama oleh pihak swasta dan bukan Melayu. Ini harus difahami oleh kita dan kerajaan serta cuba memahami mengapa mereka tidak setuju.

Setakat yang saya tahu, kerana dimasukkan semula atau dihidupkan semula Dasar Ekonomi Baru di dalam RMKe-10 ini. Inilah yang banyak tentangannya. Jadi di sini kita kena faham mengapa mereka menolak Dasar Ekonomi Baru, sekali pun Dasar Ekonomi Baru telah memberikan faedah pada semua kaum, tanpa mengira kaum. Sama ada dari segi membasmi kemiskinan, menambah pendapatan, merapatkan jurang pendapatan, membasmi pengangguran dan juga apa yang dikatakan tadi faedah - dari segi rendahnya inflasi, yang mana *disposable income* meningkat bagi semua rakyat. *Despite* faedah itu semua - untuk semua kaum termasuk bukan Melayu, mengapa mereka masih menentanginya? Jadi ini harus kita fahami.

Dalam masa yang sama bukan Melayu pula harus difahamkan, mengapa bumiputera masih mahukan apa yang dikatakan semangat DEB itu – agenda bumiputera selaras dengan Fasal 153 Perlembagaan Persekutuan supaya dapat diharmonikan perbezaan pendapat ini. Apa yang dikatakan kesamarataan dan keadilan sosial yang turut dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya rasa semua pihak bercakap perkataan yang sama. Malangnya agaknya daripada kefahaman saya, maksudnya berbeza - walaupun perkataannya sama. Dari segi bukan Melayu apa yang dikatakan kesamarataan itu ialah, kalau boleh mereka mesti mendapat hak yang sama dari segi biasiswa, hak yang sama menduduki sektor awam dan juga hak yang sama

dari segi memperoleh tender kerajaan. Itu adalah kehendak ataupun aspirasi bukan Melayu.

Dalam pada masa yang sama perkataan kesamarataan di peringkat Melayu pula, kita mahukan kesamarataan itu mestilah berdasarkan *a level playing field*. Yang mana dilihat padang permainan ini masih tidak rata, di mana Melayu atau bumiputera masih lemah berbanding dengan bukan Melayu, maka tidak wujud kesamarataan dari segi itu. Oleh yang demikian peruntukan Perkara 153 masih diperlukan, dan itu tidak boleh diubah atau dihakis. Ini kerana peruntukan itu harus kekal di dalam Perlembagaan Persekutuan dan dilaksanakan, kerana itu adalah hak bumiputera sebagaimana hak semua kaum, termasuk bukan Melayu terhadap kerakyatan. Jadi kefahaman ini harus diberikan supaya tidak berlaku lagi konflik dan kontradiksi dalam kehidupan masyarakat yang boleh menggugat perpaduan negara.

#### ■ 1440

Persaingan dan meritokrasi. Dalam buku ini memang amat menekankan meritokrasi dan persaingan. Begitu juga dalam RMKe-10 ada juga dinyatakan. Kita setuju bahawa dalam era liberalisasi dan globalisasi bahawa meritokrasi dan persaingan yang sihat adalah dituntut dalam keadaan landskap ekonomi sekarang. Itu dikatakan kononnya asas kejayaan. Kita setuju harus ada persaingan dan meritokrasi tetapi kita mahu persaingan itu biarlah persaingan yang sihat dan maksud persaingan yang sihat itu padang permainan mestilah sama rata. Seperti mana yang pernah saya berkata di dalam Dewan yang mulia ini, *competition* atau persaingan yang tidak mengambil kira ketidakseimbangan pendapatan dan sosioekonomi adalah suatu yang tidak adil. Persaingan dalam keadaan padang permainan yang tidak rata adalah merupakan *the law of the jungle*. *It is very-very brutal survival of the fittest*, dengan izin.

Jadi dengan itu kita harus *temper competition* ini dengan mengambil kira keadilan sosial dan mengambil kira mereka yang masih tertinggal di belakang supaya mempunyai peluang, mempunyai tempat di dalam ekonomi negara dan juga dalam kehidupan kita sehari-harian. Dalam hal ini saya ingin menarik muka surat 94 RMKe-10, di mana dikatakan atas semangat persaingan ini dan meritokrasi. Bahawa beberapa GLC milik kerajaan akan diswastakan berdasarkan dan ketelusan proses atau apa yang dipanggil *free competition* dan meritokrasi. Dalam pada masa yang sama diberikan akur janji bahawa langkah ini tidak memberi kesan kepada kepentingan awam ataupun kesejahteraan rakyat. Di sini saya ingin tahulah bagaimana inisiatif ini hendak menswastakan sebahagian daripada GLC ini boleh menjamin kepentingan awam

ataupun tidak menjejaskan kesejahteraan rakyat kerana apa itu kepentingan awam tidak didefinisikan.

Antara yang akan diswastakan ialah PNB, CTRM Aero Composite dan Nine Bio Sdn. Bhd. Kalaulah yang kita bimbang dan harap tidak berlaku yang betul-betul dilaksanakan dalam semangat *free competition* maka *the fittest* sahaja yang akan berjaya merebut GLC ini. Ini akan memberi kesan kepada usaha untuk merapatkan jurang pendapatan kerana mereka yang kuat dan berkuasa ini dan yang kaya akan merebut semua khazanah harta kekayaan negara. Bagi yang miskin tanpa mengira kaum akan tertinggal dalam persaingan ini.

Jadi saya sarankan di sini persaingan terus digalakkan tetapi dia mestilah berlaku di dalam *intra 20%* mereka bersaing sesama mereka. Di kalangan 40% tengah dan di kalangan 40% di bawah. Di dalam konteks 40%-40% dan 20% itu juga disarankan *intra ethnic competition* bukan *inter ethnic competition*. Oleh yang demikian semua pihak saya rasa dapat merasai nikmat khazanah negara ini.

Saya ingin menyentuh berkenaan mesra pasaran. *Of course* dari segi *marketers*, mereka semua menekankan pentingnya pasaran memberi keutamaan kepada pasaran. Kalau di bawah sistem komunis pula mereka menekankan sistem kerajaan, kuasa kerajaan dan tidak memberi ruang kepada pasaran. Kita harus cari antara dua ini dan oleh kerana kita percaya tidak ada apa yang dikatakan *perfect market* dengan izin, maka itu peranan kerajaan diperlukan tetapi, kalau kerajaan sendiri sudah terbawa-bawa terlalu terpengaruh dengan faedah pasaran, dengan kononnya baik pasaran. Maka ini akan menimbulkan kebimbangan pada pihak-pihak yang mencurigai bahawa pasaran itu tidak *perfect*.

Jadi di sini saya tidak dapat hendak huraikan dengan lanjut tetapi bolehlah dibaca apa yang ditulis oleh Dani Rodrik, profesor dari Harvard dalam artikelnya *The Market Confidence Bugaboo*. Secara ringkas beliau menarik perhatian bahawa di masa krisis *market confidence turns into what philosophers called "a social construction" - something that is real only because we believe in it*, dengan izin. Dengan demikian beliau menyatakan *the pursued of market confidence will be superfluous*, dengan izin...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan untuk Yang Berhormat cuma 15 minit lagi.

**Datuk Akbar bin Ali:** Cuma 15 minit lagi. Okey. Saya dalam kesengsaraan sekarang nampaknya ini, dalam tekanan yang hebat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dikatakan bahawa *market confident* itu *superfluous* kerana market itu sendiri *have very little clue about themselves*. Ini kerana kita sendiri pun tidak tahu apa itu pasaran. Adakah pasaran saham di Kuala Lumpur? Kalau pasaran di Kuala Lumpur itu terdiri berbagai-bagai jenis *the real investor, the speculators* dan juga orang yang suka-suka hendak main saham. Kalau untuk dapat duit teh jadi kita tidak tahu sebenarnya siapa itu pasaran kerana ia adalah *tasteless*. Dalam pada masa yang sama kalau di luar apa yang dikatakan pasaran saham adakah ia *investor* adakah ia orang peniaga adakah ia orang peniaga *wholesaler* atau runcit. Ini juga kita tidak pasti. Siapa sebenarnya yang menentukan pasaran itu.

Oleh yang demikian kata beliau lagi *steering the economy by the dictates of market confidence is a fool's errand*. Itu suatu yang bodoh. Ini kerana pada masa yang sama *the market has no ideology*. Oleh yang demikian apa yang patut dilaksanakan oleh *policy makers* macam Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, *we are not policy makers, we are legislators*. Kata beliau *policy makers need to articulate a coherent consistent incredible account or what they are doing based on both good economic and good politics They have to say, we are doing this not because of the market demand but because it is good for us and here that is why we are doing this*.

*So it is not* kerana tekanan pasaran. *If the presentation get worst it will be political leaders - Tan Sri Koh that bare primary responsibility. Not because they ignore market but because they took them too seriously. So don't take the market too seriously*. Ini contoh saya hendak ambil ya. Semasa krisis kewangan pada tahun 1997, Tun Dr. Mahathir dia tidak mendengar pasaran, dia tidak mendengar nasihat IMF, nasihat World Bank. Oleh kerana itu dia melaksanakan *pegging, capital control* dan sebagainya kerana tidak mendengar pasaran itulah dan kerana beliau tahu itu betul maka kita telah berjaya. Kalau ikutkan pasaran kalau ikutkan IMF kita sudah jadi macam Filipina dan juga Indonesia.

Perkongsian pintar. Ini terdapat di muka surat 25. Kerajaan akan menggalakkan perkongsian tulen antara syarikat bumiputera dan bukan bumiputera. Nampaknya kalau apa setakat yang sempat ditulis di buku ini ia adalah suatu yang biasa sahaja. Kalau melaksanakan suatu yang biasa mengharapkan hasil yang luar biasa kata Einstein, *is insanity* - suatu kegilaan. Jadi apa sepatutnya dibuat kalau kita mengikut apa yang ditulis oleh Ismael Serageldin dalam *Social Capital Conceptual Frameworks and Empirical Evidence*. Apa yang patut dibuat ialah kita harus menggilap *social capital* dengan izin, yang merangkumi di satu pihak ialah *the structures* dan di satu pihak lagi

ialah kognitif. *Structure* ini saya, biasanya Dr. Syed Husin cukup minat, dan kognitif pula Dr. Firdaus cukup minat.

■ 1450

Penggemblengan antara dua ini akan menyumbang kepada apa yang dikatakan *mutually beneficial collective action* (MBCA) dan yang demikian, setelah kita menggilap *social capital* ini, kita kena rombak apa yang dikatakan *the economic ecosystem* yang ada. Selagi kita tidak rombak *the economic ecosystem* sekarang, maka apa yang kita buat ini hanya tempelan semata-mata dan kita tidak akan mencapai kejayaan seperti yang kita kehendaki.

Secara ringkas, kita ada empat *economic ecosystem* sekarang iaitu *economic ecosystem* orang asing yang mempunyai *vertical horizontal integration*. Daripada *production* sampai ke pasaran kita ada *the Chinese economic ecosystem, the Indian and the Malays*. Oleh kerana ekonomi kita, ini apa yang dikaji dan bukannya pandangan saya semata-mata. Kita akui dan ini kita tidak boleh salahkan kalau satu-satu kaum menguasai ekonomi sesebuah negara. Kalau di Malaysia ini memanglah kaum Cina dan campur dengan pelabur asing.

Apa yang beliau katakan ialah kita akan terus gagal apabila, “*When the distribution channel is control by particular community, the ethnically homogeneous Chinese middle group who act in the interest of own community rather than general interest of the population naturally they have the ability to make other communities economically uncompetitive vis-à-vis the own community*”. Landa, *Chinese merchants in Southeast Asia*.

Jadi, kalau *economic system* ini tidak dirombak, di mana satu kaum menguasai ekonomi sesebuah negara sama ada di Indonesia, di Thailand dan di sini, maka kita tidak akan dapat kejayaan yang kita harap. Itulah sebab kita bagilah berapa premis perniagaan kepada orang Melayu, gagal. Pernas Edar pun gagal kerana *economic ecosystem* itu tidak dirombak. Kita harus rombak supaya ia boleh diintegrasikan, di mana akan mendapat *mutual prosperity* untuk semua rakyat. Yang demikian akan menjamin keamanan dan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mencorakkan semula geografi ekonomi. Ini terdapat di muka surat 22 yang mana dikatakan berpandukan kepada WDR 2009. Pada saya, bila saya baca ini, ia tidak lebih daripada ‘*re-branding*’ sahaja, yang mana sebenarnya kita sudah berjaya melaksanakannya. Contohnya Sintok. Dulu kita panggil *Growth Centre*.

Maka dimajukan Sintok, dimajukan Jengka dan sekali lagi kita lihat di Melaka, *this is are growth triangles*.

Kerana kejayaan kita itu, maka kita dapat nisbah pendapatan antara bandar dan luar bandar dapat dicecilkan dan antara kaum dapat dirapatkan. Ini jelas kita lihat di muka surat 150. Contohnya pada tahun 1990, RM1 di luar bandar, orang di bandar ada RM1.95 manakala pada tahun 2009, RM1 orang di luar bandar, orang di bandar ada RM1.85. Ini bukti bahawa jurang itu sudah dapat dirapatkan. Dengan demikian, kita tidak harus memberikan pengiktirafan kepada *World Bank* pasal kejayaan ini kerana ini adalah usaha kita dan bukan kerana *World Bank*.

Berbalik kepada 12 NKEA yang mana terdapat 118 EPP yang telah dikenal pasti yang mana dijangka akan menjana sebanyak RM514.8 bilion. Saya ingin menarik perhatian bahawa kebanyakan usaha ini nanti akan bersifat *land base development*. Oleh kerana tanah kita terhad sama ada di Sungai Buloh, di Sungai Besi atau di Iskandar Malaysia. Kita ingin tahu bagaimana penggunaan tanah ini akan digunakan nanti supaya pada akhirnya kepentingan rakyat dari segi tanah tetap terjamin. Kita tidak mahu akhirnya jadi seperti orang Palestin di Timur Tengah. Tanah diambil oleh orang Israel dan dimajukan. Maka sekarang kita tahu apa berlaku kepada mereka.

Kita tidak hendak jadi macam *Red Indian* di Amerika dan kita tidak mahu jadi orang Maori di New Zealand yang kehilangan hak ke atas tanah. Itu kerana tanah adalah kuasa. Jadi, di sini saya ingin menarik perhatian. Pihak kerajaan tolong nyatakan berapa banyak tanah sekarang sudah dikuasai oleh rakyat Malaysia, oleh bukan rakyat Malaysia dan kita hendak tahu bagaimana pemilikan, *Malay Reserve* ini yang mana merupakan salah satu daripada tujuh wasiat Raja-Raja Melayu dahulu.

Oleh yang demikian, kita mintalah tolong kaji semula Kanun Tanah Negara supaya kepentingan rakyat dalam mengejar pembangunan, kepentingan itu tidak terabai. Seterusnya, dalam menarik perhatian untuk meningkatkan pendapatan tadi supaya kita mencapai negara maju. Saya ingin menarik kepada apa yang dipanggil *paradigm confident mechanism* dengan izin, yang ditulis oleh Elliot. Secara ringkas saya pernah cakap di sini. Ini kerana saya bimbang penjualan tadi seperti pencetakan negara, bio sembilan tadi itu, akhirnya nanti kita bimbang yang dapat menguasai khazanah negara ini ialah mereka yang kaya-kaya semata.

Kalau kita bayangkan balang ikan, yang di atas itu 20%, yang di tengah itu 40% dan yang di bawah 40%. Apabila kita masukkan makanan ikan di dalam balang itu, maka ikan-ikan yang besar sahaja yang akan pulun makanan ikan tadi dan akan turun di

balang kedua sebahagian kecil dan yang bawah sekali semakin sedikit. Maka yang di atas makan daging, yang tengah dapat tulang dan yang di bawah dapat kuah sahaja. Jadi kita tidak mahu akhirnya orang-orang kita, apa yang dikatakan oleh Arwah Aminuddin Baki, "*Menjadi ayam yang dikepek mati kelaparan, itik di air mati kehausan.*"

Seterusnya saya ingin memperkatakan berkenaan memperkasa luar bandar. Ini satu pelan yang baik direncanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Cuma saya haraplah selain daripada enam NKRA itu, setiap kementerian terutama yang *rural base related* sungguh-sungguh dengan penuh minat, penuh komitmen, dengan penuh *enthusiasm* dan *passion* sebab minat tidak cukup, iltizam tidak cukup, *enthusiasm* tidak cukup kalau tidak ada *passion*.

Dengan ini semua, saya harap GTP dapat dilaksanakan segera dengan merombak prosedur sistem yang ada, yang tidak secocok dengan semangat GTP ini sepertimana yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga KSN. Contohnya, nampak cukup liat dan lekit hendak melaksanakan *decentralization*, *delegation of power* dan *empowerment of the state labour staff* dan *district labour staff*.

Contohnya, Disember 2009 saya sudah bercakap di Dewan ini. Akauntan Negara tolong *delegate* kuasa membuat cek untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya cek untuk orang sakit ini, orang miskin ini boleh dapat dilaksanakan kerana Akauntan Negara melihat semua fail adalah *faceless*. Dia tidak kira itu orang senang, orang miskin atau orang hendak mati. Pada dia tidak penting. *You just follow the line, follow the queue*. Sedangkan orang miskin saya sudah cakap, RM10 hari ini lebih baik daripada RM1 juta esok kerana pernah berlaku pada saya. Saya uruskan untuk orang miskin. Petangnya dia kena sakit kanser, setelah enam bulan memohon tidak dapat, petang itu saya sempat bagi. Dia sempat pegang sahaja RM300 itu, nenek itu masukkan ke dalam beg, esok dia meninggal.

Dengan keadaan yang macam ini, macam mana nanti rakyat hendak sayang kita? Sedangkan inilah yang di *appreciate* oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan melaksanakan GTP. Namun apakah yang dibuat oleh jabatan kerajaan? Apa yang dibuat oleh kementerian? Masih belum dilaksanakan. Saya haraplah Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil *really follow through* ini.

Begitu juga dengan mengubah dasar-dasar yang bersifat *very urban bias, urban centric* kepada *rural bias* dan *rural centric*. Kita masih lagi mewarisi zaman penjajah.

Cuba kita lihat jalan di bandar-bandar cukup besar. Jalan di kampung masih sesuai untuk orang berjalan kaki dan naik basikal. Apabila kita sudah ada kereta sekarang kerana kemakmuran negara, kerana usaha kerajaan kita sudah berjaya, sudah mampu beli kereta tetapi tidak mampu buat jalan. Maka kita lalulah jalan itu dengan kereta berselisih pun tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Akbar bin Ali:** Tolonglah, beri saya sedikit masa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah menggunakan masa 45 minit, ya.

**Datuk Akbar bin Ali:** Yang demikian kita harap api, air - yang sebenarnya air itu datang daripada luar bandar, paradoks besar luar bandar tidak dapat air. Orang di bandar dapat air. Di bandar pokok bercahaya dengan api. Di luar bandar hendak dapat sebatang tiang pun mesti dapat kebenaran daripada Putrajaya. Itulah yang saya katakan mesti ada *decentralization and delegation of power* tetapi, memang *and yet* berlaku kerana *the Chinese Philosopher, Zhuang Zhi* ada berkata saya *quote*, "*He who considers wealth a good thing can never bear to give up his income, he who considers eminence a good thing can never bear to give up his fame. He who has a taste for power can never bear to hand over authority to others. Holding tight to these things such men shiver with fear, should they let them go they would pine in sorrow*". Itu kata *Chinese Philosopher and it is very true*.

Cuma kita harapkan pegawai-pegawai kerajaan, "*Remember...*" kata beliau lagi, "*...Every exit is a entry to somewhere else*". So usahakanlah. Jadi sehubungan dengan memperkasa luar bandar ini, saya ingin menarik tentang usaha menambah pendapatan FELDA, RISDA, FELCRA, *settlers*. Ini dikatakan tanpa menambah keluasan bertanam, kita boleh tambah - *value add* produk yang disediakan.

Sebagai contoh saya sudah tanya pihak berkenaan, pihak RISDA dia mengenakan harga untuk jualan kelapa sawit berdasarkan OER hanyalah 18%. Sedangkan pihak lain boleh menawarkan 19.35%. Ini merupakan satu kerugian kepada peserta FELDA. Jadi perkara seperti ini harus dilihat. Begitu juga dia harus ada *transparency* dalam memberitahu para peserta berapa harga pasaran pada masa itu supaya dapat dipastikan apakah yang dikatakan 18.5% itu. Seterusnya, kita boleh menambah pendapatan kalau menggunakan teknologi hijau, 20% daripada keluaran minyak sawit terbuang sebagai *sludge* sedangkan 20% ini kalau ada *new technology* digunakan 20% *sludge* itu boleh diproses akan menjadi *income* kepada *settlers*. Ini

kerana kita perlu berpandukan kepada *waste no waste*. Jadi ini mesti dilakukan oleh pihak FELDA, FELCRA dan RISDA kerana itu adalah milik peserta.

Berkenaan dengan perumahan rakyat termiskin. Di dalam buku ini... *[Menunjukkan sebuah buku]* Tan Sri Khoo tidak ada sasaran berkenaan berapa banyak rumah untuk orang termiskin tetapi rumah untuk mampu bayar ada. Sebanyak 78,000 unit disasarkan untuk orang termiskin. Orang miskin tidak ada sedangkan penghapusan orang termiskin tegar adalah pada tahun ini. Jadi kita ada 228,000 isi rumah miskin dan kita ada 42,000 lebih kurang isi rumah miskin tegar. Ini ada terdapat di muka surat 292. Jadi kita harapkan satu usaha yang lebih serius untuk menangani orang-orang miskin ini.

Berkenaan dengan di muka surat 246, telah disarankan dan kita sokong bahawa seramai 5% pelajar STPM diberikan biasiswa untuk menuntut di Institusi Pengajian Tinggi dalam negeri - 5% pelajar terbaik. Saya memohon, merayu supaya kerajaan memanjangkan faedah 5% ini kepada penuntut matrikulasi juga.

Seterusnya di muka surat 145, kerajaan ada mencadangkan supaya ada maklumat *database* berkenaan guna tenaga kerja. Perkara ini telah disarankan dalam RMK-9 tetapi tidak mampu dilaksanakan. Tentang guna tenaga sektor awam kita boleh dapat dari JPA tetapi sektor swasta ia tidak boleh didapati secara langsung.

Dengan ini berdasarkan di muka surat berkenaan saya mencadangkan ala *ownership survey* yang pernah dilaksanakan pada tahun 70-an, 80-an itu dihidupkan semula supaya kita mempunyai *database* yang lengkap dan terkini berkenaan dengan guna tenaga mengikut kaum dan jantina dapat di kumpul. Yang mana ia cukup penting dalam melaksanakan dasar terutama apa yang dikatakan keterangkuman.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Kementerian Teknologi Hijau, Tenaga dan Air kerana dua kali telah mengadakan taklimat ini. Hari itu tentang tenaga, hari ini berkenaan dengan teknologi hijau. Ada empat isu besar yang dialami oleh dunia dan negara sekarang iaitu masalah tenaga, masalah air, masalah pemanasan dunia dan masalah *food security*. Kita harap selepas ini ada taklimat yang serius berkenaan dengan pemanasan dunia yang dikaitkan dengan teknologi hijau supaya dapat ditangani kerana masalah pemanasan dunia ini mengikut *economic nya, the cost is a combination of the cost of World War I, World War II plus the great depression*. Itulah tahap keseriusannya dari segi ekonomi.

Jadi kalau tidak ditangani secara serius kita bimbang kita terlambat untuk menghadapi masalah tersebut. Kita harap dalam usaha itu kita mesti gunakanlah *research yang community based, community centric* dan kita mesti ikut amalan Tun. Dr.

Mahathir, apabila beliau sakit jantung beliau tidak berlari ke luar negara tetapi beliau dibedah oleh pakar-pakar di sini. Dengan itu juga kita harap kerajaan mulalah kembali gunakan *the experts in Malaysia*. Kita ada tujuh *research university*. Eloklah kita gunakan. Bukan kita bergantung pada *etos* atau *Keynesian* untuk menyediakan ini kerana kalau tidak kita tidak menghormati, mengiktiraf *research universities* yang ada di negara kita. Saya sarankan sedemikian bagi faedah kita semua.

Kejayaan RMKe-10 adalah bergantung kepada integriti *good governance* dan sistem penyampaian kerajaan yang cekap. Kita haraplah tidak berlaku penyelewengan seperti di PKFZ, seperti di Sime Darby, seperti Langkawi Tuna Corporation Sdn Berhad, Malaysia International Tuna Port Sdn Bhd. dan Konsortium Perikanan Nasional Berhad.

Dengan adanya integriti semua masalah ini kita harap tidak berlaku di bawah RMke-10. Jadi kita mintalah supaya kerajaan menjelaskan apakah kedudukan tentang Sime Darby ini, tentang Tuna tadi yang saya sebutkan dan syarikat-syarikat lain termasuklah saya ingin tahu apakah kedudukan SPANCO sekarang yang menyediakan kenderaan untuk kerajaan. Apakah kedudukannya terutama dalam konteks belanja berhemah dan juga dalam konteks mengelakkan ketirisan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada kerajaan kerana berdasarkan buku ini dan berdasarkan statistik yang ada di dalam buku ini sesungguhnya kerajaan telah berjaya sekurang-kurangnya menangani dengan baik apa yang sering saya katakan *the six output mix*. Pertamanya pertumbuhan ekonomi yang baik; kedua, pendapatan isi rumah yang meningkat; ketiga, mengurangkan kemiskinan; keempat; merapatkan jurang pendapatan; kelima, mewujudkan rejim apa yang dipanggil *full employment* kerana kadar pengangguran kita bawah 4% dan akhirnya keenam yang tidak kurang pentingnya inflasi yang terkawal kerana itu menjamin *disposable income* dan mengambil kira *output mix* ini.

Berdasarkan apa yang sempat saya kaji tidak ada negara lain yang dapat mewujudkan dalam satu tempoh tertentu *output mix* seperti ini. Maka sudah tentulah orang yang berjaya melaksanakannya bukan *academician*. Yang berjaya melaksanakan ialah pentadbiran negara dan orang ini sepatutnya dikurniakan *Nobel Prize*. Dan tokoh itu dalam konteks Malaysia ialah Tun Razak dan Tun Dr. Mahathir.

#### ■1510

Bagi Dato' Sri Mohd Najib, terlalu awal, bagi Pak Lah, terlalu pendek. Jadi, tidak ada dalam negara lain yang berjaya mewujudkan, menghasilkan enam *output mix* ini sebaik Malaysia. Tidaknya pun – yang sudah hampir dua abad dalam keadaan deflasi –

tidak seperti Amerika Syarikat yang mengalami kadar pengangguran yang tinggi sekarang dan akan hampir berkekalan hingga tahun 2012, kadar kemiskinan yang tinggi dan tidak juga Singapura kerana terdapat jurang pendapatan yang melebar. Jadi, yang boleh menyaingi Malaysia dalam hal ini hanyalah satu negeri iaitu Melaka... [Ketawa] Sekian, terima kasih. Saya sokong RMKe-10.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menghargai masa. Silakan Yang Berhormat Tuan Syed Husin Ali.

### 3.11 ptg.

**Dr. Syed Husin Ali:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, Yang Mulia Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Terlebih dahulu saya meminta izin membaca sebahagian daripada ucapan saya yang telah ditulis. Akan tetapi saya akan cuba juga mengemukakannya secara lisan, tidak bergantung kepada tulisan.

Dalam ucapan ini saya menumpu perhatian terutama sekali pada strategi-strategi yang dikemukakan dalam ucapan Perdana Menteri berhubung dengan RMKe-10. Ada lima strateginya dan saya akan membincangkan hanya aspek-aspek yang saya tidak setuju atau saya rasakan perlu dibaiki. Mana yang saya tidak sentuh, berertinya saya setuju sepenuhnya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri telah mengatakan bahawa tujuan RMKe-10 ialah untuk menjayakan pelan transformasi ke arah negara yang berpendapatan tinggi dan maju, berdaya tahan dan berdaya saing demi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia. Ini adalah tujuan yang mulia, yang murni tetapi kayu ukurnya ialah, setakat mana nanti tujuan ini akan dapat dilaksanakan?

Berhubung dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan negara, RMKe-10 menyasarkan matlamat untuk meningkatkan pendapatan per kapita daripada RM26,420 pada tahun sekarang ini kepada RM38,850 pada tahun 2015. Saya tidak tahu bagaimana matlamat ini akan dicapai kerana *roadmap* nya tidak dilakar dengan jelas. Akan tetapi kita tahu bahawa setakat sehingga sekarang ini, sejak merdeka, memang ada peningkatan yang banyak dari segi pendapatan per kapita. Cuma ada dua perkara sahaja yang membimbangkan saya.

Yang pertama ialah, walaupun pendapatan negara kita naik tetapi kenaikan itu tidaklah secepat dan sebesar negara-negara tetangga yang lain. Ini pernah saya sebutkan tetapi saya ingin ulangi bahawa selepas merdeka, per kapita kita boleh dikatakan sama tinggi dengan Singapura, Taiwan dan Korea Selatan. Akan tetapi

sekarang ini, perkapita Singapura adalah tiga kali lebih daripada kita dan per kapita Korea Selatan serta Taiwan adalah kira-kira dua kali ganda daripada per kapita kita.

Perkara kedua yang menjadi kebimbangan saya ialah, bahawa walaupun pendapatan per kapita ini naik, seperti yang kita ketahui, per kapita tidak menunjukkan kedudukan ekonomi yang sebenarnya di kalangan rakyat. Apa yang sebenarnya menunjukkan keadaan ekonomi ialah pembahagian kekayaan dan pendapatan di kalangan rakyat itu. Kita dapati bahawa sebenarnya dalam pembahagian itu, segelintir orang bertambah kaya dan ramai orang pendapatannya tidak banyak bertambah, bahkan ada yang masih ditakuk lama.

Di antara yang terkaya pula, kita dapati bahawa kalau kita ambil umpamanya laporan 100 orang terkaya di negara ini, kebanyakannya adalah orang bukan Melayu dan hanya lebih kurang setengah dozen sahaja berasal daripada kaum Melayu. Ini menunjukkan bahawa untuk mengayak orang Melayu, kita masih jauh daripada matlamat yang kita harapkan. Jadi ertinya, dengan usaha-usaha hendak membantu Melayu dan sebagainya, kita masih ketinggalan pada peringkat yang kaya.

Pada tingkat yang miskin pula, kita dapati bahawa – seperti yang disebutkan oleh Perdana Menteri sendiri, kalau kita ambil 40% orang yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 satu keluarga, iaitu kira-kira dalam RM1,000 seorang sekiranya keluarga itu mempunyai tiga orang yang bekerja, kita dapati bahawa lebih daripada 73% adalah Melayu ataupun bumiputera. Bererti bahawa daripada golongan yang terendah pendapatannya, masih lagi ramai orang Melayu. Lebih ramai, lebih besar kadarnya daripada *proportion* orang Melayu yang menjadi penduduk negara ini. Tentulah sekali kita tahu bahawa di kalangan golongan yang miskin, kalau mengikut garis kemiskinan kira-kira antara RM750 hingga RM800 sebulan, kebanyakannya juga – 70% adalah orang Melayu dan di kalangan mereka yang miskin tegar, masih lagi banyak orang Melayu, bahkan hampir semuanya adalah orang Melayu. Jadi sebenarnya kita lihat bahawa perkara ini adalah perkara serius. Kita mahu membantu orang Melayu, dasar kerajaan mengatakan hendak membantu orang Melayu, tetapi jurang di kalangan orang Melayu adalah besar. Penguasaan yang kaya di kalangan orang Melayu masih kecil dan taburan orang Melayu yang miskin adalah jauh lebih besar daripada yang lain.

Tentang kemiskinan, mengikut kajian kerajaan, pada tahun 2009, 3.8% penduduk adalah di bawah garis kemiskinan. Sasaran mereka asalnya adalah 2.8%. Jadi tidak sampai kepada sasaran, lebih daripada sasaran. Kalau kita ambil garis kemiskinan pada RM750 dan RM800, memanglah kita dapat kadar kemiskinan yang

rendah ini. Akan tetapi kalau misalnya ditingkatkan sedikit lagi, kalau kita ambil misalannya satu keluarga mendapat RM3,000 atau seorang mendapat RM1,000, maka kadar kemiskinannya adalah lebih tinggi. Bahkan, ketika Tan Sri Datuk Amirsham bin A. Aziz menjadi Menteri, beliau telah memberitahu Dewan Rakyat pada 24 Jun bahawa sebenarnya kadar kemiskinan di negara ini ialah pada tahap 24.3%. Jadi ini adalah angka yang agak besar.

Angka rasmi kerajaan menunjukkan kadar kemiskinan mutlak (*absolute poverty*) adalah kecil dan ia menggembirakan sebagai satu pencapaian. Akan tetapi saya ingin menegaskan bahawa *relative poverty* (kemiskinan perbandingan) adalah sesuatu yang masih lagi serius dalam negara ini. Harus dijamin bahawa ia tidak bertambah melebar walaupun ada tanda-tanda dalam beberapa tahun yang lalu ini bahawa memang ada bukti-bukti yang menunjukkan ia bertambah melebar.

Strategi pertama yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah berkaitan dengan falsafah pembangunan.

#### ■1520

RMKe-10 menyenaraikan – walaupun tidak disebut dengan terus-terang apakah dia falsafah itu, tetapi jelas daripada amalan dan daripada kenyataan-kenyataan yang dikemukakan, bahawa sebenarnya falsafah pembangunan di negara ini adalah berdasarkan kepada *free enterprise* ataupun *free market system*, dengan izin. Dalam sistem ini yang memainkan peranan terbesar ialah modal ataupun mereka yang mempunyai modal. Golongan yang mempunyai modal boleh menguasai mereka yang tidak mempunyainya, terutama sekali golongan pekerja dan petani.

Sekarang ini golongan yang berpendapatan paling tinggi terdiri daripada mereka yang mempunyai modal dan mempunyai pendidikan ataupun kepakaran khusus serta bermutu yang biasanya memerlukan modal untuk memperolehnya. Secara kebetulan dalam negara ini pada ketika ini yang mempunyai modal itu ialah bukan daripada golongan bumiputera. Di sini saya bersetuju dengan pembicara sebelum saya tadi yang mengatakan bahawa dalam keadaan di mana persaingan tidak berdasarkan *playing field level* ataupun padang bola yang rata, maka tentu sekalilah ia memihak kepada pihak yang kuat.

Satu lagi ialah berkaitan dengan sistem *free market* ini yang ada kaitannya dengan kapitalisme, diperkuatkan lagi terutama sekali di negara ini dan negara-negara yang kurang maju oleh proses globalisasi dan globalisasi ini mengakibatkan dua perkara daripada pengalaman-pengalaman negara lain. Pertama sekali ialah globalisasi

datangnya daripada pusat-pusat kemajuan ataupun pusat-pusat negara yang sudah maju dan percubaannya ialah untuk menguasai bukan sahaja ekonomi, bahkan juga bidang-bidang lain dalam negara yang kurang maju itu.

Jadi, dominasi yang berlaku seolah-olah merupakan dominasi penjajahan yang baru, di mana negara kuat bermodal di luar negara menguasai negara yang kurang modalnya dan kurang kejayaan pembangunannya. Satu lagi aspek ialah bahawa golongan pemodal dari luar itu, pemodal antarabangsa biasanya bekerjasama dengan modal tempatan untuk mengembangkan usaha-usaha mereka dan inilah salah satu faktor yang di sesetengah negara yang lain mengakibatkan penindasan terhadap golongan yang susah, terutama sekali pekerja dan petani dan memperkukuhkan lagi kedudukan mereka yang bermodal dalam negara. Ini adalah satu perkara yang saya percaya harus kita elak dan dalam soal inilah saya kira walaupun kita tidak dapat mengelak globalisasi, kita harus berhati-hati tentang apakah yang hendak dibenarkan sepenuhnya daripada proses globalisasi itu.

Walaupun pada asasnya dasar ataupun falsafah pembangunan ini ialah *free enterprise* ataupun *free market*, tidak bererti pula kerajaan menolak sama sekali peranan pasaran swasta. Kita lihat misalnya pada zaman Dr. Mahathir dan juga pada zaman Allahyarham Tun Razak terdapat penekanan terhadap peranan-peranan pemerintah ataupun kerajaan, *state intervention*, dengan izin. Ada beza di antara kedua-dua itu. Pada *state intervention* yang dilaksanakan oleh Allahyarham Tun Razak, ia lebih menekankan bagaimana peranan *state* untuk menguntungkan, terutama sekali golongan yang miskin dan itu sebabnya, misalnya FELDA diutamakan dan itu sebabnya rancangan luar bandar telah dilaksanakan.

*State intervention* yang dilakukan oleh Dr. Mahathir lebih merupakan intervensi pemerintah, terutama sekali untuk memberi bantuan kepada perkembangan golongan yang boleh mempunyai potensi-potensi untuk menjadi kaya. Jadi yang satu lebih memandang kepada golongan yang susah, yang satu lebih memandang kepada mempromosi golongan yang senang. Pada masa ini, setakat setahun Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib menguasai negara ini, kita dapati bahawa ada percubaan untuk menerima masuk dan melaksanakan, terutama sekali liberalisasi yang lebih luas dan oleh kerana itu, diliberalkan beberapa *enterprise* ataupun beberapa perusahaan ekonomi dan termasuk juga dasar-dasar yang telah dijalankan pada masa yang lalu.

Saya sebenarnya kurang bersetuju dengan trend liberalisasi ini sebab liberalisasi ini boleh menguatkan lagi sistem pasaran yang saya sebutkan tadi, boleh menguatkan

golongan yang kaya dalam masyarakat dan boleh mengesampingkan, terutama sekali nasib golongan yang berpendapatan rendah. Memang benar bahawa sebagaimana yang dijelaskan dalam ucapan beliau, kerajaan melaksanakan NKRA yang mempunyai pelbagai aspek untuk menolong golongan miskin. NKRA merupakan langkah transformasi yang dimulakan dengan enam bidang keutamaan nasional.

Kita dapati antaranya ialah meningkat taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, meningkatkan infrastruktur asas luar bandar dan menambah baik sistem pengangkutan bandar. Ketiga-tiga ini memang boleh membantu golongan bawahan tetapi, berlatarbelakangkan kemungkinan suasana liberal berkembang, berlatarbelakangkan kemungkinan sistem pasaran bebas bertambah kuat, maka apa yang akan mungkin berlaku ialah bukannya menguatkan lagi keadaan golongan kemiskinan dan membantu golongan-golongan yang berpendapatan rendah, tetapi akan mengukuhkan lagi dan memperkayakan lagi golongan yang susah.

Jadi dalam keadaan sekarang ini seperti yang telah dijelaskan lebih awal oleh orang lain, kita dapati bahawa lebih banyak diutamakan bandar daripada luar bandar. Lebih banyak diutamakan golongan yang di atas, sebagai kontraktor, sebagai pengusaha, sebagai korporat daripada sebenarnya golongan di bawah. Bahkan kalau kita lihat dari segi perbelanjaan, perbelanjaan yang diperuntukkan bagi golongan bawahan di kawasan kampung dan bagi golongan pertanian adalah jauh lebih kecil daripada peruntukan-peruntukan untuk projek-projek gergasi yang dilaksanakan oleh pemerintah.

Jadi saya ingin melihat bahawa sekiranya kita benar-benar mahu menolong orang Melayu yang kebanyakannya miskin itu, yang kebanyakannya berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan bagi satu keluarga, kita perlu menterbalikkan sistem sekarang ini. Menterbalikkan dengan erti kata kita tidak lagi menumpukan kepada kawasan bandar dan kawasan golongan kaya terlalu banyak tetapi kita pastikan lebih banyak peruntukan, lebih banyak usaha ditumpukan kepada kawasan desa, kawasan orang miskin dan juga kepada golongan-golongan bawahan.

#### ■1530

Inilah golongan yang paling susah dalam masyarakat dan golongan masyarakat inilah yang di desa yang merupakan kebanyakannya seperti yang saya sebutkan tadi lebih daripada 70% adalah terdiri daripada orang Melayu. Sesuai dengan ini, beberapa langkah boleh dilakukan.

Pertama ialah dengan memberikan bantuan berbentuk tunai kepada golongan miskin tegar, yang paling miskin sekali itu. Yalah, kepada golongan kaya selalu kita beri hutang beratus-ratus juta misalnya, untuk berusaha. Tentu sekali kita boleh membantu orang-orang yang miskin tegar ini untuk meningkatkan pendapatan mereka supaya mereka tidak lagi di bawah garis kemiskinan atau pun mereka dapat lepas daripada kedudukan miskin tegar itu.

Bilangan mereka tidak ramai dalam negara ini. Kurang daripada 1%. Kalau kita membantu mereka, mula-mula secara tunai dan kemudian dengan cara memberikan latihan-latihan untuk mereka menjalankan perusahaan mereka sendiri dengan sokongan yang kuat, maka kita dapat meningkatkan pendapatan golongan yang miskin tegar tadi. Boleh dikatakan hampir semua mereka ini adalah orang Melayu. Merekalah yang harus kita utamakan.

Keduanya ialah menyediakan peruntukan modal dan kredit mikro berlipat ganda kepada golongan miskin di desa dan bandar supaya mereka boleh melaksanakan pekerjaan yang produktif. Jadi, sebenarnya ada golongan-golongan yang susah yang hendak memulakan perusahaan tetapi tidak mempunyai modal, tidak mempunyai peluang mendapatkan latihan-latihan pekerjaan. Dari segi ini, latihan yang banyak boleh dibuka kepada mereka dan bantuan-bantuan yang lebih boleh diberikan kepada mereka supaya mereka dapat berusaha dengan tenaga mereka sendiri.

Ketiga ialah memberi tanah atau memiliki tanah kepada mereka yang tiada atau kekurangan tanah dan bekerja di atasnya. Sehubungan ini, rancangan FELDA hendaklah dikembalikan kepada bentuk asal seperti yang dimulakan oleh Tun Razak. Ini akan saya bincangkan nanti dalam strategi yang lain.

Keempat ialah membina lebih banyak kemudahan sosial yang murah serta mudah terutama sekali yang berkaitan dengan pendidikan kesihatan, perumahan, pengangkutan dan lain-lain. Jadi, ertinya yang dimaksudkan di sini adalah perbelanjaan bagi kemudahan sosial di kalangan desa, perumahan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya seharusnya jauh daripada peruntukan untuk membina hospital ataupun kemudahan-kemudahan lain yang banyak bertempat di bandar-bandar.

Strategi yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah untuk mewujudkan persekitaran kondusif bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Saya ingin membincangkan secara kritikal sedikit beberapa aspek dari strategi ini. Pendekatan yang diutamakan untuk mencapai pendapatan yang tinggi ialah mengamalkan strategi pengkhususan. Ini disebut dalam ucapan.

Untuk tujuan ini dikemukakan 12 NKEA iaitu bidang ekonomi yang dijangka boleh menjana pendapatan tinggi. Saya tidak mempunyai masalah dengan hal ini tetapi, yang menjadi persoalan ialah kenyataan yang dibuat dalam ucapan itu bahawa rancangan ini memerlukan lonjakan ketara dalam kerancangan aktiviti pelaburan yang diterajui pelaburan swasta yang lebih cergas.

Ertinya, ia menekankan pelaburan swasta, menekankan peranan yang lebih pada swasta sesuai barangkali dengan falsafah liberalisasi dan pasaran bebas. Sekarang ini Malaysia banyak bergantung pada pelaburan asing yang semakin merosot. Kemerosotan ini bukan sahaja disebabkan oleh keadaan ekonomi dunia, bahkan ia disebabkan juga oleh beberapa kelemahan dalam suasana ekonomi yang dianggap menimbulkan isu kaum dalam kemajuan kerjasama ekonomi, isu kelewatan proses meluluskan projek, masalah korupsi yang meluas dan juga soal kehakiman dan pentadbiran yang dirasakan tidak bebas, tidak neutral dan campur tanya politik yang berlebihan dalam macam-macam perkara.

Memang tidak begitu baik untuk kita bergantung kepada modal asing. Malangnya dalam pergantungan kepada modal swasta ini, dikatakan bahawa kita memerlukan peningkatan lebih daripada kira-kira 15% tiap-tiap tahun modal swasta ini dan lebih daripada jumlah yang besar untuk mendapatkan modal swasta ini...

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat menyentuh beberapa perkara tentang pelaburan, pelabur-pelabur luar yang merasa tidak senang atau pun *not conducive*.

Saya ingin mendapatkan sedikit komen daripada Yang Berhormat. Ada dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan bahawa langkah kerajaan membuat *affirmative action*, khususnya untuk menolong orang Melayu dan bumiputera, antara sebab utama pelabur-pelabur berasa agak curiga untuk melabur di dalam negara kita ini. Adakah ini satu *myths* ataupun dongeng, apakah komen Yang Berhormat tentang ini? Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya rasa tidak perlu saya buat jawapan itu kerana dalam *myths* atau dongeng itu adalah pandangan mereka tetapi, hakikat yang saya hendak sebutkan ialah kita terlalu bergantung sangat kepada modal asing. Sekarang ini modal asing itu, modal swasta juga bertambah kurang dalam negara ini.

Yang penting bagi saya ialah, walaupun saya mengakui bahawa modal asing dan modal swasta itu penting tetapi, kita tidak boleh terlalu bergantung pada modal

asing. Kita mesti lakukan mobilisasi untuk menggerakkan modal tempatan. Kalau kita tengok sejarah, misalnya perkembangan di Korea Selatan atau pun di Taiwan, perkembangan pada peringkat permulaan bergantung pada modal tempatan yang digerakkan.

Satu daripada perkara yang harus kita belajar daripada mereka bagaimana untuk mencapai tingkat pendapatan yang jauh lebih tinggi daripada kita ialah jangan terlalu bergantung kepada modal asing yang tidak semestinya memberikan kebaikan kepada masyarakat kita.

Satu lagi berkaitan dengan ini ialah bahawa kita perlu memastikan banyak modal yang keluar daripada negara ini harus diusahakan untuk kembali. Ada dua jenis modal yang telah keluar. Pertama ialah yang digalakkan oleh pemerintah terutama sekali di masa Tun Mahathir. Modal yang ditanam di Afrika dan di negeri-negeri yang dianggap kurang maju atau mundur.

Satu lagi ialah pemodal-pemodal yang membawa keluar modal mereka. Oleh kerana mereka merasakan peluang untuk mendapat untung di luar adalah lebih baik dan suasana untuk menjalankan perusahaan di luar adalah lebih baik dari sini. Jadi, apa yang perlu dilakukan ialah untuk memastikan suasana yang lebih baik bagi pemodal-pemodal supaya mereka tidak membawa keluar modal mereka di tempat-tempat lain kerana kita lebih memerlukan modal itu kepada kita.

Sehubungan dengan ini, kita dapati bahawa pemerintah cuba hendak menggalakkan perkongsian awam dengan swasta. Perkongsian itu memanglah satu perkongsian bestari, yang dialu-alukan tetapi, saya cuma hendak menekankan di sini bahawa sehubungan ini 52 projek berimpak tinggi bernilai RM63 bilion telah dikenal pasti. Antaranya ialah seperti berikut:

- (i) tujuh projek lebuhraya beranggaran RM19 bilion;
- (ii) dua projek loji jana kuasa elektrik bernilai RM7 bilion; dan
- (iii) pembangunan tanah Lembaga Getah di Sungai Buloh yang dianggarkan RM10 bilion.

Semua projek-projek kerjasama awam-swasta ini adalah projek-projek yang mahal dan besar. Untuk menggalakkan pelaburan swasta, kerajaan akan menyediakan dana sebanyak RM20 bilion, Dana Mudahcara.

#### ■1540

Nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita optimis bahawa dalam tempoh RMKe-10 ini, sebanyak RM200 bilion akan dapat ditarik dari swasta. Atas asas

apakah angka ini ditentukan dan bagaimana caranya wang sebanyak itu dapat ditarik tidaklah begitu terang bagi saya, sama ada dalam ucapan atau ringkasan RMKe-10 itu sendiri. Beberapa soalan pokok timbul dari rancangan menggalakkan projek-projek awam swasta ini yang tersebut di atas iaitu:

- (i) selain pekerjaan yang mungkin banyak diambil oleh pekerja migran, apakah keuntungan yang akan diperolehi rakyat berpendapatan rendah? Sudah pasti keuntungan untuk kontraktor, pengusaha dan sebagainya sudah jelas;
- (ii) bagaimanakah pemilihan golongan kontraktor dilakukan? Bagaimana hendak memastikan mereka ini tidak cuba mengaut keuntungan mega melalui amalan *rent-seeking* yang ditentang sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Kita hendak melihat bagaimana penentangan ini dilakukan pada keadaan tepatnya, pada pelaksanaannya; dan
- (iii) sejauh manakah projek-projek ini akan menjana pembangunan ekonomi? Bagaimanakah hendak dipastikan ia tidak menjadi projek yang didorong dan digunakan untuk mengisi kantung sesetengah orang dan tidak pergi kepada rakyat ramai.

Dalam ucapannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib, menyebut tentang perlunya mengeratkan hubungan perdagangan dengan negara-negara lain untuk menimbulkan suasana yang kondusif itu. Dalam hubungan ini, saya teringat kepada misalnya FTA. Saya harap - kita tidak tahu setakat mana perkembangan perjanjian FTA ini sedang berjalan, tetapi saya harap kerajaan akan berhati-hati menangani FTA. Ini kerana jikalau tidak, kita boleh terperangkap dalam satu proses globalisasi yang seperti saya jelaskan tadi, boleh merugikan dan tidak menguntungkan rakyat.

Kita tidak mahu timbul keadaan di mana yang untung ialah pemodal besar antarabangsa yang bekerjasama dengan pemodal tempatan. Yang kita kehendaki ialah keuntungan, terutama sekali bagi rakyat ramai. Ini supaya tidak 73% mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan satu keluarga itu terdiri kebanyakannya daripada orang Melayu.

Nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yakin Malaysia mempunyai daya persaingan yang kuat - itu sebabnya diperlukan kerjasama dengan negara-negara lain. Ini berdasarkan kepada, misalannya laporan Bank Dunia yang mengatakan bahawa

Malaysia adalah di kedudukan ke-23 teratas di antara 183 negara, dan beliau yakin sebelum tahun 2015 kedudukan kita akan bertambah baik kepada yang ke-10 tetapi, laporan ini adalah berbeza dengan dua laporan yang lain. *World Economic Forum* misalnya menunjukkan bahawa kedudukan Malaysia menurun, iaitu daripada tempat ke-21 - dua tahun lalu kepada tempat yang ke-19. Seterusnya *Doing Business Report* yang terkenal di kalangan golongan peniaga-peniaga dan pemaju menunjukkan bahawa pada tahun 2010, kedudukan Malaysia ialah di tempat ke-23 iaitu dua anak tangga lebih rendah daripada sebelumnya.

Jadi walaupun *World Bank* menunjukkan kenaikan kedudukan, tetapi dua laporan yang lain itu kita jatuh. Yang penting - yang hendak saya sebutkan di sini ialah memandangkan ada perbezaan pandangan ini, kita seharusnya juga berhati-hati dan tidak *overconfident* tentang kuasa persaingan yang ada pada kita.

Selanjutnya di bawah strategi kedua ini, diberikan tumpuan kepada empat perkara lain iaitu:

- (i) penyediaan infrastruktur bertaraf dunia;
- (ii) pembentukan dasar baru tenaga;
- (iii) pembangunan *cluster*; dan
- (iv) pembangunan SME.

Berkaitan infrastruktur, selain dari melaksanakan projek jalur lebar berkelajuan tinggi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi? Masa untuk Yang Berhormat lima minit lagi - 40 minit peruntukan, cuma tinggal lima minit lagi.

**Dr. Syed Husin Ali:** Okey, boleh minta lebih sedikit daripada lima minit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi 10 minit lagi ya.

**Dr. Syed Husin Ali:** Jadi yang penting - saya potong tentang strategi kedua tadi. Tentang dasar tenaga, kita dapati ada dua aspek dari dasar tenaga ini.

Pertama, ialah menarik balik subsidi - ini telah mula dilakukan dengan mempunyai akibat-akibat yang tersendiri. Kita tidak boleh misalannya memikirkan hendak tarik balik subsidi, kerana memikirkan hendak mengurangkan defisit. Ini kerana kalau kita misalnya atasi masalah pembaziran - soal *leakage* dengan izin dan korupsi, maka lebih mudah untuk diatasi soal defisit itu. Akan tetapi ini bererti mengambil tindakan terhadap golongan yang kaya, dan lebih mudah dilakukan pada golongan-golongan yang lain daripada yang kaya itu.

Kedua, ialah dasar yang berkaitan dengan dasar nuklear - dasar untuk mendapatkan tenaga daripada nuklear. Dalam hal ini, saya merasa sukacita mendengar berita bahawa kita belum membuat keputusan yang muktamad dengan dasar nuklear. Ini kerana dasar ini harus kita fikir baik-baik sebelum melaksanakannya, kerana nuklear sebagai punca tenaga bukan sahaja tidak selamat, bukan sahaja mahal, tetapi ia boleh mencemarkan alam sekitar.

Strategi yang keempat ialah pembangunan sosioekonomi. Dalam pembangunan sosioekonomi ini lebih jelas nampaknya apa yang hendak dilakukan. Cuma walaupun ditekankan soal hendak meningkatkan terutama sekali sosioekonomi orang-orang Melayu, namun saya berpendapat bahawa daripada beberapa contoh yang lalu, masih banyak yang boleh dilakukan dan yang patut dilakukan.

Pertama, ialah misalannya berkaitan dengan golongan Orang Asal. Soal tanah Orang Asal masih belum selesai. Bahkan kita dapati bahawa demi di atas nama pembangunan, banyak masyarakat Orang Asal - tanah Orang Asal dicerobohi. Bukan sahaja dicerobohi, tetapi dicerobohi dengan kekerasan. Jadi saya rasa kita perlu memikirkan tentang bagaimana soal tanah adat Orang Asal dan Orang Asli dapat kita atasi supaya golongan yang paling mundur dalam negara ini dapat kita bela.

Kedua, ialah tentang nasib peneroka bandar terutama sekali yang disebut sebagai penduduk-penduduk FELDA. Sebelum saya pergi kepada soal itu, saya ingin menjelaskan bahawa terdapat pengusiran-pengusiran tanah bukan sahaja bagi Orang Asal, tetapi juga di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Pengusiran secara kasar - secara yang kadang-kadang tidak bertimbang rasa melibatkan perobohan rumah tanpa notis, tanpa bayaran pampasan yang mencukupi, dan tanpa memberikan peluang untuk mereka mendapat tanah atau rumah alternatif.

#### ■ 1550

Seboleh-bolehnya perkara ini perlu ditangani dan sebaik-baiknya juga kalau mereka boleh diberikan bantuan kewangan ataupun pinjaman bank supaya mereka dapat melaksanakan pembinaan rumah yang baru. Mengenai peneroka bandar FELDA tadi, saya katakan tadi bahawa kita harus memikirkan kemungkinan kembali balik pada konsep Tun Razak.

Konsep Tun Razak ialah memberikan tanah kepada setiap petani yang tidak mempunyai tanah atau kekurangan tanah dan mereka mengusahakannya sendiri dan konsep itu yang merupakan konsep yang mungkin dilihat tidak menguntungkan dari segi ekonomi besar telah ditukar iaitu dengan cara misalnya dengan mengadakan FELDA

Holdings dan dengan FELDA Holdings itu FELDA sudah menjadi bukan lagi milik petani-petani tetapi milik masyarakat kerana sebahagian besar daripada mereka menyerahkan tanah mereka kepada FELDA Holdings dan FELDA Plantations.

Kita dapati Tuan Yang di-Pertua bahawa dengan pemindahan ini orang yang tidak memberikan tanah mereka kepada FELDA Plantations kadang-kadang boleh mendapat pendapatan sampai tiga kali ganda daripada orang yang telah menyerahkan tanah mereka kepada FELDA Plantations dan FELDA Holdings.

Akhirnya kita dapati misalnya mereka bukan sahaja hilang milik dan berpendapatan rendah tetapi berhutang banyak kerana apabila mereka hendak menanam semula atau membuat rumah mereka berhutang, mereka kebanyakannya tua dan sekarang ini ramai sekali mempunyai beban hutang sampai RM60,000 hingga RM100,000 seorang dan hutang ini akan dibawa sampai kubur dan akan ditanggung oleh anak pinak mereka.

Sebaliknya syarikat besar yang menjalankan tanah FELDA sekarang ini seperti FELDA Holdings dan FELDA Plantation, mereka mendapat keuntungan iaitu keuntungan yang besar pada mulanya tetapi sekarang ini keuntungan itu sudah merosot, aset RM7 bilion misalnya dan simpanan tunai seperti yang diterangkan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat sudah merosot daripada kira-kira RM4 bilion kepada kira-kira RM1.3 bilion iaitu merosot kira-kira RM2.7 bilion dan kita harus memeriksa apakah yang sebenarnya berlaku. Kita marah misalnya kepada syarikat-syarikat Sime Darby dan sebagainya yang kerugian begitu besar, tetapi kerugian ataupun kehilangan kemerosotan aset wang ini yang berlaku adalah jauh lebih besar dan serius di kalangan FELDA ini.

Strategi yang keempat adalah berkaitan dengan mutu modal insan. Dalam modal insan ini disebutkan bahawa bilangan guru-guru ijazah akan ditambah di peringkat rendah dan di peringkat menengah tetapi menambahkan golongan guru yang ada ijazah atau ada PhD di sekolah-sekolah misalnya tidak menjamin sistem pendidikan yang lebih baik kerana kita memerlukan guru-guru yang berdedikasi dan suasana yang lebih baik dari segi pendidikan di mana tidak terlalu terkawal bahkan akan menggalakkan pemikiran yang kreatif dan kritikal.

Ini lebih-lebih lagi penting di peringkat universiti dan di peringkat universiti misalnya kita dapati bukan sahaja adanya pengawalan dengan akta-akta seperti AUKU dan Aku Janji dan sebagainya tetapi juga keadaan di mana tidak ada dedikasi yang cukup di kalangan para pengajar untuk mengajar dengan baik.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan berkaitan dengan cara untuk menambah baik mutu universiti ialah:

- (i) Dengan menimbulkan suasana bebas bagi mencari dan menambah ilmu dan sehubungan dengan ini menghapuskan peraturan-peraturan dan akta-akta yang mengekang dan menyekat mahasiswa dan pensyarah;
- (ii) menggalakkan perkembangan minda yang kritikal dan kreatif bukan di universiti sahaja tetapi bermula daripada alam persekolahan lagi dan sesuai dengan ini kehendak kemajuan serta perkembangan ilmu serta teknologi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mohon kerjasama kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas.

**Dr. Syed Husin Ali:** Beri lima minit lagi. Saya akan cepat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya sudah bagi masa tambahan lima minit tadi. Ini bererti Yang Berhormat sudah ambil masa 50 minit. Mohon kerjasama.

**Dr. Syed Husin Ali:** Lima minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

- (iii) sediakan kemudahan kewangan dan suasana bagi membuat penyelidikan dan RND;
- (iv) kenaikan pangkat profesor-profesor kanan mestilah berdasarkan kepada merit;
- (v) membawa masuk para akademik terkenal di merata dunia untuk mengajar sementara di universiti tempatan;
- (vi) melantik naib canselor berdasarkan kelayakan dan kebolehan melalui proses yang dijalankan melalui *search committee*;
- (vii) memberikan autonomi yang lebih luas kepada universiti; dan
- (viii) membuat kajian dan tapisan yang teliti sebelum membenarkan penubuhan sesebuah universiti *trans commission*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hanya sedikit lagi yang hendak diselesaikan di sini tetapi oleh kerana menghormati kehendak Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bincang strategi yang kelima dengan lengkap. Akan tetapi kalau dibenarkan Tuan Yang di-Pertua sekiranya dapat saya serahkan ucapan yang bertulis ini sebagai ucapan saya sebenarnya termasuk misalnya bahagian yang tidak dapat diucapkan. Kalau dibenarkan saya akan serahkan kepada pihak berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, dibenarkan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

**3.57 ptg.**

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** *Bismillahir Rahmannir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya ingin menyentuh beberapa kementerian sahaja terutamanya Kementerian Kewangan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Kementerian Dalam Negeri kerana saya ingin memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain untuk berucap.

Dalam buku tebal yang kita baru terima semalam ini bab empat disebut menuju ke arah pembangunan sosioekonomi secara *inclusive* di mana setiap rakyat harus menikmati kemakmuran negara dan keadilan sosial harus diberi kepada golongan yang memerlukan bantuan dan tidak sesekali meminggirkan sesiapaupun terutama masyarakat bumiputera.

Keduanya penyertaan masyarakat bumiputera dalam ekonomi negara dengan agenda pembangunan ekonomi bumiputera telah diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Untuk memperkasakan agenda pembangunan bumiputera ini, ada lima inisiatif strategik diperkenalkan dan di antaranya meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera melalui penginstitusian di mana ekonomi bumiputera diperluaskan dan dipertingkatkan melalui syarikat yang berkaitan dengan kerajaan seperti PNB, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Lembaga Tabung Haji.

Selain daripada itu mempertingkatkan pemilikan harta tanah bumiputera. Kita mengalu-alukan cadangan kerajaan melalui Yayasan Amanah Harta Tanah Bumiputera untuk menubuhkan Tabung Pelaburan Amanah Harta Tanah iaitu *Real Estate Investment Trust* yang bertujuan untuk mengurangkan halangan kepada bumiputera untuk melabur dalam sektor hartanah, komersial dan industri.

Pertamanya tanah milik Institut Baitulmal dapat ditingkatkan nilai asetnya kalau diadakan projek usaha sama terutama projek komersial dengan memberi peluang banyak pekerjaan kepada masyarakat terutama bumiputera hasil usaha sama ini.

■1600

Projek-projek pembangunan tanah milik *Urban Development Authority* (UDA) bumiputera berpeluang memiliki aset dan harta tanah yang ditawarkan oleh UDA melalui penjualan unit-unit kediaman komersial, yang ditawarkan dengan harga yang mampu dibeli oleh bumiputera. Dalam laporan tahunan tahun 2009, tahun yang lalu ada disebut banyak projek-projek UDA yang telah berjaya dilaksanakan. Lebih 1000 ekar tanah telah pun berjaya diusahakan oleh UDA di Bandar Baru UDA, Johor Bahru yang mampu dimiliki oleh bumiputera, yang dibeli dengan harga yang boleh dibeli oleh bumiputera, termasuklah pembangunan komersial dan pembangunan kediaman.

Yang keduanya, pembangunan Bandar Tun Hussein Onn di Cheras. Pembangunan rumah teres, banglo yang juga mampu dibeli oleh bumiputera. Dengan ini menambah aset bumiputera dalam kawasan bandar. Projek Tanjung Tokong, Pulau Pinang...

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Sila.

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Tuan Yang di-Pertua, mohon izin. Saya tertarik berhubung dengan tanah bumiputera kerana saya telah dimaklumkan ada tanah-tanah yang ditulis di dalam gerannya dengan izin, *Malay Reserve* tetapi dijual kepada non-bumiputera dan dibenarkan oleh kerajaan negeri menjual kepada bukan bumiputera. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Sekiranya tanah itu tanah... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Mengikut Kanun Tanah Negara, ianya perlu diganti dengan tanah lain di tempat lain, barulah sesuatu pembangunan itu dibenarkan. Jadi, dapat jawapan saya ya? Kena *refer* balik Kanun Tanah Negara tetapi setengah-setengah tempat, saya difahamkan tanah yang ganti itu sampai sekarang tak jumpa. Ini yang menjadi musykilnya, yang merugikan Melayu dan bumiputera ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, agaknya yang boleh menentukan boleh atau tidaknya itu, diluluskan oleh Exco Kerajaan Negeri yang berkenaan. Dah tu Exco-Exco ini mestilah prihatin tentang perkara ini. Ini ada dalam Kanun Tanah Negara, soal ganti itu kemudian. Persoalannya, kelulusan itu mesti diluluskan oleh majlis di kerajaan negeri yang berkenaan. Kalau Menteri Besar, Menteri Besarlah. Kalau Ketua Menteri, Ketua Menteri. Kalau wilayah, sekarang ini kuasa itu sudah diturunkan kepada Menteri Wilayah. Itu saya cuma nak beri penjelasan sedikit. Terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasihlah. Tuan Yang di-Pertua pun bekas Exco Kerajaan Negeri Sembilan tetapi yang jadi masalahnya, apabila sesuatu

kelulusan diberi oleh Exco itu, ia melibatkan Tanah rizab Melayu. Yang menjadi masalah sampai sekarang, tanah gantian itu tidak dapat dicari, tak dapat diganti di tempat lain. Apa nak jadi kalau setiap kali mesyuarat Exco meluluskan Tanah rizab Melayu, setiap kalilah hilang tanah Melayu di atas bumi tanah Melayu. Ini yang menjadi persoalan Tan Sri tadi.

Saya teruskan. Projek lain yang telah dilakukan oleh UDA iaitu projek Tanjung Tokong, Pulau Pinang. Di mana pembinaan rumah pangsa di Tanjung Tokong ini sungguh laris macam goreng pisang panas. Kita buat hari ini, esok kita iklankan dan panggil pembeli, dalam beberapa minggu sahaja habis dapat dijual. Selain itu UDA telah berjaya dalam beberapa projek komersial untuk ruang meniaga bumiputera yang boleh dibeli dan boleh disewa. Yang pertama, yang paling kita kenal ialah Kompleks Pertama, Bukit Bintang Plaza dan di Johor Bahru ialah Plaza Angsana, Johor Bahru dan selain daripada itu Hentian Puduraya yang sedang dibaik pulih. Yang baru adalah Melaka Street Mall iaitu projek komersial dan projek hotel.

Satu lagi projek besar yang sedang dibangunkan iaitu servis kondominium di Jalan Sultan Ismail berhampiran dengan Sheraton Hotel. Di mana servis kondominium ini mampu dibeli oleh bumiputera dan di bawahnya diadakan bazar baru untuk tempat meniaga bumiputera. Satu lagi yang saya nak sebut di sini, yang hangat diperkatakan di dalam Dewan Rakyat iaitu pembangunan bekas Penjara Pudu. Tanah yang seluas hampir 20 ekar, iaitu 19.5 ekar yang projeknya bernilai RM5 bilion ini, yang akan menjadi mercu tanda yang kedua selain daripada Menara Berkembar Petronas yang akan diberi nama Bukit Bintang City Centre, *short formnya* BBCC, dengan izin. Yang diadakan pembangunan bercampur dengan pusat membeli belahnya, menara pejabat, hotel, servis apartmen khusus untuk bumiputera bagi menunjukkan bumiputera... iaitu kediaman-kediaman yang mampu dibeli oleh bumiputera.

Selain daripada itu dalam pembangunan ini, *recreation centre*, komersial dan pusat kebudayaan diperkenalkan. Ruang-ruang niaga, *food court* yang akan diberi keutamaan kepada bumiputera untuk membeli atau menyewa. Banyak orang memperkatakan kenapa kita merobohkan Penjara Pudu. Tidak ada kesan, tidak tinggal langsung kesan.

Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, UDA berhasrat untuk membina replika Penjara Pudu ini. Di mana warisan Penjara Pudu ini akan dipelihara dan cadangan untuk mewujudkan *cultural art boulevard*. Bangunan Bukit Bintang City Centre ini berkonsepkan *city in a city* dengan izin, iaitu bandar dalam bandar. Dengan adanya *sky*

*bridge* dan *sky garden* dengan izin, untuk menghubungkan dua menara dan taman tema serta hutan bandar dalam taman, *roof top* atau atas bumbung.

Selain daripada itu, taman dalam bandar ini berserta dengan amfiteaternya *garden amphitheater*, taman tema seperti yang disebut dalam buku tebal ini dalam Laporan Rancangan Malaysia Kesepuluh mengenai ruang terbuka dan koridor hijau. Persoalannya yang saya ingin lontarkan kepada Kementerian Kewangan, projek yang besar ini, yang bernilai RM5 bilion ini dibangunkan oleh GLC bumiputera iaitu UDA Holding Berhad. UDA tidak mampu untuk membangunkan projek ini bersendirian, ianya perlu bantuan daripada syarikat berkaitan dengan kerajaan dan kumpulan wang simpanan seperti PNB, Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, syarikat-syarikat GLC yang lain seperti UM, MRCB dan Island & Peninsular.

Kementerian Kewangan haruslah menjemput mereka ini menyertai projek ini secara peringkat ataupun fasa demi fasa kerana dengan adanya sokongan ini, projek RM5 bilion ini akan menjadi realiti yang memakan masa lebih kurang sepuluh tahun. Ini mengikut Laporan Tahunan UDA. Kementerian Kewangan juga tidak boleh membebankan UDA kerana UDA di bawah pengawasan Menteri Kewangan Diperbadankan dan perlu menyelesaikan baki premium tanah kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan kerana telah membiarkan UDA untuk meminjam daripada bank, faedahnya cukup tinggi.

■ **1610**

Selain daripada itu, perkara yang saya sebut di sini yang disebut dalam Dewan Rakyat baru-baru ini iaitu bantuan daripada beberapa pihak termasuklah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk menghalau hantu-hantu dan jembalang-jembalang yang akan mengganggu projek yang bernilai RM5 bilion ini. Saya sebut di sini kerana dalam kawasan tapak ini mempunyai kawasan perkuburan yang bercampur aduk antara orang Islam dan bukan Islam. Hal ini saya ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara Malaysia apakah dasar Jabatan Penjara....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Izinkan saya bertanya buat seketika ini, saya pandang ada atau tidak wakil kementerian ini dalam Dewan ini?

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Dia ada di luar, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta kalau boleh dia masuk ke Dewan ini. Saya minta tolong beritahu kepada wakil-wakil kementerian duduk dalam ini - dengar. Jangan duduk di luar.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat mereka dengar melalui televisyen di luar ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mintalah. *This is a Dewan! This is serious!* Seorang minta kalau boleh wakil-wakil kementerian yang berkenaan itu duduk di sinilah. Terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Eloklah, hantu-hantu duduk di hadapan ini!

**Tuan Yang di-Pertua:** Pegawai-pegawai ada atau tidak? Ini apa ini? Saya minta rekod di sini, saya minta supaya kementerian - Ini Dewan yang mulia. Tadi menteri ada bercakap, sekurang-kurangnya timbalan menteri ada dan pegawai-pegawai kanan ini di mana? Kita hendak bercakap kepada siapa? Silakan, Yang Berhormat. Saya hendak tentukan perkara ini jangan berlaku lagilah. Terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih. Saya sokong benar, sokong penuh. Sudahlah menteri tidak ada pegawai pun tidak ada di belakang.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya tengok timbalan menteri seorang pun tidak ada, jangan kata menteri. Sekurang-kurangnya mintalah Tuan Yang di-Pertua mengambil perhatian. Maknanya tidak ada orang menghormati Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sudah cakap tadi, saya sedar dan memerhatikan. Saya minta dirakamkan dalam Dewan yang mulia ini supaya semasa Dewan ini bersidang membahaskan isu yang amat penting dan saya minta kalau menteri tidak boleh, timbalan menteri. Wakil-wakil yang berkenaan ini adalah berkaitan banyak kementerian yang terlibat. Tidak mengapa, teruskan Yang Berhormat kita akan lihat perkembangannya.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Mengenai Jabatan Penjara tadi, saya hendak tanya Kementerian Dalam Negeri. *[Seorang Timbalan Menteri masuk]* Terima kasihlah, sudah masuk.

Saya hendak tanya kenapa dasar Kementerian Dalam Negeri membenarkan pesalah-pesalah jenayah yang dihukum mati dikebumikan dalam kawasan penjara? Adakah ini kerana tidak ada tempat lain atau orang yang dihukum mati ini teruk

sangatkah kesalahannya? Apakah ini dasar yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri ini? Penjara Sungai Buloh adakah kawasan perkuburan seperti mana Penjara Pudu? Apabila hendak buat satu pembangunan baru terpaksa halau hantu-hantu ini. Penjara Kajang, penjara Taiping, Alor Setar, Johor Bahru, ada atau tidak perkuburan ini? Kalau ada, masih ada dasar ini, saya cadangkan akan datang ini orang yang dihukum penjenayah yang dihukum mati, yang mati dihukum gantung dalam penjara dia ada tempat dia di luar. Kawasan perkuburan untuk orang Islam, kawasan perkuburan orang Islam, orang Cina dan orang India tempat dia. Jangan dikebumikan dan ditanam dalam kawasan penjara.

Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai pemilikan tanah bumiputera dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh mencadangkan supaya pembangunan semula Kampung Baru Kuala Lumpur. Kementerian Wilayah Persekutuan harus memberi penjelasan. Pertamanya, aset bumiputera yang berharga di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur ini perlu dilakukan secara yang terbaik. Jangan menimbulkan kontroversi. Ini apabila Perdana Menteri mengumumkan untuk membangunkan semula Kampung Baru, macam-macam pihak membuat komen dengan menimbulkan kontroversi dan tidak senang duduk pemilik-pemilik asal Kampung Baru ini. Pembangunan semula ini perlu supaya pemilik tanah merasakan nilai harta tanah mereka yang sebenarnya. Sebab itu tangguh terlalu lama. Ia mengambil masa 10 hingga 20 tahun, baru sekarang hendak diselesaikan.

Pemilik asal ini tidak mahu kehilangan tanah yang sangat berharga. Kalau mereka tinggal di rumah banglo yang sekarang ini rumah sebuah, akan datang pembangunan mereka pun hendak rumah sebuah. Adakah mereka di tempatkan di *flat* yang mewah? Mereka tidak mahu. Orang Putih cakap mereka hendak *landed property*. Mereka tidak mahu tinggal di rumah *flat*. Kalau rumah kediaman mereka sekarang rumah teres, kalau pembangunan baru akan datang ini sudah tentu mereka hendak yang lebih baik, rumah semi D, sekurang-kurangnya, rumah berkembar. Jangan diberi rumah teres juga. Ini yang menimbulkan bantahan mereka. Kalau mereka tinggal di rumah kayu, sudah tentu mereka hendak rumah batu. Saya pun begitu, kalau tanah saya diambil. Saya duduk di rumah kayu, kalau tanah saya diambil untuk membuat pembangunan dan tanahnya bernilai tinggi di Kuala Lumpur ini sudah tentu saya hendak rumah batu. Saya tidak mahu rumah kayu yang dahulu saya sudah ada. Pembangunan ini perlu perhatian. Jangan kita meragut hak milik orang.

Selain daripada itu saya ingin tanya Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mengenai ura-ura hendak menubuhkan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru ini yang diletakkan di bawah Akta Parlimen kerana perbadanan ini kononnya boleh bekerjasama dengan penduduk dan hasil daripada kerjasama ini mendapat pulangan yang saksama dengan pemilik asal. Isu yang kurang jelas yang pertamanya bidang kuasa perbadanannya ini di mana? Keduanya, bagaimana struktur organisasinya dan siapakah keanggotaan perbadanan ini yang akan duduk di dalamnya?

Adakah wakil penduduk ini, wakil pemilik tanah asal ini akan juga dijemput untuk duduk dalam perbadanan ini? Ini perlu dijawab dengan jelas untuk menyenangkan orang-orang Kampung Baru ini. Model pembinaan pembangunan Kampung Baru ini hendak ikut model Kampung Kerinchi ataupun model Kampung Tradisi Segambut? Kalau model Kampung Tradisi Segambut lupakan sahaja kerana ia merugikan orang Melayu. Mungkin pembangunan Kampung Kerinchi boleh digunakan dalam model ini. Akan tetapi ini kawasan strategik ianya akan lebih baik kalau difikirkan di masa akan datang.

Selain itu saya juga kurang faham kenapa ada skim pembiayaan yang dipanggil Skim Pembiayaan Inovatif untuk diwujudkan supaya penduduk sedia ada dapat membeli unit kediaman. Saya tidak faham kerana tanah mereka dibangunkan, selepas itu mereka akan diberi balik unit kediaman. Kenapa harus dibeli? Saya nyatakan tadi rumah teres kalau dapat diberikan rumah berkembar, bukannya harus mendapatkan pembiayaan untuk membeli lagi yang memudaratkan penduduk Kampung Baru dengan hutang-hutang atau pinjaman bank. Ini perlu diberikan perhatian. Bukan semua orang kampung Melayu kaya. Pergi tengok Kampung Baru, ada orang tinggal di rumah kayu yang hampir roboh, yang nampaknya usang. Saya ingat rumah Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin ada sebuah di situ, ya?

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** *[Menganggukkan kepala]*

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Rumah kayu rumah lama. Orang miskin pun ada. Kenapa hendak dibebankan dengan pinjaman kewangan? Inilah perkara-perkara yang perlu dijawab oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

■1620

Bab 6 yang disebut dalam buku ini iaitu mewujudkan persekitaran ke arah meningkatkan kualiti hidup selaras dengan konsep keadilan sosial dalam Rancangan

Malaysia Kesepuluh, kerajaan mahu memastikan agar kemakmuran ekonomi negara diagih sebaik mungkin supaya kualiti hidup rakyat dipertingkatkan.

Teras strategik kelima – memastikan kualiti hidup yang tinggi di kawasan bandar. Ada beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh penduduk bandar ketika ini. Pertamanya, menghadapi kepadatan penduduk. Penduduk terlalu padat hingga menyebabkan pelbagai masalah yang timbul iaitu peningkatan jenayah, pencemaran, dan kesesakan jalan raya yang memeningkan kepala penduduk-penduduk di bandar. Penyediaan kemudahan asas yang lebih mencukupi – kerajaan juga akan menyediakan tempat riadah dan rekreasi yang lebih selesa dan mempertingkatkan kewujudan kawasan lapang dan kawasan hijau.

Di Kuala Lumpur, ia akan merubah dan memperindah kawasan-kawasan taman iaitu Taman Tasik Perdana akan ditukar menjadi Taman Botani, Taman Tasik Metropolitan akan menjadi Taman Rekreasi Air dan Taman Layang-layang. Ini perkara penting yang kita amat bersetuju. Selain daripada itu, disebut di sini masalah landskap di sekitar Kuala Lumpur – kita lihat landskap di sekitar Kuala Lumpur tertumpu pada kawasan-kawasan taman – Taman Tasik Perdana, Taman Tasik Titiwangsa, Taman Tasik Permaisuri, Taman Metropolitan. Landskap ini juga tertumpu di jalan-jalan utama, jalan-jalan protokol, Jalan Tun Razak, jalan ke Istana Negara memang dihias elok cantik dengan pokok-pokok dengan landskapnya. Jalan ke Parlimen ini, tuan-tuan kalau kata cantik, cantiklah, tetapi saya lihat tidak cantik pun. Dataran Merdeka memang tempat pengunjung, ini diberi keutamaan dengan landskapnya yang sungguh menarik dan di sekitar Dewan Bandar raya Kuala Lumpur berhadapan dengan Bank Negara dan Jalan Kuching.

Saya minta perkara ini – kerana ini cadangan dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesepuluh mengenai kawasan hijau, jadi saya minta supaya cadangan-cadangan ini diperhalusi, terutamanya jalan-jalan selain daripada jalan-jalan utama yang saya sebut tadi seperti Lingkaran Tengah II (MRR2), Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya Baru dan berapa tempat lagi supaya landskapnya lebih menarik. Apa yang ada sekarang ini tidak berapa menarik.

Kalau tidak percaya, Yang Berhormat sekalian pergilah ke Selayang. Majlis Perbandaran Selayang di sekitar Majlis Perbandaran Selayang, ianya lebih indah dan cantik daripada Kuala Lumpur. Betul atau tidak? Pergi lihat sendiri. Kenapa Majlis Perbandaran Selayang yang kecil sahaja boleh cantik daripada Kuala Lumpur? Di mana jalan menuju ke Majlis Perbandaran Selayang dan sekitar Stadium MPS itu, pokok-

pokoknya dan landskapnya dijaga, tidak seperti di Jalan Parlimen ini. Kalau tuan-tuan lihat, 6 bulan sekali, pokok-pokok yang ada di Jalan Parlimen, Jalan Mahameru ke Jalan Tun Ismail ini digondolkan, dipotong. Dipotong biar gondol sebab mahu menunggu ranting atau cabang baru naik itu mengambil masa sebulan dua barulah ia mengeluarkan bunga.

Selain daripada itu – kita pergi sedikit ke negara luar. Jiran kita *Singapore* cukuplah. Turun sahaja daripada kapal terbang, *Changi Airport* itu, di tengah-tengah kita lihat bersegi jalan. Ini kerana mereka menggunakan bunga kertas sahaja. Bunga kertas yang ditanam dalam pasu besar berwarna-warni. Kalau hendak buat, buat seperti *Singapore*. Kenapa tidak boleh buat di Kuala Lumpur? Ini yang menghairankan saya. Mereka guna bunga kertas sahaja berwarna-warni. Sini merah, putih, kuning, hijau, dan *pink*. Cukup cantik. Ia tidak menggunakan pokok bunga yang mahal-mahal. Bunga kertas bukannya mahal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Sudah hampir habis ini. Selain daripada itu, bagi mewujudkan bandar menarik dan selesa, perlu pembangunan *waterfront*. Dalam buku Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, disebut kita harus melihat contoh apa yang dibuat seperti di Sungai Thames, London, di mana tempat-tempat bersejarah dengan indahnya dengan ada *London Eye, Cruise, London Bridge, London Tower, Tower Bridge*, bangunan Parlimen di hadapannya ada *waterfront* – restoran atas bot.

Kita harus lihat di Melaka, di Sungai Melaka sedang dilakukan. Di Kota Kinabalu, Kuching kenapa tidak kita menjadikan projek *waterfront* ini sebagai projek yang boleh dimajukan? Di Kuala Lumpur ini senang. Kita ada sungai – Sungai Gombak dan Sungai Klang, tetapi setiap kali hujan lebat, air naik sampai ke paras pejalan kaki. Bagaimana kita mahu buat projek ini? Jadi, harus dilihat supaya perkara-perkara ini boleh dilihat seperti negara-negara lain seperti Tokyo dan Osaka di mana tepi sungai diadakan tempat pejalan kaki dan laluan basikal. Sepanjang laluan basikal itu ada gerai (*booth*) untuk menjual barangan dan minuman. Kenapa tidak boleh dibuat di Kuala Lumpur – daripada PWTC hingga ke *Mid Valley* tempat yang sungguh menarik? Cadangan-cadangan ini memerlukan pemikiran yang kreatif dan pemikiran jangka panjang dari pakar-pakar tertentu.

Mengenai kesesakan jalan raya, saya juga ingin mencadangkan supaya kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur ini harus diatasi, terutamanya jalan-jalan yang menghubungkan pinggir-pinggir taman, lebuhraya bertingkat, dan lebuhraya MRR11. Menjadi masalah kepada penduduk Kuala Lumpur jika ia tidak diatasi dengan segera. Kedudukan lebuhraya ini menjadi *bottle neck* di hujung sana berdekatan dengan sempadan Selangor iaitu Bandar Manjalara, LDP ke Sungai Buloh belum dapat diselesaikan hingga sekarang. Jambatan yang retak itu sering ditakungi air apabila hujan.

Oleh sebab itu, ini perlu diperhatikan. Di hujung sebelah sana menuju ke Pandan Jaya dan Pandan Indah, ia perlu diatasi kerana makin hari, makin sesak. Perlu ada satu jalan alternatif yang dicadangkan yang saya dengar tetapi bila mahu buat tidak tahu, iaitu jalan pintas dari Ampang ke Sentul. Dan penyelenggaraan perlu dibuat dengan baik. Kenyataan ini meliputi Selangor dan Wilayah. Kadang-kadang Selangor kata, ini JKR punya hal dan Wilayah kata ini bandar raya punya hal. Kami punya hal, JKR dan Kementerian Kerja Raya jangan masuk.

Jadi saya perlukan kepastian, di mana had-had kawasan penyelenggaraan ini? Kesesakan di bulatan Batu Caves, ini satu perkara yang serius. Pergilah lihat Bulatan Batu Caves di mana setiap kali masa *peak hours*, kawasan ini menjadi kawasan yang tidak dapat bergerak langsung. Ini harus diberi perhatian. Jangan tolak polis Selangor, polis Selangor kata Polis Kuala Lumpur. Perlu ada *correlation*.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang sepuluh premis utama dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Perkara enam iaitu memastikan peluang saksama untuk melindungi hubungan yang mudah terjejas.

■ 1630

Baru-baru ini dilancarkan iaitu dipanggil pemberian Skim Amanah Saham Wawasan 2020 - Bandar untuk membantu golongan miskin tegar. Pelancaran telah dilakukan di Taman Titiwangsa dan setiap orang golongan miskin tegar ini diagihkan 10,000 unit saham yang diperuntukkan oleh PNB yang keseluruhannya bernilai RM100 juta tetapi, yang menjadi masalah, 10,000 ini kalau dinilai tahunan dividennya 6.5%, mereka dapat RM650. Kalau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Ya. Satu. Kalau dinilai dari segi bulanan, ia lebih kurang RM54 sebulan. Saya hendak cadangkan supaya kalau dapat ditambah

menjadikan mereka ini kalau boleh tiap-tiap tahun boleh mengeluarkan RM1,000 dalam poket bukan RM650 dan juga mereka ini boleh menambah – kalau ada kewangan lain ataupun sumbangan daripada pihak-pihak lain, mereka ini boleh menambah dalam amanah saham ini. Sedangkan apa yang diberitahu kepada saya, mereka tidak boleh tambah, mereka hanya tunggu tiap-tiap tahun dapat RM650.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Itulah sahaja cadangan-cadangan yang saya dapat berikan pada petang ini. Saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui.

#### **4.32 ptg.**

**Datuk Sim Kheng Hui:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan ini kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Rancangan Malaysia Kesepuluh merupakan rancangan pembangunan negara lima tahun yang amat penting. Ini kerana pelaksanaannya sejajar dengan usaha kerajaan membawa transformasi terhadap sistem pentadbiran dan pembangunan ekonomi negara dengan harapan untuk membawa negara ke tahap negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Inti pati Rancangan Malaysia Kesepuluh yang amat menyeluruh telah menunjukkan kesungguhan dan kegigihan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan pimpinannya dalam membawa perubahan kepada pentadbiran negara yang berasaskan kepentingan rakyat terutama dalam usaha menjayakan konsep 1Malaysia yang menekankan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Seruan dan usaha kerajaan ini telah menjadi satu aspirasi bagi setiap lapisan masyarakat untuk bangkit dan maju ke hadapan.

Kita kagum dengan strategi-strategi pembangunan negara menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah menggariskan pelaksanaan sepuluh idea utama iaitu:

- (i) memacu ekonomi dalam negeri dengan kepekaan persekitaran luar negara;
- (ii) memanfaatkan dan meluas faktor kepelbagaian kaum sebagai satu elemen kejayaan di lapangan antarabangsa;
- (iii) mentransformasi negara ke arah pendapatan tinggi menerusi pengkhususan;

- (iv) menjayakan pertumbuhan dipacu oleh produktiviti dan inovasi;
- (v) memupuk, menarik dan mengekalkan modal insan yang unggul;
- (vi) memastikan peluang yang saksama dan melindungi golongan yang mudah terjejas;
- (vii) pertumbuhan bertumpu dan pembangunan inklusif;
- (viii) menyokong perkongsian pintar yang berkesan;
- (ix) menghargai khazanah alam sekitar; dan
- (x) kerajaan umpama syarikat yang berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, amatlah jelas bahawa Rancangan Malaysia Kesepuluh memberi penekanan terhadap kerjasama sektor awam dan sektor swasta dalam menjana jentera pembangunan ekonomi bagi mencapai tahap negara berpendapatan tinggi.

Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mencapai jumlah nilai pelaburan swasta sebanyak RM115 bilion bagi tempoh tahun 2011 hingga tahun 2015, iaitu dengan kadar pertumbuhan sebanyak 12.8% setahun. Situasi ini akan menjadi landasan baik bagi memangkinkan kadar pertumbuhan ekonomi keseluruhan sebanyak 6% setahun. Walaupun strategi-strategi yang begitu meyakinkan telah menggariskan, negara masih sentiasa bersedia untuk berdepan dengan keadaan ekonomi global yang masih tidak begitu stabil.

Selain itu, strategi-strategi yang baik ini mesti disusuli dengan inisiatif segenap lapisan masyarakat dalam menjayakan matlamat-matlamat yang telah digariskan. Dalam aspek ini, kerjasama erat antara kerajaan dan rakyat amatlah diperlukan. Negara juga perlu bersedia dengan strategi-strategi bagi mengatasi cabaran demi cabaran di pasaran dunia seperti cabaran permintaan barangan keluaran negara yang tidak stabil di pasaran dunia akibat persaingan. Di samping itu, penekanan terhadap usaha memperkuat permintaan dalam negeri juga penting bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah komited untuk mencapai kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 6% setahun supaya pendapatan negara kasar per kapita akan meningkat kepada USD12,140 iaitu bersamaan dengan RM38,850 menjelang tahun 2020. Usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal daripada 5.3% KDNK dalam tahun 2010 kepada kurang daripada 3% pada tahun 2015 boleh dianggap amat berani dan berpandangan jauh.

Selain itu, pengawalan pergerakan pengurangan kadar pengangguran pada paras sekitar 3.6% bagi tahun 2010 amat tepat kerana elemen ini amat penting kepada perkembangan ekonomi. Bagi memangkin pelaburan swasta pula, hasrat kerajaan untuk mencapai kadar pertumbuhan pelaburan swasta sebanyak 12.8% setahun merupakan satu cabaran besar.

#### ■1640

Ini disebabkan sektor ini sering berdepan dengan beberapa masalah seperti kesukaran mendapat pinjaman perniagaan, kekurangan sumber tenaga buruh, kerumitan lesen pelaburan dan sebagainya. Namun, kita bersyukur atas inisiatif kerajaan dalam mengenal pasti 12 bidang ekonomi utama negara yang akan melaksanakan 118 projek pembangunan dan 35 jenis peluang baru dalam bidang keusahawanan.

Rancangan yang komprehensif ini dijangkakan akan dapat menjana pendapatan sebanyak RM156 bilion menjelang tahun 2020, di samping mewujudkan 2.2 juta peluang pekerjaan. Daripada 118 projek pembangunan yang digariskan, sebanyak 80% merupakan pelaburan swasta. Situasi ini amatlah menggalakkan dan mampu membawa kuasa pengganda ekonomi yang tinggi dalam masa terdekat ini.

Bagi sektor swasta pula, kerajaan masih akan memberikan tumpuan kepada pembangunan perusahaan kecil dan sederhana agar ia dapat menjadi salah satu momentum penggerak ekonomi negara. Difahamkan bahawa sebanyak 90% daripada jumlah perniagaan adalah terdiri daripada SME, yang mana juga menyerap 56.4% sumber tenaga kerja negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menyediakan siling peruntukan sebanyak RM230 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Peruntukan ini amatlah tinggi dan mampu mempergiatkan kuasa pembangunan ekonomi negara. Kesan baik ini akan dapat dilihat apabila sebanyak RM91 bilion telah disalurkan ke pasaran sepenuhnya bagi tahun pertama dan kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh. Daripada itu, sebanyak RM20 bilion juga akan disalurkan khas untuk memangkin pembangunan sektor swasta. Segala strategi dan peruntukan sedemikian akan dapat mewujudkan trend baru dalam perkembangan ekonomi negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Panjang lagikah? Jikalau boleh saya mengingatkan Yang Berhormat, *prepare* elok-elok dan agaknya *you summarize the thing* untuk meningkatkan mutu kita di dalam Dewan ini supaya kita tidak perlu membaca. Dengan izin, *I look forward to increase or to improve ourselves. In future, try*

*to get the points then* - saya tidak mahu melihat orang bualkan kita, kita bercakap di sini. Dengan itu, saya hendak tengok kebolehan Yang Berhormat betul-betul yang sampai ke satu tahap yang saya berasa amat gembira supaya kita ada kualiti di sini. Saya minta tolong dan minta maaf. Jikalau boleh jangan baca dan *point-point* itu *you speak up*.

**Datuk Sim Kheng Hui:** Okey, saya ambil itu lima...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan terus. *Now I allow you*.

**Datuk Sim Kheng Hui:** Walaupun strategi sedemikian dijangkakan akan membawa kesan positif terhadap ekonomi, projek perkongsian awam–swasta ini juga mesti dipantau dari masa ke semasa bagi memastikan sasaran dicapai dan tidak disalahgunakan. Kerajaan juga harus memastikan keadaan pasaran tidak tergugat di mana pengusaha lain turut mempunyai ruang untuk berkembang. Di samping itu, kerajaan juga harus memastikan projek penswastaan dilaksanakan dengan sebaik mungkin dengan mana kepentingan negara dan rakyat didahulukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana posisi daya saing negara di peringkat dunia telah meningkat daripada tempat ke 18, ke tempat 10. Namun, kita tidak mudah harus berpuas hati dengan pencapaian ini, memandangkan daya saing kita di sektor pengeluaran dan keusahawanan masih lemah.

Sebagai contoh, hanya terdapat sebuah syarikat tempatan yang berjaya memasuki senarai 500 syarikat terbaik dunia iaitu Petronas. Maka, dalam usaha kita meningkatkan daya saing, peningkatan mutu tenaga manusia amatlah penting. Selain itu, kepakaran rakyat mesti dihargai dan dimanfaatkan sepenuhnya supaya *brain drain* tidak berlaku. Untuk mencapai hasrat ini, minda yang mengutamakan konsep meritokrasi, daya saing dan prestasi tinggi amatlah penting dan mesti dijayakan demi melahirkan insan yang bermutu tinggi.

Polisi dan strategi yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah tepat dan berpandangan jauh. Namun, pencapaian polisi dan strategi yang baik memerlukan pelaksanaan yang efektif. Dalam aspek ini, pelaksanaan polisi dan pegawai kerajaan harus menunjukkan mentaliti yang kuat dan inovatif terutama dalam mengaplikasikan konsep 1Malaysia, merealisasikan transformasi pentadbiran kerajaan dan menjayakan Model Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, kemahiran dan kualiti sumber tenaga manusia merupakan kunci kepada pembangunan sesebuah negara. Maka, sebarang inisiatif untuk melahirkan modal insan yang berkualiti mesti disokong dan dipertahankan. Negara mesti memastikan modal insan yang berkualiti tinggi tidak mudah dipancing oleh negara

asing. Kerajaan mesti memastikan golongan intelek ini terus berada di negara dan berbakti untuk tanah air tercinta.

Berdasarkan perangkaan, sebanyak 20% sumber tenaga manusia yang berada di pasaran tenaga kerja negara berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke atas. Situasi ini amat kritikal untuk sebuah negara yang ingin bergerak ke depan dengan penuh megah. Maka, masalah mesti dikenal pasti dan strategi mesti digariskan bagi melahirkan lebih banyak modal insan berkualiti di samping mencegah *brain drain* terus berlaku.

#### ■1650

Bagi isu pengiktirafan *Unified Examination Certificated* (UEC), kerajaan telah mengambil langkah positif untuk membenarkan lepasan UEC memohon kursus perguruan tawaran institusi perguruan-perguruan dengan kelulusan SPM sebagai salah satu syarat kemasukan. Langkah ini disambut baik oleh masyarakat Cina kerana pelajar lepasan UEC berpeluang berbakti kepada pembangunan pendidikan negara.

Walau bagaimanapun, syarat kelulusan SPM sedikit sebanyak akan menjejaskan bilangan pemohon memandangkan pelajar sekolah menengah swasta Cina lebih menumpukan pada peperiksaan dan kelulusan UEC. Maka terdapat seruan agar syarat kelulusan SPM dapat dilonggarkan, malah dikecualikan supaya lebih ramai pelajar lepasan UEC boleh memohon...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Sim Kheng Hui:** ...Untuk memasuki institusi perguruan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Datuk Sim Kheng Hui:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh digulung? Yang Berhormat, apa-apa *points* itu gulung, mungkin *to say* mana-mana yang boleh. Saya bagi dalam satu, dua minit.

**Datuk Sim Kheng Hui:** *One minute is it?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Datuk Sim Kheng Hui:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak RM6 bilion telah diperuntukkan untuk pembinaan hospital baru dan pemindahan hospital bagi menampung keperluan semasa. Usaha ini akan merapatkan jurang nisbah antara bilangan pegawai perubatan dengan bilangan penduduk. Usaha kerajaan ini membuktikan kerajaan amat prihatin terhadap soal kesihatan rakyat.

Bagi negeri Sarawak pula, Hospital Umum Sarawak di Kuching hanya mampu menampung kira-kira 800 katil dan terlalu sesak dengan pesakit. Selain itu, *Sarawak*

*International Medical Centre* masih menjadi satu isu hangat yang masih belum ada penyelesaian. Kerajaan harus mengambil keputusan dan tindakan segera berkenaan isu pengambilan SIMC, supaya kemudahan tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk dijadikan sebuah hospital pakar baru untuk penduduk-penduduk negeri Sarawak. Di samping itu, Hospital Umum Sarawak di Sri Aman juga tidak mampu lagi menampung keperluan pesakit yang kebanyakannya berasal dari kawasan luar bandar di Zon Tengah Sarawak. Pembinaan hospital baru atau menaik taraf hospital sedia ada amat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, dengan ini saya mohon menyokong penuh Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat.

#### **4.55 ptg.**

**Dato' Zaitun binti Mat:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya juga saya dapat serta membahaskan RMKe-10 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Jun yang lalu.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang telah merangka RMKe-10 ini dengan begitu teliti dan dinamik, yang merupakan buah tangan pertama Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib sebagai Perdana Menteri dalam merangka dan merancang Rancangan Malaysia. RMKe-10 ini mengetengahkan idea bernas dengan pendekatan holistik terdiri daripada sepuluh premis utama dan lima teras strategik yang konklusif dan menjurus, serta memenuhi semangat gagasan 1Malaysia - 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh tentang wanita. RMKe-10 menggariskan hasrat kerajaan untuk membangunkan masyarakat yang progresif dengan mengiktiraf peranan wanita dalam membangunkan negara, kerana wanita menjadi asas keluarga serta tunjang negara yang berjaya.

Dalam hubungan ini, adalah penting sektor swasta meningkatkan penyertaan wanita terutama dalam jawatan tertinggi, termasuk ketua eksekutif dan ahli lembaga pengarah selain dalam sektor awam, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan.

Setakat manakah kejayaan hasrat kerajaan untuk mewujudkan 30% wanita dalam peringkat membuat keputusan dalam perkhidmatan awam termasuk GLC, dan apakah langkah yang telah diambil bagi meningkatkan penyertaan wanita ini? Seterusnya, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji undang-undang dan peraturan berkaitan bagi mendorong penyertaan lebih ramai wanita bagi memperkasakan wanita?

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya ingin membangkitkan masalah kekurangan doktor di kebanyakan hospital dan klinik kerajaan termasuklah bilangan doktor pakar yang terhad. Pada masa ini nisbah doktor, doktor gigi dan ahli farmasi kepada penduduk negara ini masih tinggi - iaitu nisbah 1 doktor:1,307 pesakit; dan 1 doktor gigi:9,716 pesakit; dan 1 ahli farmasi:6,512 pesakit. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah kekurangan doktor di luar bandar dan di bandar?

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, berapakah bilangan doktor dan ahli farmasi yang dapat dilahirkan oleh IPTA/IPTS dalam negara? Juga berapakah bilangan graduan rakyat negara ini dalam bidang perubatan dan farmasi luar negara? Adakah kerajaan bercadang meningkatkan jumlah pengambilan pelajar IPTA/IPTS dalam negara dalam bidang perubatan dan farmasi ini? Juga adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah universiti awam yang khusus dalam bidang sains perubatan yang lengkap dengan hospital pengajar serta menawarkan kursus pergigian, farmasi, bio-perubatan, kejururawatan, optometri, dietik dan kesihatan bagi mengatasi masalah kekurangan doktor dan farmasi di negara ini?

■ 1700

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kekurangan doktor ini juga saya ingin menyentuh tentang isu siswazah perubatan UKM ditawarkan oleh kerajaan Singapura untuk berkhidmat di hospital negara itu. Setakat ini, seramai 20 orang atau 10% daripada 209 orang siswazah perubatan UKM yang tamat pengajian pada bulan Mac lalu telah menerima tawaran daripada kerajaan Singapura dan dijangka seramai 80 orang atau 39% siswazah lagi akan turut berkhidmat di negara itu. Ramai siswazah perubatan UKM ini telah menerima tawaran daripada kerajaan Singapura yang menawarkan gaji lumayan SGD2,690 bersamaan dengan RM6,197 sebulan. Manakala doktor pelatih di negara ini hanya dibayar gaji sebanyak RM3,665 dengan purata elaun antara RM500 sehingga RM1,000 sebulan. Gaji dan elaun yang diterima oleh doktor pelatih di Malaysia adalah lebih baik berbanding pada masa lampau.

Walaupun ganjaran yang diterima agak rendah berbanding Singapura, namun siswazah perubatan ini sepatutnya mengutamakan semangat nasionalisme dan patriotik dengan berbakti kepada rakyat negara ini dan bukannya mengejar tawaran gaji lumayan di negara asing. Tindakan siswazah perubatan ini juga merugikan negara yang telah mengeluarkan peruntukan yang besar bagi membiayai kos pengajian mereka. Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sama ada akan memperkenalkan peraturan yang mewajibkan semua siswazah perubatan rakyat negara ini disyaratkan dan diwajibkan berkhidmat di hospital kerajaan negara ini bagi tempoh tertentu bagi memastikan negara tidak kehilangan doktor-doktor ini dan membantu masalah kekurangan doktor di negara ini serta membendung masalah *brain drain* yang sedang dihadapi negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang perkhidmatan awam. Dalam menerajui hala tuju bagi mencapai inspirasi RMKe-10 ini, kerajaan telah mengenal pasti lima strategi utama iaitu salah satunya ialah mengubah falsafah dan pendekatan kerajaan ke arah mentransformasikan Malaysia dengan metodologi NKRA. Dalam hubungan ini, kerajaan berhasrat menambah baik usaha pembangunan modal insan dalam sektor awam dengan meningkatkan sistem penyampaian dan merangka kerja pengurusan sumber manusia. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyentuh berhubung dengan lebih 63,000 pegawai profesional dan sokongan yang dilantik melalui Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi yang kebanyakannya akan menamatkan kontrak pada akhir tahun ini. Tidak dapat dinafikan kakitangan di bawah skim SPS ini telah membantu meningkatkan sistem penyampaian negara. Walau bagaimanapun, saya dapati pihak kerajaan tidak menyediakan perancangan dan rangka kerja pembangunan sumber manusia di sektor awam.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, adakah kerajaan bercadang menyambung kakitangan SPS ini dan seterusnya memperbaiki skim perkhidmatan yang bakal ditawarkan kerana didapati skim perkhidmatan kakitangan SPS sekarang ini kurang memuaskan seperti tidak diberikan caruman KWSP, tiada bonus dan tiada cuti tahunan. Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi kekosongan jawatan kakitangan SPS ini yang pastinya akan menjejaskan perkhidmatan awam negara? Walau bagaimanapun sekiranya kontrak perkhidmatan mereka tidak disambung, maka akan bertambahlah bilangan penganggur negara ini.

Saya percaya ini akan menjejaskan mutu perkhidmatan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan yang sebelum ini mendapat khidmat kakitangan Skim Perkhidmatan

Singkat ini. Saya difahamkan satu kajian impak keberkesanan kakitangan Skim Perkhidmatan Singkat ini telah dijalankan oleh JPA baru-baru ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung hasil kajian ini. Saya berharap kerajaan memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada kakitangan dalam perkhidmatan singkat ini supaya disambung perkhidmatan atau diserap terus dalam perkhidmatan memandangkan mereka merupakan modal insan yang berpengalaman dan penting kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam RMKe-10 ini kerajaan juga beriltizam melalui strategi kelima iaitu mewujudkan persekitaran kondusif ke arah mempertingkatkan kualiti hidup dengan meningkatkan kecekapan pengangkutan awam. Dalam ucapan ketika membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat dahulu saya meminta kerajaan menimbangkan agar wanita diberikan peluang iaitu Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan diberikan peluang sebagai Pengerusi SPAD kerana menunjukkan prestasi yang amat membanggakan. Malangnya hasrat tidak kesampaian Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, saya akur dengan pilihan kerajaan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bilakah SPAD akan beroperasi sebagai pihak berkuasa tunggal untuk mengawasi dan menguatkuasakan piawaian perkhidmatan serta menyediakan rancangan jangka panjang pengangkutan awam bandar? Berapakah perbelanjaan yang SPAD beri tempoh RMKe-10 ini dan apakah projek-projek keutamaan yang bakal dilaksanakan? Berhubung dengan pengangkutan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah meletakkan pengangkutan awam bandar sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara.

Walaupun bagaimanapun saya ingin menyentuh tentang mutu pengangkutan awam yang didapati belum memuaskan dalam menyediakan kemudahan mobiliti awam rakyat terutama di kawasan bandar. Pengusaha-pengusaha pengangkutan awam tidak melengkap antara satu sama lain malah dibiarkan untuk bersaing antara satu sama lain. Pengangkutan awam adalah wajar menetapkan penanda aras daripada aspek kecekapan, keselesaan dan keselarasan keseluruhan kenderaan pengangkutan awam. RMKe-10 adalah jangka pelaksanaan penting dalam membangunkan sistem pengangkutan awam negara dalam menuju negara maju.

Pada tahun 2012 sistem komuter, KTMB dan LRT akan dipertingkatkan sebanyak 1.7 sehingga empat kali ganda bergantung pada laluan tertentu. Laluan bas yang khusus merentasi 12 koridor utama di Lembah Klang yang dijangka menampung

35,000 orang sehingga 55,000 orang penumpang pada waktu puncak selain penambahan 850 buah. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bagaimanakah rancangan tersebut akan direalisasikan dan apakah kemudahan prasarana yang akan dibangunkan?

Selain membangunkan perkhidmatan pengangkutan awam darat di bandar, saya berharap kerajaan turut merangka pelan pengangkutan nasional bagi RMKe-10 termasuklah pengangkutan antara bandar ke bandar serta pengangkutan luar bandar.

■1710

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, adakah kerajaan telah menyiapkan Pelan Induk Pengangkutan Nasional dan bilakah akan dilaksanakan? Seterusnya saya ingin menyentuh tentang pengakuan Jabatan Pengangkutan Jalan, JPJ berhubung tunggakan 17 juta keping saman tertunggak sejak tahun 2000 hingga tahun 2008. Saya amat kecewa dengan prestasi JPJ ini yang hanya pandai mengeluarkan banyak saman tetapi telah gagal mengutipnya... *[Tepuk]*

Jumlah kutipan saman yang belum dikutip oleh Jabatan Pengangkutan Jalan semenjak tahun 2000 itu amat tinggi, iaitu lebih daripada RM2 bilion. JPJ juga terus mengeluarkan kira-kira 10,000 saman setiap hari seluruh negara. Ini menunjukkan JPJ memang cekap mengeluarkan saman, tetapi tidak cekap melaksanakan kutipan saman... *[Ketawa]* Dari satu sudut, kita mahu JPJ mengutip sepenuhnya saman yang tertunggak tetapi dari sudut lain pengguna jalan raya tidak wajar dibebankan kerana kelemahan JPJ sendiri, sehingga menyebabkan saman yang telah sepuluh tahun pun masih belum dapat dikutip. Apakah puncanya JPJ mengambil masa untuk mengutip saman-saman ini?

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan JPJ ini tidak wajar di atas bahu pengguna jalan raya, kerana kelemahan JPJ ini telah menyebabkan ada pengguna jalan raya yang mungkin mempunyai dua atau tiga saman. Malah ada yang ada sehingga 10 saman yang tidak sedari dan hanya mengetahui apabila mahu memperbaharui cukai jalan atau lesen memandu. Keadaan ini tentulah membebankan rakyat, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Minta laluan Yang Berhormat

**Dato' Zaitun binti Mat:** Adakah kerajaan...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Minta laluan.

**Dato' Zaitun binti Mat:** Ya, ya.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat yang memberikan laluan kepada saya. Masalah saman yang tertunggak yang begitu banyak telah menjadi sungutan rakyat yang begitu dahsyat. Kerana saman-saman ini termasuk juga saman ekor. Yang ini yang tuan punya kereta tidak tahu bahawa dia di saman dan satu kenyataan yang pernah dikeluarkan kalau tidak silap saya oleh pihak polis, bahawa lebih 60% saman ekor ini, bukan tuan kereta yang bawa kereta itu, mungkin anak dia, mungkin adik dia, mungkin kawan dia tetapi, apabila hendak pergi bayar *road tax*, ada yang kena sampai RM5 ribu, RM10 ribu dan ada yang kereta itu yang harga RM3 ribu, kena bayar saman RM5 ribu untuk bayar *road tax*. Jadi sudah tentulah ini menyusahkan rakyat, mestilah kerajaan mempunyai satu mekanisme yang lain untuk menyelesaikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat apa penjelasan itu.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Yang seperti ini. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa penjelasan kepada...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya pohon penjelasan kepada Yang Berhormat yang bercakap tadi, dan yang keduanya sekarang ini kita sedang membahaskan perbekalan Rancangan Malaysia Kesepuluh, yang ada Timbalan Menteri dua orang, pegawai kementerian yang ada sampai 20 orang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah, saya sudah tegur tadi.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih... *[Ketawa]*

**Dato' Zaitun binti Mat:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah mengukuhkan daripada ucapan saya tadi. Saya hendak teruskan ini. Adakah kerajaan bercadang memansuhkan terus saman yang gagal dikutip oleh JPJ bagi semua saman tahun 2008 atau melebihi satu tahun yang gagal dikutip JPJ, memandangkan kegagalan mengutip saman ini adalah kerana kelemahan JPJ. Apakah langkah JPJ bagi memastikan JPJ memperbaiki kutipan saman supaya tidak tertunggak sehingga lebih daripada setahun?

Apakah langkah JPJ untuk mematikan usaha mengutip tunggakan saman ini tidak membebankan rakyat? Berapa banyakkah jumlah kutipan saman oleh JPJ bagi tahun 2008, 2009 dan 2010. Berapa banyakkah hasil kutipan saman ini digunakan untuk program Mendidik Pengguna jalan raya kerana JPJ mengatakan tindakan menyaman ini adalah satu kaedah untuk mendidik pengguna jalan raya.

Saya berpendapat adalah penting pengguna jalan raya diberikan didikan bukan sahaja dari segi mematuhi peraturan jalan raya tetapi pelbagai aspek keselamatan jalan raya. Maka hasil kutipan saman kesalahan jalan raya adalah wajar digunakan untuk mendidik pengguna jalan raya, begitu juga dengan modus sekolah memandu yang hanya mementingkan dari segi peraturan jalan raya dan tidak dari segi keselamatan jalan raya.

Adakah kerajaan bercadang mengkaji semula modus sekolah memandu sekarang supaya pemandu jalan raya tidak diberikan hanya kesedaran mematuhi peraturan jalan raya tetapi juga keselamatan jalan raya. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, adakah kerajaan bercadang meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 untuk memantapkan tindakan penguatkuasaan JPJ. Akhirnya Malaysia hanya sebuah negara yang kecil dengan jumlah penduduk lebih kurang 20 juta, hanya baru 53 tahun merdeka dan kini memasuki fasa Ke-10 Rancangan Malaysia.

Berkat kepimpinan yang berwawasan telah membawa negara dari sebuah negara pertanian kepada negara maju seperti hari ini. Sehingga kini banyak pembangunan ekonomi dan sosial, infrastruktur dan prasarana bertaraf dunia telah berjaya dicapai dan diadakan, malah kejayaan negara kita telah dikagumi negara lain. Begitu pun negara, juga terdedah kepada krisis ekonomi global, tetapi kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara bukan sahaja telah berjaya mengatasi tetapi telah melonjakkan ekonomi negara.

Sesungguhnya RMK-10 bertemakan rancangan kemakmuran ekonomi dan keadilan sosial yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, saya percaya akan memacu negara kepada negara maju berpendapatan tinggi melalui transformasi negara dan seterusnya mencapai Wawasan 2020. Berlandaskan gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.' Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Bahawa kita berharap sangat kalau boleh semua Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, kemukakan nama-nama. Kalau boleh hendak beri peluang kepada semua bercakap. Soalnya kita hendak tentukan bahawa Yang Berhormat bersedia dan kalau boleh duduk di Dewan juga mendengar apa yang diperkatakan oleh rakan-rakan semua, kalau tidak banyak faedahnya dan untuk menyenangkan Yang Berhormat, kalau bercakap agaknya isu telah dibangkitkan, tidak perlu lagi.

Contohnya Yang Berhormat sebentar tadi sentuh berkenaan JPJ, Jabatan Perkhidmatan Awam dan pandangan itu baik dan kalau sekiranya ada lain daripada tokok tambah teruskan. Jangan ulang yang itu lagi supaya Dewan ini menampakkan suatu kualiti yang berterusan dan yang berketerampilan. Ada saya harap kerjasama dan semua Ahli Yang Berhormat yang bercakap itu, kalau boleh saya ingin menyarankan buat persiapan yang begitu rapi. Jangan, kalau boleh kurangkan tengok atau membaca, *try to improve* dengan izin. Bahawa Dewan kita ini, agak-agak kita hendak tengok satu hari, Yang Berhormat semua fasih dalam Bahasa Malaysia, bahasa negara kita dan di samping itu menyumbangkan.

Tadi saya sudah tegur agaknya kepada semua Ahli Yang Berhormat bercakap dan berucap dengan bersungguh-sungguh. Kita mohon banyak pertanyaan itu, saya harap wakil-wakil kementerian-kementerian itu saya percaya kalau duduk di luar pastikan agaknya esok mungkin boleh dapat daripada *Hansard*, akan buat itu tetapi, kalau boleh hadir, itu menampakkan kesungguhan.

#### ■1720

Kalau sekiranya Yang Berhormat Perdana Menteri boleh datang, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh datang, takkanlah – tolonglah! Saya menyarankan di sini bahawa – ada suatu ketika tadi, pegawai pun tidak ada. Ini saya mintalah dengan rendah hati, rendah diri. Dewan yang mulia ini satu Dewan yang patut kita hormati dan kita sama-sama pertanggungjawabkan.

Saya hendak *point* ini dirakamkan dan saya melihat bahawa perkara ini menampakkan ada kesungguhan kita. Yang kita hendak bincangkan ini satu dasar yang penting dan saya ingin melihat semua pihak beri kerjasama. Kepada Yang Berhormat yang baru menyertai Dewan ini, agar belajar dan cuba – saya hendak lihat kebolehan Yang Berhormat seterusnya.

Sekarang ini dan setakat ini saya ada sepuluh nama dah beri pada saya dan di samping itu saya bersikap adil juga. Pihak komponen parti kena bagi, pihak *opposition* kena bagi. Saya ada cakap dahulu bahawa dalam Dewan ini semua Ahli sama belaka bagi saya dan mana yang tidak betul saya tegur. Selepas itu kita hendak menunjukkan bahawa kesungguhan kita. Sudah itu kerana saya bercakap ini ada masa agaknya Yang Berhormat itu, dan ruang ini saya gunakan untuk ini. Tolong bagi nama dan kalau kita banyak masa, sama-sama kita manfaatkannya.

Seterusnya saya minta Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi kalau ada beri nama. Kalau sekiranya nanti pukul 5.30 petang kita berhenti dan

sambung esok kepada Yang Berhormat. Prioriti saya terpaksa ikut bahawa ini untuk kebaikan kita samalah di Dewan yang mulia ini. Silakan Yang Berhormat.

**5.21 ptg.**

**Puan Doris Sophia ak Brodi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya laluan untuk berucap membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Jun yang lalu. Ucapan perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, agak spesifik ataupun lebih *localize*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, teruskan.

**Puan Doris Sophia ak Brodi:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh beberapa isu yang saya rasa terpanggil untuk menyetengahkannya dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berbahagia Tun Dr Mahathir Mohamad. Kelmarin juga di Dewan yang mulia ini, Perdana Menteri menyatakan Wawasan 2020 sudah diterima sebagai dasar wawasan negara dan sesiapa yang mengambil alih tampuk pemerintahan negara ini komited menjayakannya.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang ingin saya bicarakan di sini ialah berkaitan masyarakat peribumi di Sarawak dan di Sabah. Menurut pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kabinet telah bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa khas kabinet bagi menangani isu berkaitan masyarakat peribumi di Sabah dan di Sarawak. Difahamkan jawatankuasa ini akan dianggotai oleh Menteri dan kedua-dua negeri itu dan bagi membincangkan cabaran yang dihadapi oleh penduduk bumiputera di negeri tersebut.

Saya begitu menyokong hasrat murni ini dan percaya ini adalah caranya untuk kerajaan mencari penyelesaian bagi mengintegrasikan masyarakat peribumi dalam usaha memperkukuhkan perpaduan dan pembangunan negara. Saya berharap dapat melihat isu-isu mendapat penyelesaian dan menguntungkan semua pihak dan jawatankuasa ini perlu pula sebagai proses mencari penyelesaian. Saya juga terpanggil untuk memuji langkah bijak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya perhatikan sejak menjadi Perdana Menteri, beliau betul-betul berhasrat supaya rakyat dapat manfaat dari semua aspek sebagai warganegara Malaysia menerusi gagasan 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang ingin saya utarakan ialah berkaitan isu sekolah berkemahiran berbentuk vokasional dan teknik. Saya difahamkan oleh pihak Kementerian Pelajaran bahawa kementerian menyasarkan sekurang-kurangnya 68 buah sekolah menengah teknik di seluruh negara akan distrukturkan semula untuk dijadikan sekolah menengah vokasional menjelang tahun 2012. Ianya bagi menampung keperluan pelajar dalam bidang kemahiran selain mengelakkan persepsi sekolah vokasional sebagai sekolah *second class*.

Usaha kementerian kita sekarang adalah untuk menukar balik sekolah teknik ini kepada sekolah vokasional dan menjelang tahun 2012, sebanyak 68 buah sekolah teknik akan menjadi sekolah vokasional. Saya ingin bertanya akan status pengumuman ini dan setakat manakah ianya telah dilaksanakan hingga ke hari ini atau ke saat ini?

Tuan Yang di-Pertua, sekolah vokasional pada dasarnya diwujudkan dengan tujuan memberikan kemahiran kepada pelajar-pelajar yang kurang berminat dalam bidang akademik. Kursus-kursus yang ditawarkan di sekolah aliran vokasional tersebut mampu menepati kehendak pasaran kerja. Kursus-kursus di sekolah vokasional ini juga boleh menawarkan bidang-bidang yang memberi peluang pasaran kerja kepada mereka. Contohnya, bidang penerbangan. Ambil contoh di negara luar – kalau di Indonesia, bagi mereka yang mengambil kursus vokasional bidang penerbangan ini, industri penerbangan memang sedang sedia menunggu mereka untuk diambil bekerja.

Saya mencadangkan agar kementerian mencontohi vokasional di Indonesia yang menawarkan kursus berteknologi tinggi seperti kursus teknologi dan kejuruteraan penerbangan yang mana market *demand* nya dengan izin, adalah tinggi. Setakat ini, sekolah vokasional belum lagi menawarkan bidang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk memperkenalkan mata pelajaran vokasional (MPV) kepada semua penuntut Tingkatan Satu di sekolah menengah biasa? Ini kerana, sebelum ini mata pelajaran vokasional hanya diajar di setengah sekolah menengah biasa dan itu pun hanya melibatkan pelajaran Tingkatan Empat. Pelajaran vokasional yang melibatkan kemahiran ini akan membolehkan pelajar membina kebolehan mereka. Pelajar akan mempunyai pilihan untuk cemerlang dalam bidang kemahiran jika mereka didapati tidak berminat dalam ilmu akademik.

Saya percaya, pengenalan mata pelajaran vokasional (MPV) juga akan mengurangkan masalah disiplin kerana pelajar akan tertumpu pada kegiatan kemahiran dan tidak kepada teori akademik semata-mata. Untuk makluman Dewan ini, kita

sebenarnya agak ketinggalan kerana di Australia, subjek berdasarkan kemahiran ini telah dimulakan dari sekolah tadika lagi.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Usaha yang lebih gigih perlu untuk menghapuskan persepsi negatif mengenai keadaan luar bandar yang lazimnya di label sebagai mundur, di belenggu pengangguran dan kemiskinan serta tiada peluang pekerjaan. Dalam hal ini, saya fikir negara perlu mencontohi bagaimana negara-negara maju yang berjaya mengubah imej kawasan luar bandar. Sebagai contoh, kita ambil contoh di Jepun, kawasan luar bandar bukan hanya menjadi destinasi pelancong, malahan menjadi pilihan tempatan bagi golongan elit dan penduduk berpendapatan tinggi.

■ **1730**

Kawasan luar bandar yang berimej mundur..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Doris, jam tepat 5.30 petang. Yang Berhormat ada 20 minit esok untuk sambung.

**Puan Doris Sophia ak Brodi:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita tangguh. Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk dikemukakan Usul Penangguhan.

**USUL**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 15(3)**

**Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### **Dasar Tindakan Sepadu Pencegahan Gejala Sosial**

#### **5.31 ptg.**

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Perkembangan gejala sosial negara kita adalah amat membimbangkan. Data dan fakta serta paparan gambar dan watak seumpama haiwan di akhbar di seluruh negara menggerunkan ibu bapa dan masyarakat secara amnya. Negara kita memerlukan rakyat berminda kelas pertama dan bagaimana pula dengan persoalan maruah dan akhlak dalam memacu ekonomi negara? Dalam RMKe-10 isu akhlak rakyat tidak menolak fokus dan peruntukan yang khusus dan munasabah. Berikut adalah isu yang perlu dirungkai bagi mengatasi sebahagian daripada masalah ini:-

- (i) kerajaan hendaklah menaikkan tanda amaran merah untuk peningkatan kes gejala sosial khususnya pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak dan menetapkan gejala sosial sifar;
- (ii) apakah standard amalan Kabinet dalam memastikan kementerian menjadikan agenda pambanterasan gejala sosial merentasi semua aktiviti dan program kerajaan dan swasta;
- (iii) apakah akta yang mengawal aktiviti kelab malam dan pusat hiburan negara kita dan mengapakah tiada peruntukan bahawa mana-mana premis itu akan disita dan ditutup setelah terbukti wujudnya pelacur asing berpusat di situ;
- (iv) apakah negara kita mengiktiraf GRO sebagai satu pekerjaan yang sah di sudut undang-undang dan sekiranya ya, apakah pendapatan mereka dikenakan cukai, KWSP dan sekiranya tidak diiktiraf kenapa pekerja-pekerja tidak sah ini tidak dilindungi oleh kerajaan? Untuk Muslim adakah garis panduan kerja ini selaras dengan Enakmen Mahkamah Syariah Negeri atau Wilayah;
- (v) memberikan data bilangan anggota PDRM yang terpaksa bertugas untuk mencegah aktiviti maksiat ini dan jumlah serbuan serta kos yang dibelanjakan setiap tahun bermula tahun 2000 hingga kini mengikut negeri. Tindakan tegas ini akan menolak dakwaan dan tuduhan di peringkat antarabangsa bahawa negara kita sebagai hab pemerdagangan manusia;

- (vi) bilangan kelab malam, dangdut, karaoke, rekreasi dan spa dan rumah urut perlu dikenal pasti dan dilawati sebagai *hot spot* sebagaimana langkah kerajaan memantau kegiatan jenayah dan ragut;
- (vii) mengawal dan menguatkuasakan Akta Peraturan dan Enakmen Pergaulan Bebas Bukan Suami Isteri; dan
- (viii) apakah kementerian mempunyai pelan tindakan yang komprehensif bagi menangani gejala sosial di semua peringkat seperti pembuangan bayi dan mencatatkan serta mengkaji data penurunan penagihan dadah dan gejala HIV.

Berdasarkan kepada isu-isu di atas maka saya memohon kementerian mengisytiharkan pelan tindakan kerajaan bagi menunjukkan komitmen kerajaan untuk mencegah gejala sosial dan terus menular dan berakal dalam masyarakat. Ini kerana ia merupakan ancaman yang meruntuhkan maruah satu bangsa dan negara dan membantutkan pertumbuhan ekonomi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri dipersilakan menjawab.

### **5.34 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi berkenaan isu dan masalah yang berkaitan dengan gejala sosial ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, cadangan supaya kerajaan memperkenalkan tanda amaran merah sebagai petunjuk kepada tahap keseriusan kes gejala sosial adalah disokong demi meningkatkan kesedaran kepada masyarakat. Dalam hal ini kerajaan sentiasa memandang serius isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membendung masalah tersebut. Selain mempergiatkan tindakan penguatkuasaan kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah proaktif dengan menganjurkan seminar dan kempen untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terutamanya golongan remaja mengenai hukuman dan akibat daripada kegiatan buang bayi dan penderaan kanak-kanak.

Seminar dan kempen-kempen ini dilakukan melalui pelbagai pendekatan termasuk menggunakan media massa dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk di peringkat antarabangsa. Melalui tindakan sebegini kerajaan dapat meningkatkan keprihatinan masyarakat terhadap gejala-gejala sosial yang berlaku di sekeliling mereka. Di samping itu kerajaan juga telah mengambil tindakan yang sewajarnya dalam membendung aktiviti pemerdagangan orang daripada berleluasa. Ini termasuklah mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan serta membuat pindaan ke atas Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, merujuk kepada standard amaran Kabinet, isu mengenai buang bayi dan penderaan kanak-kanak semestinya menjadi topik yang sering diperbincangkan kerana ianya melibatkan isu-isu kemasyarakatan dan apakah tindakan kerajaan bagi membanteras gejala tidak bermoral ini. Kementerian percaya bahawa Kabinet sentiasa mengambil pelbagai langkah pencegahan dan pemulihan khususnya kepada individu-individu yang terlibat dengan perbuatan tidak bermoral tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kawal selia ke atas kelab malam dan pusat hiburan adalah tertakluk di bawah Akta Hiburan atau Enakmen Tempat-tempat Hiburan mengikut negeri-negeri dan pemberian lesennya adalah tertakluk kepada pihak berkuasa tempatan negeri masing-masing. Bagi kesalahan berkaitan pelacuran pula, kes akan disiasat di bawah seksyen 372A dan seksyen 372B Kanun Keseksaan. Siasatan ke atas kes-kes pelacuran memerlukan bukti yang kukuh dan ada kalanya kes gagal dibuktikan di hadapan timbalan pendakwa raya. Walau bagaimanapun PDRM akan mengambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan termasuk di bawah Akta Kediaman Rasmi 1933 bagi individu atau kumpulan yang menganjurkan kegiatan pelacuran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak ada garis panduan khusus yang dikeluarkan oleh mana-mana jabatan yang memperincikan senarai tugas pegawai perhubungan pelanggan (GRO). Oleh itu tiada peruntukan undang-undang yang tertentu yang telah memberikan pengiktirafan kepada penugasan GRO sebagai pekerjaan yang sah di sisi undang-undang. Namun begitu kesalahan-kesalahan lain yang melibatkan GRO boleh juga diambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada. Contohnya perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti berkhawat dan minum minuman keras bagi orang Islam yang boleh diambil tindakan mengikut Enakmen Jenayah Syariah. Selain itu tindakan mengikut Akta Pasport dan

Akta Imigresen boleh juga dikenakan bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan permit kerja dan pas lawatan iaitu bagi warga asing.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak polis sentiasa memantau dan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pengusaha kelab malam dan pusat hiburan yang melanggar peraturan. Sepanjang tahun 2003 hingga Mei 2010, pihak polis telah membuat 89,857 serbuan dan dalam setiap serbuan kebiasaannya akan melibatkan seorang pegawai dengan kekuatan lima orang anggota yang dianggarkan menelan belanja RM200 bagi setiap serbuan bergantung kepada kos-kos lain seperti pengangkutan, jarak dan tempat serbuan.

#### ■1740

Kementerian juga ingin menegaskan dan menolak sekeras-kerasnya dakwaan bahawa negara kita adalah sebuah negara hab pemerdagangan manusia antarabangsa seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan ke atas rumah urut, kelab malam, dangdut, karaoke, rekreasi dan spa adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun pemantauan berterusan oleh pihak polis sentiasa dilakukan dan bagi memastikan kegiatan yang tidak bermoral ini dapat dikesan dan dibanteras.

Berkaitan isu enakmen hubungan bukan suami isteri dan isu caruman KWSP serta cukai pendapatan oleh pekerja-pekerja GRO. Kementerian ini berpendapat bahawa isu tersebut perlu dijawab oleh jabatan atau kementerian yang lebih arif berkenaan isu tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat usul penangguhan sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian sebelum kita tangguhkan, saya mengingatkan bahawa saya sudah terima berjumlah 17 Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan hasrat untuk berucap dan bagi tarikh - ini menyenangkan pihak kita menentukan masa. Saya mengalu-alukan tindak tanduk Ahli-Ahli Yang Berhormat buat ini untuk menyenangkan kita bersama-sama dapat menghayati.

Satu lagi perkara, yang kedua, saya hendak bagi pandangan bahawa ucapan penangguhan ini sebenarnya semua Ahli-ahli Yang Berhormat boleh buat tetapi dengan syaratnya bagi notis tujuh hari. Kalau ambil kesempatan ini agaknya cara ini adalah

peluang untuk Yang Berhormat bercakap dan pihak kementerian akan jawab sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri tadi. Akan tetapi dengan syaratnya tujuh hari, *seven days* dengan izin. Kalau dapat itu untuk Yang Berhormat semua boleh bercakap isu apa sekalipun. Sekian, dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu 21 Julai 2010. Terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.42 petang.***